

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG
Tahun 2011





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG
Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I : AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	
Pengurusan Tabung Usahawan Pahang	
Jabatan Pengairan Dan Saliran	17
Program Mengorek Sungai-Sungai	
Pejabat Tanah Dan Galian	25
Jabatan Mineral Dan Geosains	
Pengurusan Lesen Dan Kutipan Royalti Bahan Mineral Emas Dan	
Bijih Besi	
Jabatan Agama Islam Pahang	36
Pengurusan Bekalan Makanan Bermasaki Ke Asrama	
Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang	
Jabatan Pertanian	57
Program Pembangunan Industri Agro Pelancongan Taman Pertanian	
Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan	
Lembaga Muzium Negeri Pahang	77
Pengurusan Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah	
Majlis Perbandaran Kuantan	97
Majlis Perbandaran Temerloh	
Pengurusan Projek Kamera Litar Tertutup	

PERKARA**MUKA SURAT****BAHAGIAN II : PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Pendahuluan	123
Syarikat Kerajaan Negeri	123
Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.	
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	143
Rumpun Timur Sdn. Bhd.	
Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	158
Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.	

BAHAGIAN III : PERKARA AM

Pendahuluan	173
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010	173
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	181
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	181
PENUTUP	185



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2011 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 5 Jabatan, 2 Agensi dan 3 Syarikat Kerajaan. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

- | | | |
|---------------------|----------|---|
| Bahagian I | : | Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri |
| Bahagian II | : | Pengurusan Syarikat Kerajaan/Agensi Negeri |
| Bahagian III | : | Perkara Am |

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2011 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kelemahan dalam pengurusan hasil; kekurangan peruntukan kewangan; kelewatan mengeluarkan lesen; kontrak tidak dipatuhi; projek gagal; rekod tidak kemas kini; kelemahan penyelenggaraan; serta kelemahan dalam urus tadbir syarikat. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 43 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Di samping mengikut kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan "**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**" bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/ Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
~~Ketua Audit Negara~~
~~Malaysia~~

Putrajaya
5 Jun 2012



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI - Pengurusan Tabung Usahawan Pahang

1.1. Tabung Usahawan Pahang (Tabung) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 1995 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Ke 7/1995. Penubuhan Tabung ini adalah mengikut Seksyen 10(4)(b), Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61) dengan jumlah caruman RM5 juta. Tujuan Tabung ini diwujudkan adalah untuk menangani masalah kesulitan usahawan Pahang bagi mendapatkan pembiayaan kewangan dalam bentuk pinjaman mudah. Peminjam akan dikenakan kadar faedah tidak melebihi 2% setahun dan proses bayaran balik pinjaman diuruskan oleh 4 Institusi Kewangan terpilih. Tabung ini juga menyediakan skim pinjaman alternatif dengan kos yang berpatutan. Selain itu, Tabung ini boleh digunakan untuk membantu pembiayaan infrastruktur, latihan keusahawanan yang bersesuaian dengan matlamat Pusat Pembangunan Usahawan (PPU). Promosi Tabung dibuat melalui edaran Borang Permohonan kepada para usahawan semasa kempen galakan usahawan dijalankan.

1.2. Pengauditan telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 di Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (BPEN). Secara keseluruhannya, pengurusan Tabung adalah kurang memuaskan kerana wujud kelemahan seperti berikut:

1.2.1. Tunggakan bayaran balik pinjaman Tabung sehingga akhir tahun 2011 berjumlah RM4.49 juta daripada RM9.24 juta pinjaman yang diberikan.

1.2.2. Pemberian pinjaman telah dibekukan pada tahun 2001 dan sehingga akhir tahun 2011, Tabung masih mempunyai baki terkumpul berjumlah RM5.95 juta.

1.2.3. Seramai 10 peminjam sedang dalam proses tindakan undang-undang seperti diisyiharkan muflis, disenarai hitam, saman dan lelongan aset kerana gagal menjelaskan pinjaman.

1.2.4. Pihak Kerajaan terpaksa menanggung beban daripada kegagalan peminjam menjelaskan pinjaman yang dianggarkan berjumlah RM2.95 juta.

1.3. Bagi memastikan Tabung dapat diurus dan dilaksanakan dengan lebih berkesan, adalah disyorkan supaya pertimbangan berikut diambil perhatian:

1.3.1. BPEN perlu mewujudkan satu unit khusus untuk menguruskan Tabung ini jika ia hendak diteruskan agar segala tindakan dapat dibuat dengan lebih berkesan.

1.3.2. Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan untuk menggunakan baki terkumpul Tabung berjumlah RM5.95 juta bagi Program Keusahawanan kerana ia merupakan satu jumlah yang besar dan lebih kepada perbelanjaan pengurusan.

1.3.3. Tindakan undang-undang terhadap peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman perlu dilaksanakan dengan segera agar tidak berlanjutan terlalu lama.

1.3.4. Mekanisme pemantauan yang lebih berkesan perlu dibuat dengan mengadakan perbincangan, mesyuarat dan lawatan ke premis perniagaan peminjam dengan lebih kerap.

2. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Program Mengorek Sungai-sungai

2.1. Negeri Pahang mempunyai 2,059 batang sungai yang telah diwartakan dengan keseluruhan panjang 11,960 kilometer. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS Negeri) bertanggungjawab memastikan pengurusan sungai yang baik, memulihara air sungai dan kualitinya, mengurangkan risiko banjir dan memberi maklum balas segera kepada apa jua aduan serta kerja pembaikan yang berkaitan dengan sungai. Sehubungan itu, Program Mengorek Sungai-sungai (Program) merupakan satu daripada aktiviti yang dilaksanakan oleh JPS Negeri bagi melindungi dan memastikan aliran air sungai mengalir dengan lancar bagi mengatasi masalah banjir. Skop Program adalah kerja-kerja mengorek, mendalam dan memperelok aliran sungai melibatkan kerja membentuk semula muka keratan sungai. Program ini mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan tumpuan pelaksanaan kerja-kerja mengorek sungai dilakukan sebelum dan selepas musim tengkujuh. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), sejumlah RM6.70 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program ini. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.10 juta atau 76.1% telah dibelanjakan. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), sejumlah RM4.60 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.03 juta telah diagih dan dibelanjakan pada tahun 2011.

2.2. Pengauditan telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pengurusan Program Mengorek Sungai-sungai adalah kurang memuaskan kerana tiada perancangan khusus semasa penyediaan bajet oleh setiap JPS Daerah dan pelaksanaan kerja lebih tertumpu kepada kerja penyenggaraan berbanding kerja mengorek dan mendalamkan sungai. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

2.2.1. JPS Daerah tidak menyediakan perancangan khusus semasa penyediaan bajet termasuk keperluan menyenaraikan semua projek mengikut keutamaan.

2.2.2. Pelaksanaan kerja adalah terhad dan lebih kepada kerja penyenggaraan berskala kecil dan bersifat jangka pendek.

2.2.3. Pencapaian Program tidak dapat diukur kerana tiada penetapan sasaran pelaksanaan.

2.3. Bagi penambahbaikan terhadap pengurusan Program ini, adalah disyorkan perkara seperti berikut:

2.3.1. JPS Daerah perlu mematuhi sepenuhnya garis panduan penyediaan rancangan dan bajet yang telah dikeluarkan oleh Pengarah JPS Negeri.

2.3.2. JPS Negeri/Daerah perlu memastikan pelaksanaan kerja selaras dengan skop Program yang ditetapkan.

3. PEJABAT TANAH DAN GALIAN

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS

- Pengurusan Lesen Dan Kutipan Royalti Bahan Mineral Emas Dan Bijih Besi

3.1. Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan permohonan dan pengeluaran lesen melombong Negeri Pahang ialah Unit Mineral, Pejabat Tanah Dan Galian (PTG). Unit ini adalah sebagai *One Stop Agency* bagi urusan permohonan lesen perlombongan di seluruh Negeri Pahang, manakala kelulusan pengeluaran lesen adalah tertakluk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Peraturan yang diguna pakai berhubung pengurusan lesen dan kutipan royalti bahan mineral ialah Enakmen Mineral 2001 Negeri Pahang dan Peraturan-peraturan Mineral 2005. Undang-undang berkenaan telah dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2006. Manakala Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG) pula bertanggungjawab menyediakan Skim Pengendalian Melombong/*Operational Mining Scheme* (OMS) yang wajib dipatuhi oleh pemajak/pengusaha lombong, melaksanakan kawal selia dan pemantauan ke atas operasi lombong. Selain menguruskan permohonan lesen perlombongan, PTG dan JMG juga bertanggungjawab untuk menguruskan royalti daripada hasil mineral yang dikeluarkan oleh pemajak/pengusaha lombong. Pada tahun 2009 hingga 2011, jumlah kutipan royalti masing-masing berjumlah RM13.34 juta, RM21.64 juta dan RM39.92 juta. Secara keseluruhannya, hasil royalti mineral pada tahun 2010 telah meningkat sebanyak 62.2% berbanding tahun 2009 dan pada tahun 2011 pula, ia meningkat sebanyak 84.5% berbanding tahun 2010.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 di Unit Mineral PTG dan Jabatan Mineral Dan Geosains serta di 3 lombong emas di Daerah Lipis, 7 lombong bijih besi di 4 daerah iaitu 3 di Jerantut, 2 di Rompin serta masing-masing satu di daerah Kuantan dan Lipis mendapati kelemahan seperti berikut:

3.2.1. Permohonan pengeluaran lesen pajakan melombong mengambil tempoh yang lama sehingga 605 hari.

3.2.2. Kuantiti pengeluaran sebenar bijih mineral tidak dapat ditentukan.

3.2.3. Syarat Berkanun Pajakan Melombong tidak dipatuhi dan perlanggaran Syarat Skim Pengendalian Melombong/*Operational Mining Scheme* (OMS).

3.2.4. Aktiviti perlombongan telah mendatangkan masalah bunyi bising dan debu terhadap penduduk berhampiran lombong.

3.2.5. Pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah.

3.3. Bagi penambahbaikan terhadap pengurusan lesen dan kutipan royalti bahan mineral emas dan bijih besi ini, adalah disyorkan pihak PTG dan JMG melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

3.3.1. Mempercepatkan proses pengeluaran lesen agar mematuhi prosedur kualiti Jabatan. Untuk itu, koordinasi antara Jabatan Teknikal dan PTG perlu dipertingkatkan.

3.3.2. PTG dan JMG hendaklah menjalankan kerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi membantu menjalankan kajian semula terhadap mekanisme permohonan dan pengeluaran lesen serta kutipan royalti bagi memastikan Kerajaan Negeri tidak mengalami kerugian hasil.

3.3.3. Menambah baik peraturan mineral berkaitan penggunaan dokumen perjalanan sah yang dikeluarkan oleh PTG (Borang 13D) bagi pemindahan bijih mineral daripada lombong oleh pemajak/pengusaha.

3.3.4. Memastikan perjawatan yang mencukupi untuk Unit Mineral agar tugas-tugas memproses permohonan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

3.3.5. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas lombong bagi memastikan semua lombong yang terlibat mengikut arahan dan syarat yang digariskan terutamanya yang boleh memberi kesan kepada alam sekitar dan manusia.

4. JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

- **Pengurusan Bekalan Makanan Bemasak Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang**

4.1. Kerajaan Negeri Pahang mempunyai 18 buah Sekolah Menengah Agama (SMA) yang terletak hampir di semua daerah. SMA ini adalah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP). Setiap SMA mempunyai asrama dan pengurusan bekalan makanan bemasak adalah di bawah tanggungjawab JAIP. Kerajaan Negeri melalui JAIP membiayai kontrak bekalan makanan bemasak yang diperbaharui setiap 2 tahun sekali. Bagi tempoh 2008 hingga 2009, nilai kontrak bekalan makanan bemasak bagi semua

asrama SMA adalah berjumlah RM27.88 juta, manakala bagi tempoh 2010 hingga 2011 berjumlah RM36.60 juta dengan anggaran jumlah bilangan pelajar adalah seramai 7,990 orang. Pada tahun 2009, perbelanjaan bekalan makanan bermasak bagi 18 buah asrama SMA berjumlah RM11.08 juta, tahun 2010 berjumlah RM12.96 juta dan RM12.86 juta pada tahun 2011.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2011 di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan JAIP serta 10 buah SMA mendapati kelemahan seperti berikut:

4.2.1. Pengurusan bekalan bahan mentah dan bahan kering:

4.2.1.1. Bekalan bahan mentah yang dibekalkan tidak mengikut sukanan yang ditetapkan.

4.2.1.2. Bahan-bahan yang dibekalkan tidak berlabel halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan telah melebihi tarikh luput.

4.2.1.3. Stok bahan makanan utama yang boleh disimpan lama tidak mampu menampung keperluan minimum selama 3 hari.

4.2.2. Spesifikasi bekalan bahan mentah dan bermasak yang dibekalkan – kualiti ikan yang dibekalkan tidak dapat ditentukan.

4.2.3. Prestasi kebersihan persekitaran dapur dan dewan makan serta pengurusan dan keselamatan dapur kurang memuaskan.

4.2.4. Borang Pesanan makanan disediakan kurang dari 48 jam dan tiada tarikh pesanan dicatat dalam borang.

4.2.5. Pekerja tidak dihantar menghadiri Kursus Pengendalian Makanan.

4.2.6. Pemantauan di peringkat JAIP dan SMA kurang memuaskan kerana Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Pemantau tidak ditubuhkan.

4.3. Bagi penambahbaikan terhadap pengurusan bekalan makanan bermasak di asrama SMA ini, adalah disyorkan pihak JAIP dan SMA melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

4.3.1. Pihak JAIP perlu menyediakan garis panduan atau tatacara bagi memperkemas dan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan pembekalan, penyediaan bahan mentah dan bermasak serta menerima pakai Panduan Pelaksanaan Kontrak Bekalan Bermasak Di Sekolah-Sekolah Berasrama mengikut Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994.

4.3.2. Penambahbaikan terhadap syarat kontrak yang disediakan oleh JAIP dengan memasukkan secara terperinci spesifikasi bahan bekalan yang dibekalkan oleh kontraktor.

4.3.3. Mengadakan latihan dan taklimat kepada Penyelia Asrama/Pengelola Makanan SMA berkenaan pengurusan makanan bermasak supaya mereka lebih memahami syarat kontrak.

4.3.4. Pihak SMA perlu mengadakan pemantauan secara harian dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat-syarat kontrak.

4.3.5. Pihak JAIP perlu mengadakan kerjasama dengan agensi penguatkuasa seperti Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan pemeriksaan premis, kesihatan pekerja, peralatan dan perkakasan dewan makan serta kualiti makanan secara berkala terhadap SMA tersebut.

5. JABATAN PERTANIAN

- **Program Pembangunan Industri Agro Pelancongan Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan**

5.1. Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan (Taman Pertanian) mula dibangunkan secara berperingkat sejak tahun 1987. Taman Pertanian ini adalah sebuah taman *Agro-forestry* yang mengadunca pelbagai aktiviti pertanian dengan keindahan alam semula jadi. Taman Pertanian ini juga merupakan destinasi agro pelancongan yang unik dan tarikan pelancong bagi menikmati keindahan alam semula jadi serta menjadikan ia sebagai pusat di mana tersimpan pelbagai tanaman yang ekonomik dan berpotensi yang terdapat di seluruh negara. Keseluruhan keluasan Taman Pertanian adalah 504.4 hektar yang terdiri daripada 2 fasa. Perbelanjaan bagi membangunkan Taman Pertanian ini sejak penubuhannya iaitu dari tahun 1987 hingga akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM22.76 juta. Objektif Program Pembangunan Industri Agro Pelancongan Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan (Program) adalah untuk dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian Negeri Pahang. Program di Taman Pertanian ini dilaksanakan secara bersepadu seperti tanaman, ternakan, ternakair dan aktiviti rekreasi. Program ini akan menjadikan Taman Pertanian sebagai pusat rujukan, bahan pembelajaran dan kajian para pelajar, penyelidik, usahawan dan organisasi kerajaan atau bukan kerajaan.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya Program ini adalah kurang memuaskan kerana wujud kelemahan seperti berikut:

5.2.1. Prestasi Program masih belum mencapai objektif sepenuhnya walaupun telah mula dilaksanakan pada tahun 1987.

5.2.2. Sebanyak 7 daripada 15 projek berjaya dilaksanakan, manakala 4 projek tidak berjaya dilaksanakan. Selain itu, 3 projek lagi tidak dilaksanakan dan satu projek iaitu Pusat Latihan Pertanian telah diserahkan kepada Yayasan Pahang pada tahun 1993 untuk dijadikan pusat pengajian.

5.2.3. Tiada kaedah pemantauan bagi memantau pelaksanaan pembangunan projek dan kerja-kerja penyenggaraan juga menjelaskan pembangunan Program.

5.3. Bagi memastikan pengurusan Program dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan Pertanian mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

5.3.1. Kajian semula secara terperinci mengenai konsep dan objektif projek perlu dijalankan bagi memastikan projek yang sedia ada dapat dipraktikkan agar dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan serta tidak menghadapi kegagalan seperti yang telah berlaku.

5.3.2. Memperhebat promosi bagi memperkenalkan Taman Pertanian dan meningkatkan bilangan pengunjung.

5.3.3. Mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memantau pelaksanaan pembangunan projek dan kerja-kerja penyenggaraan di Taman Pertanian.

5.3.4. Mempertingkatkan kerjasama dan koordinasi pelaksanaan tugas antara agensi Kerajaan Negeri seperti Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan dan industri-industri lain seperti MARDI, FRIM dan sebagainya untuk mendapatkan khidmat nasihat atau bantuan bagi menjayakan Taman ini.

6. LEMBAGA MUZIUM NEGERI PAHANG

- Pengurusan Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah

6.1. Lembaga Muzium Negeri Pahang (Lembaga) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Bil. 1/1975 pada 14 Ogos 1975, adalah bertanggungjawab menjaga warisan dan khazanah negeri dengan sempurna dan sistematik serta segala kuasa yang tertakluk dalam Enakmen tersebut. Antara lain peranan muzium juga adalah bertanggungjawab memulihara dan mendokumentasikan hasil koleksi dan artifak sejarah yang diperoleh. Koleksi adalah sesuatu yang mempunyai nilai sejarah dan budaya yang diperoleh sama ada secara pembelian, pinjaman atau hadiah. Manakala artifak pula adalah sesuatu yang diperoleh daripada tanah, dasar sungai, tasik atau laut yang telah dikeluarkan dan diubah suai serta dipercayai berumur sekurang-kurangnya 100 tahun.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan bahan koleksi dan artifak sejarah Lembaga Muzium

Negeri Pahang adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

6.2.1. Rekod berkaitan koleksi dan artifak sejarah tidak diselenggara dengan sempurna dan kemas kini.

6.2.2. Pelabelan sementara digunakan kepada koleksi dan artifak sejarah.

6.2.3. Koleksi dan artifak sejarah yang sama dibeli/disimpan dalam kuantiti yang banyak.

6.2.4. Tiada Perubahan terhadap teknik dan jenis pameran yang diadakan serta promosi kurang diadakan.

6.2.5. Kerja-kerja pemuliharaan/ pembersihan tidak dibuat secara berkala.

6.3. Bagi memastikan objektif utama Lembaga dapat direalisasikan dan muzium menjadi salah satu destinasi tumpuan pengunjung terutama generasi muda bagi mengenali warisan sejarah serta khazanah Negeri Pahang adalah disyorkan Lembaga Muzium Negeri Pahang mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

6.3.1. Mewujudkan jawatankuasa berkaitan perolehan bahan koleksi dan artifak bagi memastikan setiap koleksi dan artifak yang dibeli mempunyai nilai sejarah, dalam kuantiti yang sewajarnya dan pada harga yang kompetitif.

6.3.2. Mewujud dan memperkemaskan sistem merekodkan koleksi dan artifak sejarah serta menyelenggarakannya dengan lengkap, teratur dan kemas kini.

6.3.3. Mempelbagaikan dan memperbanyakkan pameran dengan pilihan koleksi yang lebih menarik seperti pameran bertema bagi menarik minat pengunjung terutama generasi muda bagi mengenali dan mencintai sejarah dan budaya bangsa.

6.3.4. Mempertingkat dan memperhebat lagi promosi kepada golongan sasar dengan mengadakan promosi di tempat tumpuan awam seperti di pejabat, sekolah, hotel dan kompleks membeli belah.

6.3.5. Memastikan setiap bahan koleksi dan artifak yang menjadi warisan sejarah dijaga dan dipulihara sebaiknya bagi tatapan generasi akan datang.

7. MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH - Pengurusan Projek Kamera Litar Tertutup

7.1. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan projek pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV). Projek ini telah

dilaksanakan di Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Majlis Perbandaran Temerloh (MPT). Tujuan utama pemasangan CCTV adalah untuk memantau keadaan persekitaran, mengurang, mengelak serta mencegah kejadian jenayah. MPK telah memperuntukkan sejumlah RM0.98 juta bagi pemasangan 8 unit CCTV di sekitar Bandar Kuantan. Selain itu, sebanyak 16 unit CCTV telah dibekalkan kepada MPK di mana kos sewaan dan penyenggaraan dibiayai sepenuhnya oleh KPKT berjumlah RM1.90 juta. Manakala pada tahun 2009 MPT telah memperuntukkan sejumlah RM0.38 juta bagi pemasangan 5 unit CCTV di sekitar Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati Pengurusan Projek Kamera Litar Tertutup oleh Pihak Berkuasa Tempatan perlu dipertingkatkan lagi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan keberkesanan penggunaan CCTV dalam usaha membanteras jenayah kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

7.2.1. Satu daripada 5 unit CCTV yang dipasang di Bandar Temerloh gagal berfungsi sejak dari awal pemasangan.

7.2.2. Unit Pengendalian Operasi CCTV bagi memastikan CCTV dapat dikendalikan dengan cekap dan berkesan dalam usaha memantau atau mencegah jenayah masih belum ditubuhkan di MPT.

7.2.3. Penempatan Bilik Kawalan CCTV yang tidak sesuai di MPT dan sistem CCTV tidak dihubung terus ke IPD Temerloh serta Bilik Kawalan CCTV di IPD Kuantan yang sempit.

7.2.4. MPK dan MPT tidak mengambil kira aspek latihan teknikal kepada kakitangan yang mengendalikan CCTV menyebabkan pemindahan kepakaran teknologi tidak dapat dilaksanakan.

7.2.5. Manual pengguna CCTV tidak lengkap iaitu hanya mengandungi garis panduan penyediaan laporan penyenggaraan dan laporan operasi CCTV.

7.3. Bagi memastikan pengurusan CCTV dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya Majlis mengambil tindakan seperti berikut:

7.3.1. Memastikan CCTV di lokasi yang ditetapkan sentiasa berfungsi dengan baik. Bagi tujuan ini, pemantauan yang berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan sistem ini disenggara mengikut jadual yang ditetapkan dan sebarang aduan kerosakan dibaiki segera.

7.3.2. Memastikan satu unit khas ditubuhkan untuk mengendali operasi CCTV di peringkat PBT dan PDRM.

7.3.3. Memastikan satu ruang khas/Bilik Kawalan yang bersesuaian disediakan di MPT, IPD Kuantan dan IPD Temerloh.

7.3.4. Memberikan latihan pengendalian peralatan dan sistem yang digunakan bagi meningkatkan kemahiran kakitangan dan pemindahan kepakaran teknologi daripada pembekal kepada kakitangan MPT, MPK dan PDRM.

7.3.5. Menyediakan Manual Pengguna CCTV yang lebih terperinci khusus untuk PDRM dan PBT yang menjalankan tugas di Pusat Kawalan CCTV.

7.3.6. Pelaporan Program Bandar Selamat perlu menggariskan keperluan penyediaan laporan statistik indeks jenayah berdasarkan lokasi CCTV yang ditempatkan selain melaporkan indeks jenayah secara menyeluruh.

7.3.7. PDRM perlu mewujudkan data indeks jenayah di setiap lokasi CCTV bagi tujuan menilai keberkesanan CCTV.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

8. SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

- **Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.**

8.1. Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd. (SPIPSB) telah ditubuhkan pada 13 November 1998. SPIPSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pahang dengan modal dibenarkan dan berbayar sepenuhnya berjumlah RM10 juta. Tujuan utama penubuhan SPIPSB ialah menjadi pusat kecemerlangan ilmu dan keterampilan insan. Misi SPIPSB adalah beriltizam meningkatkan kualiti akademik yang mengintegrasikan ilmu Aqli (Akal) dan Naqli (Al-Quran dan Hadis) bagi melahirkan individu yang seimbang, berdaya saing dan bersahsiah melalui budaya pengurusan profesional dan persekitaran yang kondusif. Aktiviti utama syarikat adalah menguruskan kolej pendidikan swasta yang dinamakan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS). KIPSAS menyediakan kursus-kursus pengajian bertaraf diploma dan profesional dalam pelbagai bidang pengajian.

8.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2011 mendapati prestasi kewangan syarikat adalah tidak memuaskan kerana SPIPSB mengalami kerugian sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu pengurusan Kolej KIPSAS dan tadbir urus syarikat adalah memuaskan. Prestasi pencapaian akademik pelajar juga adalah baik. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

8.2.1. Pengambilan pelajar masih di bawah sasaran.

8.2.2. Tunggakan yuran yang semakin meningkat.

8.2.3. Kos pentadbiran yang tinggi menyebabkan peningkatan pada jumlah perbelanjaan sehingga membawa kerugian kepada syarikat.

8.2.4. Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

8.3. Bagi memastikan objektif utama SPIPSB iaitu melahirkan modal insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu dan keterampilan insan serta mengintegrasikan ilmu Aqli dan Naqli dapat dicapai, adalah disyorkan SPIPSB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

8.3.1. Mempertingkatkan usaha bagi menambah pendapatan syarikat daripada pelbagai sumber pendapatan.

8.3.2. Memperkemas sistem kutipan yuran bagi mengelak tunggakan yuran yang boleh membawa kerugian kepada syarikat.

8.3.3. Memantapkan pengurusan syarikat dan kolej dengan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah secara berkala seperti yang ditetapkan.

8.3.4. Memperhebat promosi terutama kepada pelajar tahun akhir persekolahan bagi mencapai sasaran pelajar yang ditetapkan seterusnya meningkatkan jumlah pendapatan syarikat.

8.3.5. Memantau perjalanan syarikat subsidiari bagi memastikan ia memperoleh keuntungan dan SPIPSB mendapat pulangan balik daripada pelaburan yang dibuat.

9. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

- Rumpun Timur Sdn. Bhd.

9.1. Rumpun Timur Sdn. Bhd. (RTSB) adalah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang ditubuhkan pada 16 April 1998 dengan modal berbayar berjumlah RM100,000. Sehingga Disember 2011, modal dibenarkan RTSB berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM1.1 juta yang dimiliki sepenuhnya oleh PKNP. RTSB telah menceburkan diri di dalam sektor *agri-business* iaitu akuakultur, penernak dan pertanian. RTSB juga berperanan sebagai syarikat pengurusan dan kesetiausahaan kepada PKNP dan syarikat subsidiari di bawahnya.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya objektif penubuhan RTSB adalah tercapai. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

9.2.1. Garis panduan dan prosedur kerja masih belum diperakui oleh Lembaga Pengarah.

9.2.2. Cadangan pembayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar.

9.2.3. Perolehan melebihi RM500,000 tidak dibuat secara tender.

9.3. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan RTSB mengambil tindakan seperti berikut:

9.3.1. Memantau dan menilai aspek pengurusan projek bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual.

9.3.2. Mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada syarikat serta menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi Negeri Pahang.

9.3.3. Memperkemas tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan seperti mewujudkan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan aset dan sebagainya serta mempertingkatkan pengurusan kewangan dan kawalan dalaman syarikat terutama dalam mengawal perbelanjaan dengan melaksanakan perbelanjaan secara lebih berhemat.

10. MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

- **Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.**

10.1. Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd. (PRKMUIP) telah diperbadankan pada 16 Februari 1990. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang memiliki RM2.45 juta daripada modal berbayar syarikat dan modal dibenarkan syarikat berjumlah RM5 juta. Aktiviti utama PRKMUIP adalah memberi perkhidmatan perubatan dengan menawarkan perkhidmatan kepakaran dari pelbagai disiplin kepada semua golongan, bangsa maupun agama.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PRKMUIP adalah memuaskan. Bagaimanapun pembayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar

10.3. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan PRKMUIP mengambil tindakan seperti berikut:

10.3.1. Menganalisis prestasi dan kedudukan kewangan bagi memastikan operasi syarikat memberi keuntungan yang optimum.

10.3.2. Mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan meningkatkan promosi serta memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada syarikat.

10.3.3. Memperkemas tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957, menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program atau aktiviti Jabatan untuk menentukan sama ada ia telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih 7 program atau aktiviti untuk dijalankan pengauditan dan menilai sejauh mana keberkesanannya. Pada tahun 2011, Pengauditan Prestasi telah dijalankan terhadap Pengurusan Tabung Usahawan Pahang, Program Mengorek Sungai-sungai, Pengurusan Lesen Dan Kutipan Royalti Bahan Mineral Emas Dan Bijih Besi Negeri Pahang, Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang, Program Pembangunan Industri Agro Pelancongan Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan Pahang, Pengurusan Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah dan Pengurusan Projek Kamera Litar Tertutup. Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan/Agenzi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

2. PENGURUSAN TABUNG USAHAWAN PAHANG

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Tabung Usahawan Pahang (Tabung) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 1995 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Ke 7/1995. Penubuhan Tabung ini adalah mengikut Seksyen 10(4)(b), Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61) dengan caruman sejumlah RM5 juta. Tujuan Tabung ini diwujudkan adalah untuk menangani masalah kesulitan usahawan Pahang dalam mendapatkan pembiayaan kewangan dalam bentuk pinjaman mudah. Peminjam akan dikenakan kadar faedah tidak melebihi 2% setahun dan proses bayaran balik pinjaman diuruskan 4 institusi kewangan terpilih. Tabung ini juga menyediakan skim pinjaman alternatif dengan kos yang berpatutan. Selain itu, Tabung ini boleh digunakan untuk membantu pembiayaan infrastruktur, latihan keusahawanan yang bersesuaian dengan matlamat Pusat Pembangunan Usahawan (PPU). Promosi Tabung dibuat melalui edaran Borang Permohonan kepada para usahawan semasa kempen galakan usahawan dijalankan.

2.1.2. Tabung ini ditadbir oleh Jawatankuasa Tabung Usahawan Pahang (Jawatankuasa Tabung) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan 2 ahli iaitu YB Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN).

Sumber kewangan Tabung diperoleh melalui dana yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri, Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan juga daripada pihak swasta. Jumlah sumbangan yang telah diterima adalah berjumlah RM10.83 juta. Sehingga akhir tahun 2011, pinjaman yang telah diluluskan berjumlah RM9.24 juta melibatkan seramai 19 usahawan. Tunggakan yang belum dijelaskan pula berjumlah RM4.49 juta melibatkan 14 usahawan. Manakala baki Tabung pada tempoh tersebut berjumlah RM5.95 juta.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Tabung ini telah dilaksanakan dengan cekap, teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aktiviti pengurusan Tabung bagi tempoh 2009 hingga 2011 yang dilaksanakan oleh BPEN dan juga pencapaian peserta sehingga tahun 2011. Pengauditan dijalankan di BPEN dengan menyemak dokumen, surat perjanjian, minit mesyuarat, mengkaji dan menganalisis data yang berkaitan dengan terimaan dan penggunaan wang Tabung. Temu bual dengan pegawai, peminjam dan juga penyewa premis perniagaan turut dibuat bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Di samping itu, lawatan ke premis perniagaan peminjam di sekitar Kuantan dan Jengka turut dilakukan bagi meninjau dan menilai prestasi peminjam.


2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Tabung Usahawan Pahang adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Tunggakan bayaran balik pinjaman Tabung sehingga akhir tahun 2011 berjumlah RM4.49 juta daripada RM9.24 juta pinjaman yang diberikan.
- Pemberian pinjaman telah dibekukan pada tahun 2001 dan sehingga akhir tahun 2011, Tabung masih mempunyai baki terkumpul berjumlah RM5.95 juta.
- Seramai 10 peminjam sedang dalam proses tindakan undang-undang seperti diisyiharkan muflis, disenarai hitam, saman dan lelongan aset kerana gagal menjelaskan pinjaman.
- Pihak Kerajaan terpaksa menanggung beban daripada kegagalan peminjam menjelaskan pinjaman yang dianggarkan berjumlah RM2.95 juta.

2.4.1. Prestasi Tabung Usahawan Pahang

2.4.1.1. Tabung telah menerima sumbangan berjumlah RM10.83 juta daripada Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan Negeri seperti Yayasan Pahang, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) dan juga pihak swasta antara tahun 1995 hingga 1997. Pecahan sumbangan yang diterima adalah seperti di **Carta 2.1**.



Sumber: BPEN

2.4.1.2. Berdasarkan kepada Tatacara Pelaksanaan Skim Pinjaman Tabung Usahawan Pahang, peminjam yang layak memohon hendaklah terdiri daripada sebuah syarikat bertaraf Bumiputera, berdaftar dengan Pusat Pembangunan Usahawan di BPEN dan berdaftar sebagai Syarikat Sendirian Berhad di bawah Akta Syarikat 1965. Pemohon hendaklah mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.50 juta semasa permohonan dibuat. Jumlah pinjaman yang dibenarkan adalah dihadkan kepada RM1 juta tertakluk kepada tujuan dan kegunaan sebenar pinjaman. Bagaimanapun, Jawatankuasa Tabung boleh mempertimbangkan permohonan pinjaman yang melebihi RM1 juta bagi pembiayaan projek, pembelian mesin, bangunan kilang atau tapak tertakluk kepada *merit of the business case*. Sementara itu, Kerajaan Negeri telah melantik 4 institusi kewangan sebagai Agensi Pelaksana bagi proses penyaluran dan mengutip bayaran balik pinjaman iaitu Bank Islam (M) Berhad, Standard Chartered Bank (M) Berhad, Malayan Banking (M) Berhad dan Agrobank Berhad. Setiap peminjam diberi tempoh penangguhan (*grace period*) selama 12 bulan sebelum menjelaskan bayaran balik pinjaman.

2.4.1.3. Semakan Audit mendapati jumlah pinjaman yang telah diluluskan adalah berjumlah RM9.24 juta kepada seramai 19 peminjam daripada RM10.83 juta dana Tabung. Sehingga akhir tahun 2011, jumlah bayaran balik pinjaman yang telah diterima berjumlah RM3.20 juta atau 35% dan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman

berjumlah RM4.49 juta atau 49%. Manakala baki Tabung berjumlah RM5.95 juta. Butiran berkaitan dengan pinjaman yang telah diberikan adalah seperti **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1

Kedudukan Pinjaman, Bayaran Balik Dan Tunggakan Sehingga Akhir Tahun 2011

Bank	Bilangan Peminjam (Syarikat)	Jumlah Pinjaman (RM juta)	Jumlah Dibayar (RM juta)	Peratus Dibayar (%)	Jumlah Tunggakan (RM juta)
Bank Islam (M) Berhad	6	2.96	1.56	53	1.48
Standard Chartered Bank (M) Berhad	5	4.36	1.58	36	1.75
Malayan Banking (M) Berhad	6	1.54	-	0	0.59
Agrobank Berhad	2	0.38	0.06	15	0.67
Jumlah	19	9.24	3.20	35	4.49

Sumber: BPEN

2.4.1.4. Jumlah tunggakan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh kegagalan peminjam membayar balik pinjaman mereka. Peminjam menghadapi masalah kewangan, kelemahan pengurusan, prestasi perniagaan yang terjejas terutamanya semasa berlakunya kemelesetan ekonomi pada akhir tahun 90an. Selain itu, pihak BPEN juga berhadapan dengan masalah untuk menguruskan Tabung ini dengan berkesan. PPU yang berfungsi bagi menyelaras Program Pembangunan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di Negeri Pahang serta unit yang bertanggungjawab menguruskan Tabung telah ditutup pada tahun 1998. Tambahan pula, Jawatankuasa Penilaian Kredit Tabung yang bertanggungjawab membuat penilaian terhadap permohonan pinjaman dan memberi syor kepada Jawatankuasa Tabung telah dibubarkan pada bulan September 2000.

2.4.1.5. Penutupan PPU dan pembubaran Jawatankuasa Penilaian Kredit Tabung telah mengakibatkan pemberian pinjaman melalui Tabung kepada usahawan telah dibekukan mulai tahun 2001. Arahan pembekuan pinjaman ini dinyatakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Bilangan 2/2000 pada bulan Disember 2000. Pembekuan tersebut dilaksanakan akibat prestasi bayaran balik pinjaman oleh peminjam tidak memuaskan dan menjadi beban hutang kepada pengurusan Tabung. Analisis dalaman dan input daripada pihak Institusi Kewangan yang terlibat mendapati risiko adalah amat tinggi untuk meneruskan pengeluaran pinjaman kepada mana-mana usahawan. Keadaan ini telah menyebabkan matlamat asal Tabung untuk membantu usahawan Bumiputera telah tidak terlaksana. Bagaimanapun, perbelanjaan lain melalui Tabung ini masih diteruskan. Didapati sejumlah RM279,800 telah dibelanjakan untuk tempoh 2009 hingga Jun 2011 bagi membiayai program membantu lebih ramai usahawan mempromosikan produk dan menjana jualan dalam karnival serta pameran di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Sehingga akhir tahun 2011, Tabung masih mempunyai baki berjumlah RM5.95 juta yang tersimpan sejak tahun 2001. Jawatankuasa Tabung telah bercadang untuk menggunakan baki Tabung tersebut bagi membiayai program-program keusahawanan untuk tempoh 5 tahun akan datang iaitu dari tahun 2012 hingga 2017 sebagaimana yang diputuskan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Bilangan

1/2012 pada bulan Februari 2012. Butiran cadangan pembiayaan tersebut adalah seperti Jadual 2.2. **Maklum balas daripada BPEN bertarikh 13 Julai 2012 menjelaskan bahawa sehingga bulan Mei 2012, tunggakan Tabung telah berkurangan daripada RM4.49 juta kepada RM4.08 juta. Pengurangan ini adalah disebabkan sebuah syarikat telah menjelaskan sepenuhnya pinjaman melalui institusi kewangan dan juga terimaan pembayaran pinjaman daripada syarikat yang masih aktif. Bagaimanapun, pihak institusi kewangan masih belum memindahkan wang tersebut ke akaun Tabung. Baki Tabung pada tempoh tersebut berjumlah RM5.86 juta.**

**Jadual 2.2
Cadangan Program Keusahawanan Dan Kos
Pembiayaan Bagi Tempoh 2012 Hingga 2017**

Program	Anggaran Bilangan Penyertaan Usahawan	Anggaran Kos (RM juta)
<i>Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)</i>	84	0.62
<i>Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Exhibition (MAHA)</i>	120	0.57
Mini MAHA	240	0.24
Seminar Kepenggunaan Halal	1,500	0.30
Halal Fiesta Malaysia (HALFEST)	90	0.54
Misi Lawatan Perdagangan Ke Luar Negara	60	0.60
Latihan/Kursus Keusahawanan	1,200	0.60
Seminar	600	0.48
Karnival Usahawan Daerah	375	0.39
Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI)	120	0.45
Lain-lain	-	1.16
Jumlah		5.95

Sumber: BPEN

Pada pendapat Audit, prestasi Tabung secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana pinjaman hanya dapat diberikan kepada 19 peminjam sahaja. Manakala dana Tabung masih mempunyai baki berjumlah RM5.86 juta sehingga bulan Mei 2012.

2.4.2. Prestasi Peminjam

2.4.2.1. Bagi membantu Jawatankuasa Tabung menentukan kaedah pinjaman agar dapat disalurkan kepada usahawan yang berminat, maka Tatacara Pelaksanaan Skim Pinjaman Tabung Usahawan Pahang telah diwujudkan. Antara perkara utama yang perlu diberi perhatian semasa proses menyalurkan pinjaman ini adalah seperti berikut:

a. Bayaran Balik

Tempoh bayaran balik bagi pembiayaan adalah dihadkan selama 120 bulan tidak termasuk tempoh penangguhan (*grace period*) melebihi 12 bulan. Bagi pembiayaan yang melebihi RM1 juta, tempoh bayaran melebihi 120 bulan boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tabung.

b. Cagaran

Cagaran sama ada dalam bentuk aset atau simpanan tetap akan dikenakan terhadap permohonan berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Tabung.

c. Jaminan Ahli Lembaga Pengarah

Jaminan Ahli Lembaga Pengarah syarikat adalah diwajibkan.

d. Tindakan Undang-undang

Segala keputusan tindakan undang-undang termasuk kos guaman dan mahkamah serta kos-kos lain yang terlibat bagi mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tabung. Bank hanya menguatkuasakan tindakan undang-undang tersebut dengan menggunakan khidmat panel guaman bank bagi mendapatkan kesemua jumlah yang tertuggak.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 19 syarikat Bumiputera telah diberikan pinjaman berjumlah RM9.24 juta. Peminjam terdiri daripada syarikat yang terlibat di dalam pelbagai sektor seperti pembuatan, pelancongan, perkhidmatan, perdagangan, pertanian dan pembinaan. Jumlah pinjaman yang diluluskan kepada syarikat tersebut adalah di antara RM50,000 hingga RM2 juta. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah di antara 60 hingga 120 bulan. Manakala jumlah bayaran ansuran bulanan adalah antara RM944 hingga RM55,556 sebulan. Butiran jumlah pinjaman yang telah diberikan mengikut bilangan peminjam adalah seperti **Jadual 2.3**. Manakala kedudukan pinjaman mengikut sektor adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.3
Jumlah Pinjaman Yang Diberikan Mengikut Bilangan Peminjam

Jumlah Pinjaman Diberi (RM)	Bilangan Peminjam	Tempoh Bayaran Balik (Bulan)
50,000	1	60
100,000	3	60
130,000	1	60
200,000	1	60
230,000	1	72
250,000	3	60-62
256,400	1	120
260,000	1	60
300,000	1	60
760,000	1	60
1,000,000	4	60
2,000,000	1	60
Jumlah	19	

Sumber: BPEN

**Jadual 2.4
Kedudukan Peminjam Mengikut Sektor**

Sektor	Bilangan Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM juta)
Perdagangan	5	1.68
Perkhidmatan	4	0.67
Pelancongan	4	2.31
Pembuatan	4	2.45
Pembinaan	1	2.00
Pertanian	1	0.13
Jumlah	19	9.24

Sumber: BPEN

2.4.2.3. Sehingga akhir tahun 2011, didapati sebanyak 5 peminjam telah berjaya menjelaskan pinjaman sepenuhnya, manakala 14 peminjam lagi gagal menyelesaikan pinjaman mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Daripada 14 peminjam tersebut, seramai 10 peminjam telah pun diambil tindakan undang-undang, manakala 4 peminjam lagi masih belum menyelesaikan pinjaman dengan diberi peluang penjadualan semula bayaran atau sedang menunggu tindakan undang-undang. Status 19 peminjam pada akhir tahun 2011 adalah seperti **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5
Prestasi Peminjam Mengikut Sektor Pada Akhir Tahun 2011**

Sektor	Status Pinjaman			Jumlah
	Penyelesaian Penuh	Belum Habis Bayar	Tindakan Undang-undang	
Perdagangan	3	-	2	5
Perkhidmatan	1	1	2	4
Pelancongan	1	-	3	4
Pembuatan	-	2	2	4
Pembinaan	-	1	-	1
Pertanian	-	-	1	1
Jumlah	5	4	10	19

Sumber: BPEN

2.4.2.4. Lawatan Audit telah dilakukan terhadap beberapa premis peminjam yang berjaya menyelesaikan pinjaman, peminjam yang belum menyelesaikan pinjaman serta peminjam yang diambil tindakan undang-undang. Hasil daripada lawatan tersebut adalah seperti berikut:

a. Peminjam Telah Menyelesaikan Pinjaman

Seramai 5 peminjam yang pinjaman mereka berjumlah RM3.27 juta antara tahun 1996 hingga 2000 telahpun selesai menjelaskan bayaran balik pinjaman. Lawatan telah dilakukan ke 3 daripada 5 premis perniagaan peminjam tersebut. Lawatan ke premis Salang Indah Resort Sdn. Bhd. di Kampung Salang, Pulau Tioman yang mengusahakan penyewaan calet, pasar mini dan restoran mendapati peminjam telah mencapai matlamat menjadi usahawan yang berjaya. Tinjauan mendapati syarikat ini

berpotensi untuk menjadi resort yang terbaik di sana. Begitu juga dengan Bestekad Maju Sdn. Bhd. yang menjadi wakil pengedar motosikal Modenas, Comel dan Naza di Bandar Pusat Jengka, Maran telah menjadi usahawan berjaya. Syarikat ini sedang dalam usaha untuk menjadi pengedar motosikal Yamaha dan Honda pula. Bagaimanapun, lawatan Audit terhadap Perniagaan Mohd Sapak Sdn. Bhd. yang mengusahakan pasar raya, bengkel membaiki kenderaan serta kedai tayar juga di Bandar Pusat Jengka, Maran mendapati perniagaan syarikat ini telah pun ditutup. Hasil temu bual dengan penduduk setempat mendapati syarikat ini mula mengalami masalah selepas kematian pemilik syarikat pada tahun 2009. Premis perniagaan terakhir yang merupakan sebuah kedai tayar telah ditutup pada bulan Ogos 2011. Manakala bangunan kedai miliknya yang dahulu merupakan sebuah pasar raya telah dijual bagi menyelesaikan hutang termasuk Tabung. Keadaan terkini perniagaan peminjam yang telah menyelesaikan pinjaman adalah seperti **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.6**.

Gambar 2.1
Calet Milik Salang Indah
Resort Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Salang, Pulau Tioman
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 2.2
Restoran Milik Salang
Indah Resort Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Salang, Pulau Tioman
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 2.3
Premis Perniagaan Bestekad
Maju Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Pusat Jengka, Maran
Tarikh: 30 November 2011

Gambar 2.4
Antara Motosikal Yang Dijual
Bestekad Maju Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Pusat Jengka, Maran
Tarikh: 30 November 2011

Gambar 2.5
Bangunan Milik Perniagaan Mohammad Sapak Sdn. Bhd. Yang Telah Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Pusat Jengka, Maran
Tarikh: 30 November 2011

Gambar 2.6
Kedai Tayar Perniagaan Mohammad Sapak Sdn. Bhd. Tidak Lagi Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Pusat Jengka, Maran
Tarikh: 30 November 2011

b. Peminjam Yang Masih Belum Menyelesaikan Pinjaman

- i. Seramai 4 peminjam yang pinjaman mereka berjumlah RM3.25 juta antara tahun 1997 hingga 2000 masih belum selesai menjelaskan bayaran balik pinjaman. Bayaran masih diteruskan berdasarkan kepada penjadualan semula bayaran balik pinjaman masing-masing. Lawatan telah dilakukan terhadap 3 daripada 4 premis perniagaan peminjam yang terlibat iaitu syarikat PJ Food Industries Sdn. Bhd., Taming Tuah Sdn. Bhd. dan Pasdec Industries Sdn. Bhd.. Hasil daripada lawatan tersebut mendapati PJ Food Industries Sdn. Bhd. masih lagi menjalankan perniagaan mengeluarkan rempah dan tepung di Bandar Indera Mahkota 14, Kuantan. Syarikat ini mengeluarkan lebih daripada 30 jenis rempah dan 4 jenis tepung di bawah jenama Puteri Ayu. Produk syarikat ini telah dipasarkan ke seluruh negara dan Brunei. Permintaan terhadap produk syarikat ini tinggi, namun syarikat tidak mampu memenuhi permintaan tersebut kerana masalah keupayaan mesin memproses yang terhad, kerosakan dan penyenggaraan mesin serta kekurangan modal pusingan. Semasa lawatan pihak Audit mendapat kerja-kerja pembungkusan terpaksa dibuat secara manual kerana kerosakan mesin pembungkusan. Pihak Audit mendapati pengusaha syarikat ini seorang yang gigih dan komited menjalankan perniagaannya. Beliau boleh lebih berjaya sekiranya diberi peluang dan sokongan yang sewajarnya. Perniagaan yang dijalankan oleh syarikat ini adalah seperti **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.10**.

Gambar 2.7
Premis Syarikat PJ Food Industries Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Indera Mahkota 14, Kuantan
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 2.8
Mesin Yang Digunakan Untuk Mengisar Rempah Dan Tepung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Indera Mahkota 14, Kuantan
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 2.9
Mesin Pembungkusan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Indera Mahkota 14, Kuantan
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 2.10
Pembungkusan Rempah Secara Manual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Indera Mahkota 14, Kuantan
Tarikh: 1 Disember 2011

- ii. Selain itu, pihak Audit juga mengadakan lawatan ke premis perniagaan Taming Tuah Sdn. Bhd. yang menjalankan perniagaan membaiki kereta di Batu 2½, Jalan Gambang, Kuantan. Tinjauan mendapati premis tersebut telah disewa oleh pengusaha lain yang menjalankan jenis perniagaan sama. Penyewa berkenaan menjelaskan bahawa syarikat Taming Tuah Sdn. Bhd. telah tidak lagi beroperasi sejak 7 tahun yang lalu disebabkan masalah kewangan. Mengikut rekod, syarikat ini telah meminjam sejumlah RM50,000 pada tahun 2000 dan bayaran balik sepatutnya selesai pada tahun 2005. Sehingga akhir tahun 2011, bayaran balik pinjaman yang masih tertunggak berjumlah RM11,299 dan peminjam ada membuat bayaran balik sejumlah RM200 sebulan sehingga bulan Jun 2011. Lawatan turut dilakukan ke premis asal perniagaan Pasdec Industries Sdn. Bhd. yang beralamat di B44, Tingkat Bawah, Pusat Komersial Semambu, Kuantan. Syarikat tersebut telah membuat pinjaman berjumlah RM2 juta pada tahun 1997 dan sehingga akhir tahun 2011, baki pinjaman yang belum dijelaskan berjumlah

RM194,620. Didapati premis tersebut telah disewa oleh syarikat lain. Pihak BPEN tidak mengetahui lokasi dan status sebenar kedudukan syarikat ini. **Gambar 2.11 hingga Gambar 2.13** menunjukkan lokasi premis di mana syarikat-syarikat tersebut sepatutnya beroperasi.

Gambar 2.11
Premis Asal (3 Lot) Bengkel Kereta
Taming Tuah Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gambang, Kuantan
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 2.12
Syarikat Yang Mengambil Alih Premis
Taming Tuah Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gambang, Kuantan
Tarikh: 1 Disember 2011



c. Peminjam Dikenakan Tindakan Undang-undang

- Seramai 10 peminjam/syarikat telah dan sedang diambil tindakan undang-undang. Daripada bilangan tersebut, seramai 8 peminjam/syarikat sama ada sedang dalam tindakan Jabatan Insolvensi, saman, proses lelongan aset atau disenaraihitamkan. Sebuah syarikat telah dibubarkan manakala seorang peminjam lagi telah diisyiharkan muflis. Peminjam ini terdiri daripada pelbagai sektor perniagaan seperti pembuatan, pelancongan, perkhidmatan, perdagangan dan pertanian. Proses perundangan dilakukan oleh Institusi Kewangan yang diberi tanggungjawab menguruskan Tabung ini melalui panel peguam yang mereka lantik tetapi kos guaman dibayar menggunakan wang Tabung. Antara tindakan yang diambil adalah seperti merampas dan melelong aset peminjam seperti tanah, rumah banglo, bas dan simpanan tetap. Bagi peminjam yang

masih gagal menjelaskan pinjaman melalui lelongan aset tersebut atau nilai lelongan masih tidak mampu menampung hutang, tindakan muflis akan diambil terhadap Ahli Lembaga Pengarah berkenaan.

- ii. Pinjaman yang diberi pada tahun 1997 dan 1998 kepada 10 peminjam berjumlah RM3.18 juta dan masing-masing menerima antara RM100,000 hingga RM1 juta. Kesemua pinjaman tersebut patut diselesaikan antara bulan April 2002 hingga November 2004. Bagaimanapun, peminjam telah gagal menjelaskannya dan tunggakan yang berbaki adalah berjumlah antara RM105,452 hingga RM985,296 yang keseluruhannya berjumlah RM2.95 juta. Pihak Audit telah melakukan lawatan ke 4 premis perniagaan peminjam yang telah dikenakan tindakan undang-undang berdasarkan alamat terkini di BPEN. Didapati kesemuanya telah tidak lagi beroperasi dan premis tersebut diambil alih atau disewa oleh syarikat lain. **Maklum balas daripada BPEN bertarikh 13 Julai 2012 menjelaskan bahawa sehingga bulan Mei 2012 daripada 10 syarikat yang dikenakan tindakan undang-undang, sebuah syarikat telah pun membuat penyelesaian penuh pinjaman.**

Pada pendapat Audit, prestasi peminjam tidak memuaskan kerana mereka gagal menjelaskan bayaran balik pinjaman disebabkan masalah kewangan, kelemahan pengurusan dan kemelesetan ekonomi. Keadaan ini juga menyebabkan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berjaya tidak tercapai dan pihak Kerajaan terpaksa menanggung beban hutang berkenaan.

2.4.3. Pemantauan

2.4.3.1. Semakan Audit mendapati BPEN tidak mempunyai satu unit khusus yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Tabung sebagaimana semasa di awal penubuhannya. Mulai tahun 1998, PPU yang mempunyai 14 pegawai bertanggungjawab terhadap Tabung telah dibubarkan secara pentadbiran. Selepas itu, pengurusan Tabung diletak di bawah seliaan seorang Penolong Setiausaha Gred M41. Beliau tidak hanya bertanggungjawab terhadap Tabung tetapi juga bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas lain berkaitan program dan aktiviti usahawan. Begitu juga seorang Penolong Akauntan Gred W27 dipertanggungjawab bagi melaksanakan tugas pengurusan dan akaun Tabung berserta Tabung Amanah yang lain.

2.4.3.2. Jawatankuasa Tabung telah ditubuhkan pada 1 Januari 1995 dan telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik di peringkat awal penubuhannya. Bagaimanapun, peranannya semakin berkurangan dan tidak lagi berkesan sehinggalah pemberian pinjaman melalui Tabung dibekukan pada tahun 2001. Bilangan mesyuarat yang sepatutnya diadakan sekurang-kurangnya 2 bulan sekali hanya diadakan sebanyak 5 kali pada tahun 1998, 4 kali pada tahun 1999 dan terus berkurangan pada tahun-tahun berikutnya. Sejak tahun 2004 hingga 2011 mesyuarat langsung tidak diadakan kecuali

sekali pada tahun 2011. Mesyuarat Jawatankuasa Tabung perlu diadakan mengikut bilangan yang ditetapkan bagi memastikan pembayaran balik pinjaman berjalan lancar dan tindakan undang-undang dapat diambil dengan sewajarnya tanpa kelewatan. Sementara itu, Mesyuarat Penyelarasaran Dan Pemantauan Tabung telah diadakan sebanyak 9 kali dalam tempoh 14 tahun. Mesyuarat tersebut diadakan bersama pihak institusi kewangan bagi membincangkan kemajuan bayaran balik, masalah yang dihadapi oleh peminjam dan juga proses tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap peminjam.

2.4.3.3. Pihak BPEN telah mengadakan lawatan ke premis peminjam secara *ad-hoc* berdasarkan maklumat yang diperoleh semasa mesyuarat dengan pihak Institusi Kewangan. Tujuan lawatan adalah bagi menentukan sama ada syarikat peminjam masih lagi beroperasi atau sebaliknya. Bagaimanapun, didapati hanya sebanyak 4 kali lawatan sahaja yang telah dilakukan dan kesemuanya pada tahun 2009. Selain itu, BPEN turut memantau prestasi kutipan peminjam melalui Laporan Prestasi Kutipan yang dikemukakan oleh Institusi Kewangan sebanyak 4 kali setahun.

2.4.3.4. Kekurangan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung serta Mesyuarat Penyelarasaran Dan Pemantauan Tabung telah menyebabkan pihak institusi kewangan sukar melaksanakan tanggungjawab untuk mengutip bayaran balik pinjaman dan juga proses tindakan undang-undang dengan berkesan. Ia kerana setiap tindakan yang akan diambil terhadap peminjam perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Tabung terlebih dahulu. Keadaan ini telah menyebabkan jumlah tunggakan semakin meningkat kerana kegagalan peminjam menjelaskan pinjaman mereka. Tindakan undang-undang terhadap peminjam juga terpaksa mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap Tabung ini adalah kurang memuaskan. Walaupun ada mekanisme pemantauan yang diwujudkan, namun pelaksanaannya masih belum cukup berkesan.

2.5. SYOR AUDIT

Matlamat penubuhan Tabung Usahawan Pahang adalah untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera di Negeri Pahang yang berjaya dalam perniagaan. Tabung ini akan dapat membantu usahawan terutama dari aspek kewangan. Oleh itu, bagi memastikan matlamatnya tercapai maka pengurusan terhadap Tabung ini mestilah dibuat dengan berkesan dan memilih usahawan yang benar-benar layak. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam menguruskan Tabung ini, adalah disyorkan supaya pertimbangan terhadap perkara berikut diberi perhatian:

2.5.1. BPEN perlu mewujudkan satu unit khusus untuk menguruskan Tabung ini jika ia hendak diteruskan agar segala tindakan dapat dibuat dengan lebih berkesan.

2.5.2. Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan untuk menggunakan baki Tabung berjumlah RM5.95 juta bagi Program Keusahawanan kerana ia satu jumlah yang besar dan lebih kepada perbelanjaan pengurusan.

2.5.3. Tindakan undang-undang terhadap peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman perlu dilaksanakan dengan segera agar tidak berlanjutan terlalu lama.

2.5.4. Mekanisme pemantauan yang lebih berkesan perlu dibuat dengan mengadakan perbincangan, mesyuarat dan lawatan ke premis perniagaan peminjam dengan lebih kerap.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

3. PROGRAM MENGOREK SUNGAI-SUNGAI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Negeri Pahang mempunyai 2,059 batang sungai yang telah diwartakan dengan panjang keseluruhan 11,960 kilometer. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS Negeri) bertanggungjawab memastikan pengurusan sungai yang baik, memulihara air sungai dan kualitinya, mengurangkan risiko banjir dan memberi maklum balas segera kepada apa juaduan serta kerja pemberian yang berkaitan dengan sungai. Sehubungan itu, Program Mengorek Sungai-sungai (Program) merupakan satu daripada aktiviti yang dilaksanakan oleh JPS Negeri bagi melindungi dan memastikan aliran air sungai mengalir dengan lancar bagi mengatasi masalah banjir. Skop Program adalah kerja-kerja mengorek, mendalam dan memperelok aliran sungai melibatkan kerja membentuk semula muka keratan sungai. Tumpuan pelaksanaan Program dilakukan sepanjang tahun mengikut keutamaan pelaksanaan dan lokasi seperti di kawasan penempatan bandar, luar bandar dan kawasan pertanian.

3.1.2. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), sejumlah RM6.70 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program ini. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.10 juta atau 76.1% telah dibelanjakan. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), sejumlah RM4.60 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.03 juta telah diagih dan dibelanjakan pada tahun 2011.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan pelaksanaan Program Mengorek Sungai-sungai telah dirancang dan dilaksana dengan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan dan pelaksanaan Program dengan memberi tumpuan kepada projek yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2011 yang melibatkan 4 daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin dan Raub. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail projek dan dokumen yang berkaitan seperti kertas cadangan/perancangan, laporan kemajuan projek, laporan perbelanjaan, laporan penyeliaan, surat perjanjian dan pemantauan Program serta minit mesyuarat. Temu bual dengan pegawai dan pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan Program ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Analisis terhadap data-data yang diperoleh

juga dibuat. Di samping itu, lawatan ke tapak projek di daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Raub telah dilakukan melibatkan 3 projek tahun 2010 dan 25 projek tahun 2011 bagi mendapatkan gambaran sebenar.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pengurusan Program Mengorek Sungai-sungai adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- JPS Daerah tidak menyediakan perancangan khusus semasa penyediaan bajet termasuk keperluan menyenaraikan semua projek mengikut keutamaan.
- Pelaksanaan kerja adalah terhad dan lebih kepada kerja penyenggaraan berskala kecil dan bersifat jangka pendek.
- Pencapaian Program tidak dapat diukur kerana tiada penetapan sasaran pelaksanaan.

3.4.1. Pencapaian Program

3.4.1.1. Tujuan Program ini adalah bagi melaksanakan kerja-kerja mengorek sungai untuk memperelok aliran sungai agar air dapat mengalir dengan lancar bagi mengatasi masalah banjir. Tumpuan pelaksanaan kerja adalah sebelum dan selepas musim tengkujuh terutama di kawasan yang kerap berlaku banjir. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 dan 2011 sebanyak 84 projek telah dilaksanakan di bawah Program ini melibatkan JPS Negeri dan JPS Daerah. Ia melibatkan kos masing-masing berjumlah RM0.64 juta dan RM1.02 juta. Daripada bilangan projek tersebut, sebanyak 34 projek atau 40.5% khusus melibatkan kerja mengorek sungai, manakala 50 projek atau 59.5% lagi lebih kepada kerja penyenggaraan dan pengurusan sungai seperti menyediakan papan tanda sungai dan mencetak buletin JPS. Daripada 34 projek mengorek sungai, didapati sebanyak 13 projek telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan 21 projek lagi pada tahun 2011 yang melibatkan kos masing-masing berjumlah RM0.27 juta dan RM0.53 juta. Butiran pelaksanaan kerja mengorek sungai pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1
Pelaksanaan Kerja Pada Tahun 2010 Dan 2011

Perkara	Bilangan Pelaksanaan Kerja		Jenis Pelaksanaan Kerja			
			Mengorek		Penyenggaraan/ Pengurusan	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011
Jumlah Projek	38	46	13	21	25	25
Jumlah Perbelanjaan (RM juta)	0.64	1.02	0.27	0.53	0.37	0.49
Jumlah Projek/ Peratus	84/ 100%		34/ 40.5%		50/ 59.5%	

Sumber: JPS Negeri

3.4.1.2. Semakan Audit di JPS Daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Raub mendapati sebanyak 3 projek mengorek sungai telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan 11 projek lagi pada tahun 2011. Skop kerja adalah seperti mengorek, mendalam, melebar keratan sungai, memperelok dan mencuci aliran sungai. Panjang kawasan sungai melibatkan antara 2,000 meter hingga 6,200 meter, manakala kos setiap projek pula adalah antara RM19,400 hingga RM53,550. Butiran pelaksanaan kerja dan jumlah perbelanjaan bagi 4 JPS Daerah tersebut adalah seperti **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
**Pelaksanaan Kerja Oleh JPS Daerah Kuantan, Pekan, Rompin
Dan Raub Pada Tahun 2010 Dan 2011**

JPS Daerah	Bilangan Pelaksanaan Kerja		Jenis Pelaksanaan Kerja			
			Mengorek		Penyenggaraan/ Pengurusan	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011
Kuantan	5	12	-	1	5	11
Pekan	4	7	-	1	4	6
Rompin	2	6	1	4	1	2
Raub	3	5	2	5	1	-
Jumlah Projek	14	30	3	11	11	19
Jumlah Perbelanjaan (RM juta)	0.24	0.69	0.08	0.34	0.16	0.35
Jumlah Projek/ Peratus	44/ 100%		14/ 31.8%		30/ 68.2%	

Sumber: JPS Negeri

3.4.1.3. Lawatan Audit telah dilakukan terhadap kesemua 11 projek mengorek sungai yang dilaksanakan pada tahun 2011 di 4 daerah berkenaan. Didapati kerja-kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan mengikut arahan kerja. Sungai pula masih berada dalam keadaan sempurna tanpa halangan ketara yang boleh menjelaskan aliran air. **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4** adalah sebahagian daripada pelaksanaan kerja mengorek dan keadaan sungai semasa lawatan dibuat.

Gambar 3.1
Kerja Mengorek Sungai Tekek,
Pulau Tioman Sedang Dilaksanakan
Pelaksanaan Kerja 20 Jun 2011



Sumber: JPS Daerah Rompin
Lokasi: Sungai Tekek, Pulau Tioman

Gambar 3.2
Kerja Mengorek Sungai Chalit, Raub
Sedang Dilaksanakan
Pelaksanaan Kerja 7 September 2011



Sumber: JPS Daerah Raub
Lokasi: Sungai Chalit, Raub

Gambar 3.3
Keadaan Sungai Miang, Pekan
Pelaksanaan Kerja 30 Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Miang, Pekan
Tarikh: 28 September 2011

Gambar 3.4
Keadaan Sungai Anak Gading, Rompin
Pelaksanaan Kerja 27 Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Anak Gading, Rompin
Tarikh: 4 September 2011

3.4.1.4. Berdasarkan kepada **Jadual 3.2**, didapati sebanyak 30 projek atau 68.2% daripada 44 projek yang dilaksanakan di daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Raub pada tahun 2010 dan 2011 adalah berkaitan kerja penyenggaraan dan pengurusan sungai melibatkan kos berjumlah RM0.51 juta. Kerja yang dilaksanakan adalah berskala kecil yang setiap satunya tidak melebihi RM20,000. Kerja tersebut dibuat secara lantikan terus atau gotong royong yang melibatkan penduduk setempat. Kerja yang dilaksanakan adalah seperti membersih dan menstabilkan tebing, menebas dan menyedia papan tanda sungai. Semakan Audit mendapati sebanyak 28 projek atau 93.3% daripadanya dibuat secara lantikan terus, manakala 2 projek lagi dibuat secara gotong royong. JPS Daerah lebih menumpukan kepada kerja penyenggaraan sungai disebabkan peruntukan yang diterima di bawah Program ini adalah terhad. Pada tahun 2010, peruntukan yang diterima berjumlah RM0.64 juta manakala sejumla RM1.03 juta lagi pada tahun 2011. Peruntukan tersebut terpaksa diagihkan kepada 11 JPS Daerah dan JPS Negeri. Daripada jumlah tersebut, setiap JPS Daerah dan JPS Negeri hanya menerima sejumla RM50,000 pada

tahun 2010 kecuali JPS Daerah Kuantan yang menerima sejumlah RM90,000. Pada tahun 2011 pula, setiap JPS Daerah dan JPS Negeri menerima antara RM10,000 hingga RM259,160 kecuali JPS Daerah Temerloh, Jerantut dan Lipis yang tidak menerima sebarang peruntukan. Jumlah peruntukan yang diterima serta bilangan projek yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Peruntukan Yang Diterima Dan Bilangan Projek
Yang Dilaksana Pada Tahun 2010 Dan 2011

Bil.	JPS Negeri/ Daerah	Peruntukan Diterima (RM)		Bilangan Projek Dilaksana	
		2010	2011	2010	2011
1.	JPS Negeri	50,000	40,000	3	2
2.	Kuantan	90,000	259,160	5	12
3.	Pekan	50,000	137,320	4	7
4.	Rompin	50,000	197,020	2	6
5.	Temerloh	50,000	-	2	-
6.	Maran	50,000	81,500	3	2
7.	Jerantut	50,000	-	4	-
8.	Bera	50,000	100,000	3	5
9.	Bentong	50,000	100,000	3	5
10.	Lipis	50,000	-	3	-
11.	Raub	50,000	100,000	3	5
12.	Cameron Highlands	50,000	10,000	3	2
Jumlah		640,000	1,025,000	38	46

Sumber: JPS Negeri

3.4.1.5. Pada masa yang sama, JPS Daerah tidak dapat mengelak daripada menggunakan peruntukan tersebut bagi melaksanakan kerja *ad-hoc* yang memerlukan tindakan segera. Projek seperti ini perlu dilaksanakan segera disebabkan kawasan tersebut sering mengalami banjir kilat yang serius dan menerima aduan daripada penduduk setempat. Kekurangan peruntukan yang diterima telah menyebabkan JPS Daerah tidak dapat melaksanakan sepenuhnya kerja mengorek sungai yang boleh menyelesaikan masalah banjir. Projek penyenggaraan yang dilaksanakan pula hanya mampu menyelesaikan masalah jangka pendek sahaja. Kejadian banjir kilat masih gagal diatasi sepenuhnya. Peruntukan yang terhad juga menyebabkan program penyenggaraan yang sepatutnya dijalankan secara berkala bagi memastikan sungai sentiasa berada dalam keadaan baik tidak dapat dilaksanakan. **Maklum balas daripada JPS Negeri bertarikh 28 Mac 2012 memaklumkan bahawa matlamat Program tidak dapat dicapai adalah disebabkan peruntukan yang diluluskan Kerajaan Negeri tidak mencukupi. Peruntukan yang diterima hanya mampu melaksanakan kerja berskala kecil dan memberi impak jangka pendek kepada masalah banjir.**

3.4.1.6. Lawatan Audit telah dilakukan pada bulan September dan Oktober 2011 terhadap 14 daripada 19 lokasi projek penyenggaraan dan pengurusan sungai yang dilaksanakan pada tahun 2011 di sekitar Kuantan, Pekan, Rompin dan Raub. Hasil daripada lawatan tersebut, pihak Audit mendapati kawasan yang disenggarakan telah

kembali semak menyebabkan aliran air sungai terjejas. Maklum balas penduduk setempat mendapati kejadian banjir kilat di kawasan mereka masih lagi berulang walaupun kerja yang berkaitan telah dilaksanakan. Buktinya, banjir kilat masih berlaku di Kampung Alor Ladang, Kuantan seperti yang dilaporkan dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 4 Januari 2012. Pelaksanaan kerja dibuat pada bulan Februari 2011 melibatkan kerja memperelok aliran dan membersih, membuang segala halangan dalam sungai dan pembetung di Sungai Alor Ladang sepanjang 1,000 meter. Bagaimanapun, banjir kilat masih lagi berlaku di kawasan berkenaan setiap kali hujan lebat. Keadaan Sungai Alor Ladang, Kuantan semasa lawatan Audit pada bulan September 2011 adalah seperti **Gambar 3.5** dan laporan akhbar Sinar Harian pada 4 Januari 2012 seperti **Gambar 3.6**. Manakala **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.9** menunjukkan keadaan sungai-sungai yang lain semasa lawatan tersebut.

**Gambar 3.5
Keadaan Sungai Alor Ladang, Kuantan
Pelaksanaan Kerja 18 Februari 2011
Kos RM20,000**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Alor Ladang, Kuantan
Tarikh: 26 September 2011

**Gambar 3.7
Keadaan Sungai Sekor, Pekan
Pelaksanaan Kerja 25 Mac 2011
Kos RM18,500**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sekor, Pekan
Tarikh: 28 September 2011

Gambar 3.6
Laporan Akhbar Sinar Harian Banjir Kilat
Di Kampung Alor Ladang, Kuantan



Sumber: Akhbar Sinar Harian
Tarikh: 4 Januari 2012

**Gambar 3.8
Keadaan Parit Di Kg. Semangat, Kuantan
Pelaksanaan Kerja 10 Mac 2011
Kos: RM20,000**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Semangat, Kuantan
Tarikh: 29 September 2011



Gambar 3.9
Keadaan Tebing Sungai Lalang,
Pulau Tioman Pada 5 Oktober
2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Lalang, Pulau Tioman
Tarikh: 5 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, peruntukan yang terhad telah menyebabkan kerja-kerja mengorek sungai tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Manakala tumpuan pelaksanaan lebih kepada kerja penyenggaraan yang memberi kesan jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir.

3.4.2. Perancangan Program

3.4.2.1. Setiap JPS Daerah perlu menyediakan perancangan khusus dengan disokong justifikasi yang jelas seperti menyenaraikan sungai-sungai dan kerja yang perlu dilaksanakan atau disenggarakan di bawah Program ini. Rancangan tersebut dikemukakan kepada JPS Negeri bertujuan mendapatkan peruntukan secukupnya daripada Kerajaan Negeri. Peruntukan yang diterima diagihkan kepada JPS Daerah untuk melaksanakan kerja mengorek sungai pada tahun semasa berdasarkan perancangan yang diluluskan. Semakan Audit terhadap 4 JPS Daerah mendapati JPS Daerah Kuantan, Pekan dan Raub tidak menyediakan senarai rancangan projek secara khusus bagi Program ini pada tahun 2010 dan 2011. Hanya jumlah anggaran peruntukan yang diperlukan bagi keseluruhan Program tersebut sahaja dinyatakan. Bagaimanapun, JPS Daerah Rompin ada menyediakan perancangan yang lengkap dengan menyenaraikan sungai-sungai yang dirancang untuk dilaksanakan mengikut keutamaan. Maklumat tersebut diperoleh sama ada melalui aduan awam, permohonan penduduk ataupun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK). Jumlah peruntukan yang dimohon adalah berdasarkan senarai tersebut. Pada tahun 2011, JPS Daerah Rompin telah merancang sebanyak 16 projek untuk dilaksanakan dengan anggaran peruntukan perbelanjaan berjumlah RM0.80 juta.

3.4.2.2. Selain itu juga, pihak Audit mendapati JPS Negeri tidak menetapkan satu kaedah yang seragam di peringkat JPS Daerah bagi penyediaan bajet. Ia termasuklah keperluan menyenaraikan semua projek yang dirancang mengikut keutamaan serta anggaran kos terlibat. Jumlah peruntukan yang dimohon bagi setiap Aktiviti/Program mestilah berdasarkan anggaran kos tersebut. Ketidaaan perancangan khusus daripada JPS Daerah semasa penyediaan bajet menyebabkan peruntukan yang dimohon tidak menggambarkan keperluan sebenar. Selain itu, adalah sukar untuk mengukur pencapaian Program ini kerana pihak JPS Negeri tidak menetapkan sasaran untuk dilaksanakan.

Dengan adanya perancangan yang khusus oleh JPS Daerah, ia boleh dijadikan bukti untuk menyokong keperluan sebenar peruntukan bagi melaksanakan projek yang dirancang. **JPS Negeri pada 28 Mac 2012, memaklumkan bahawa satu surat arahan telah dikeluarkan oleh Pengarah JPS Negeri kepada JPS Daerah berkaitan keperluan menyediakan perancangan tahunan mengikut format dan garis panduan yang ditetapkan bagi tujuan penyeragaman dan penyediaan bajet.**

Pada pendapat Audit, dengan adanya perancangan Program yang seragam, ia akan dapat menentukan keperluan sebenar peruntukan dan menilai pencapaian pelaksanaannya.

3.5. SYOR AUDIT

Secara umumnya, Program Mengorek Sungai-sungai yang dilaksanakan oleh JPS Negeri adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, ia masih boleh dipertingkat dengan mengambilkira syor seperti berikut:

3.5.1. JPS Daerah perlu mematuhi sepenuhnya garis panduan penyediaan rancangan dan bajet yang telah dikeluarkan oleh Pengarah JPS Negeri.

3.5.2. JPS Negeri/Daerah perlu memastikan pelaksanaan kerja selaras dengan skop Program yang ditetapkan.

PEJABAT TANAH DAN GALIAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS


4. PENGURUSAN LESEN DAN KUTIPAN ROYALTY BAHAN MINERAL EMAS DAN BIJIH BESI

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Industri perlombongan di Negeri Pahang menunjukkan perkembangan positif dengan peningkatan jumlah lombong baru dan pengeluaran mineral. Ia selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk menjadikan hasil bumi sebagai hasil utama negeri. Sehingga September 2011, terdapat 10 buah lombong emas, 47 buah lombong bijih besi, 5 buah lombong timah dan 2 buah lombong kaolin. Lokasi perlombongan yang aktif di Negeri Pahang adalah seperti di **Peta 4.1**.

Peta 4.1

Lokasi Perlombongan Yang Aktif Di Negeri Pahang Sehingga Mac 2011



Sumber: Jabatan Mineral Dan Geosains Pahang

4.1.2. Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan permohonan dan pengeluaran lesen melombong Negeri Pahang ialah Unit Mineral Pejabat Tanah Dan Galian (PTG). Unit ini adalah sebagai *One Stop Agency* bagi urusan permohonan lesen perlombongan di seluruh

Negeri Pahang, manakala kelulusan pengeluaran lesen adalah tertakluk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Peraturan yang diguna pakai berhubung pengurusan lesen dan kutipan royalti bahan mineral ialah Enakmen Mineral 2001 Negeri Pahang yang diwartakan pada 27 Disember 2001 dan Peraturan-peraturan Mineral 2005. Undang-undang berkenaan telah dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2006. Manakala Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG) pula bertanggungjawab menyediakan Skim Pengendalian Melombong/*Operational Mining Scheme* (OMS) yang wajib dipatuhi oleh pemajak/pengusaha lombong, melaksanakan kawal selia dan pemantauan ke atas operasi lombong. Selain itu, JMG turut memberi khidmat nasihat berkaitan perlombongan kepada sesiapa sahaja yang memerlukannya.

4.1.3. Jenis-jenis lesen yang dikeluarkan oleh PTG yang berkaitan dengan perlombongan ialah lesen pajakan melombong, lesen mencari gali, lesen melombong tuan punya, lesen memfosik, lesen mendulang, lesen melombong individu dan lesen penjelajahan. Sehingga November 2011 sebanyak 83 lesen pajakan melombong, 127 lesen mencari gali, 44 lesen melombong tuan punya dan 12 lesen penjelajahan telah diluluskan oleh PTG. Pajakan melombong boleh diberikan ke atas mana-mana tanah Kerajaan termasuklah tanah yang telah diberimilik. Sehingga November 2011, terdapat sebanyak 45 lesen pajakan melombong bijih besi dan emas yang telah diluluskan di seluruh Negeri Pahang.

4.1.4. Selain menguruskan permohonan lesen perlombongan, PTG dan JMG juga bertanggungjawab untuk menguruskan royalti daripada hasil mineral yang dikeluarkan oleh pemajak/pengusaha lombong. Pada tahun 2009, 2010 dan sehingga Disember 2011 jumlah kutipan royalti masing-masing adalah berjumlah RM13.34 juta, RM21.64 juta dan RM39.92 juta. Secara keseluruhannya, hasil royalti mineral pada tahun 2010 telah meningkat sebanyak 62.2% berbanding tahun 2009 dan pada tahun 2011 pula, ia meningkat sebanyak 84.5% berbanding tahun 2010.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan lesen dan kutipan royalti mineral emas dan bijih besi telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan pengeluaran lesen dan kutipan royalti pajakan melombong bahan mineral emas dan bijih besi yang dilaksanakan oleh Unit Mineral PTG dan JMG bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang diselenggarakan seperti daftar lesen, fail lombong, fail kompaun, Penyata Lombong Bulanan dan Kenyataan Royalti. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan penduduk kampung juga telah dilaksanakan. Selain itu, lawatan telah diadakan ke 3 lombong emas di Daerah Lipis, 7 lombong bijih besi di 4 daerah iaitu 3 di

Jerantut, 2 di Rompin dan masing-masing satu di Kuantan serta Lipis. Analisis ke atas data-data yang diperoleh turut dilakukan bagi mendapat maklumat yang lebih terperinci.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati pengurusan lesen dan kutipan royalti bahan mineral emas dan bijih besi adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Permohonan pengeluaran lesen pajakan melombong mengambil tempoh yang lama sehingga 605 hari.
- Kuantiti pengeluaran sebenar bijih mineral tidak dapat ditentukan.
- Syarat Berkanun Pajakan Melombong tidak dipatuhi dan perlanggaran Syarat Skim Pengendalian Melombong/*Operational Mining Scheme* (OMS).
- Aktiviti perlombongan telah mendatangkan masalah bunyi bising dan debu terhadap penduduk berhampiran lombong.
- Pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah.

4.4.1. Permohonan Lesen Pajakan Melombong Mengambil Tempoh Yang Lama

4.4.1.1. Pengusaha yang ingin menjalankan aktiviti perlombongan perlu mengemukakan permohonan mereka kepada PTG. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen perihal pemohon/syarikat. Seterusnya, PTG akan menandakan kawasan tanah yang dimohon atas Pelan Perakuan yang disediakan oleh Pelukis Pelan PTG. Pelan Perakuan tersebut akan digunakan untuk penyediaan Laporan Teknikal. Laporan Teknikal yang disediakan akan mengambil kira pandangan dan nasihat daripada Jabatan Teknikal yang terdiri daripada 6 Jabatan iaitu Pentadbir Tanah Daerah, Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Badan Kawal Selia Air dan JMG. Sementara menunggu pandangan daripada Jabatan Teknikal, permohonan tersebut akan diberi status Simpan Dalam Perhatian selama 30 hari. Tempoh kelulusan bergantung kepada tempoh yang diambil oleh 6 Jabatan tersebut untuk menghantar kembali ulasan yang diminta oleh Pengarah Tanah Dan Galian Pahang. Seterusnya, lawatan akhir oleh PTG ke tapak permohonan untuk mengemaskinikan Pelan Perakuan dan disusuli penyediaan kertas kerja untuk dibawa ke MMK.

4.4.1.2. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2009 hingga November 2011, sebanyak 277 permohonan telah diterima oleh PTG. Jumlah permohonan lesen pajakan melombong emas dan bijih besi telah semakin meningkat setiap tahun iaitu daripada 38 permohonan pada tahun 2009 kepada 71 permohonan pada tahun 2010. Sehingga

November 2011, jumlah permohonan telah meningkat kepada 168 permohonan. Sebanyak 45 lesen pajakan melombong emas dan bijih besi telah diluluskan oleh PTG iaitu 12 lesen untuk emas dan 33 lesen untuk bijih besi. Selebihnya 17 permohonan telah ditolak, satu permohonan ditarik balik dan 214 masih dalam proses. Permohonan yang masih dalam proses melibatkan 12 permohonan pada tahun 2009, 50 permohonan pada tahun 2010 dan sehingga November 2011, sebanyak 152 permohonan. Status permohonan pajakan melombong untuk emas dan bijih besi bagi tempoh 2009 hingga November 2011 adalah seperti **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

**Status Permohonan Pajakan Melombong Emas Dan Bijih Besi
Bagi Tempoh 2009 Hingga November 2011**

Tahun	Jumlah				
	Permohonan	Dilulus	Ditolak	Tarik Balik Permohonan	Dalam Proses
2009	38	16	10	0	12
2010	71	15	5	1	50
2011	168	14	2	0	152
Jumlah	277	45	17	1	214

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian

4.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati permohonan pada tahun 2009 dan 2010 berjumlah 62 permohonan masih dalam proses disebabkan kebanyakan permohonan tersebut masih dalam tindakan Jabatan Teknikal, peringkat penyediaan Pelan Perakuan dan menunggu kelulusan MMK. Antara punca kelewatan kelulusan permohonan adalah disebabkan peningkatan jumlah permohonan. Analisis Audit terhadap permohonan untuk 9 daerah yang melibatkan ulasan Jabatan Teknikal mendapati 59 permohonan disimpan melebihi tempoh Simpan Dalam Perhatian 30 hari dengan tempoh kelewatan antara 33 hingga 605 hari. Proses permohonan yang mengambil tempoh yang lama menyebabkan hasil daripada royalti perlombongan lewat diperoleh Kerajaan Negeri. Kebanyakan kes kelewatan berlaku di Daerah Rompin, Lipis, Jerantut, Kuantan dan Maran seperti **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2

**Tempoh Simpan Dalam Perhatian Yang Melebihi 30 Hari
Sehingga 30 September 2011**

Bil.	Daerah	Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Kes
1.	Rompin	33 – 333	20
2.	Lipis	49 – 414	12
3.	Jerantut	47 – 306	9
4.	Kuantan	82 – 267	6
5.	Maran	43 – 605	6
6.	Pekan	35 – 89	3
7.	Bentong	40	1
8.	Bera	97	1
9.	Raub	124	1
Jumlah			59

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian

4.4.1.4. Maklum balas daripada PTG bertarikh 13 Februari 2012 menyatakan 91 permohonan masih dalam proses Ulasan Teknikal, 28 permohonan dalam peringkat penyediaan Pelan Perakuan dan Kertas MMK serta 95 permohonan masih di peringkat MMK. PTG telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan untuk mempercepat proses permohonan Pajakan Melombong. Antaranya, menanda segera pada fail permohonan dengan mengutamakan permohonan Pajakan Melombong yang mempunyai Lesen Mencarigali. Selain itu, hanya 2 Ulasan Teknikal yang diperlukan untuk memproses permohonan Pajakan Melombong yang mempunyai Lesen Mencarigali. Manakala, berhubung dengan kelewatan untuk mendapatkan Ulasan Teknikal, PTG telahpun mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti menghantar surat ulangan dan mengadakan Mesyuarat Teknikal Mineral pada setiap bulan.

Pada pendapat Audit, pengurusan lesen Pajakan Melombong kurang memuaskan kerana proses permohonan mengambil tempoh yang lama. Status Simpan Dalam Perhatian selama 30 hari perlu dikaji semula oleh PTG supaya ia lebih realistik dengan jumlah permohonan yang diterima.

4.4.2. Kuantiti Pengeluaran Sebenar Mineral Tidak Dapat Ditentukan

Peraturan 84(4) Peraturan-peraturan Mineral 2005 menetapkan setiap pemindahan bijih mineral daripada lombong oleh pemajak/pengusaha hendaklah disertakan Borang 13D iaitu dokumen perjalanan sah yang dikeluarkan oleh PTG. Pemajak/pengusaha lombong dikehendaki membeli borang tersebut daripada PTG dengan harga RM1 bagi satu borang. Borang tersebut telah diberi nombor siri dan mengandungi maklumat seperti orang yang menerima penghantaran, tempat asal bijih, butir-butir bijih, butir-butir pengangkutan dan destinasi serta butir-butir pemilik bijih. Dokumen perjalanan ini akan diperiksa oleh PTG dari semasa ke semasa sewaktu pemantauan dijalankan bagi memastikan setiap pemindahan mineral daripada lombong telah diluluskan oleh PTG. Ia juga boleh digunakan untuk menyemak kuantiti sebenar pengeluaran bijih besi daripada lombong setiap bulan. Semakan Audit mendapati:

4.4.2.1. Borang 13D digunakan sebagai dokumen pengenalan yang sah untuk memindahkan bijih besi dari tapak lombong ke stockpile dan pelabuhan. PTG akan membuat pemeriksaan mengejut terhadap lori yang membawa keluar bijih besi dari lombong sama ada borang tersebut diguna pakai atau sebaliknya. Bagaimanapun, PTG tidak menggunakan borang tersebut untuk menyemak kuantiti sebenar pengeluaran bijih besi dari lombong kerana tiada salinan pendua disimpan oleh PTG bagi membuat semakan. Perkara ini juga disebabkan tiada peraturan khusus dikeluarkan oleh PTG yang menghendaki pemajak/pengusaha lombong menghantar satu salinan borang 13D kepada PTG. Oleh itu, PTG tidak dapat mengesahkan kuantiti pengeluaran sebenar bijih besi di lombong dengan jumlah pengeluaran yang dilaporkan oleh pemajak/pengusaha lombong dalam Kenyataan Royalti. Sekiranya tiada pengesahan oleh pihak PTG, adalah dikhuatiri pihak pemajak/pengusaha lombong akan memanipulasi maklumat dalam borang tersebut.

4.4.2.2. Maklum balas daripada PTG bertarikh 13 Februari 2012 memaklumkan bahawa Borang 13D hanya digunakan untuk aktiviti pemindahan bijih besi dari tapak perlombongan ke destinasi/pelabuhan. Ia tidak boleh digunakan untuk pengiraan bayaran royalti kerana kuantiti sebenar bijih besi tidak dapat disahkan selagi ia belum melalui proses untuk pengasingan. Kebanyakan tapak perlombongan tidak mempunyai alat timbang untuk menimbang berat muatan bijih besi yang dibawa keluar dari kawasan perlombongan. PTG juga tiada kepakaran dan peralatan yang khusus untuk menentukan kuantiti stok bijih besi di tapak perlombongan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran royalti kurang memuaskan kerana kuantiti pengeluaran sebenar mineral tidak dapat ditentukan.

4.4.3. Peraturan Di Lombong

Pemajak/Pengusaha lombong perlu mematuhi peraturan di lombong yang telah ditetapkan dalam Enakmen Mineral 2001 dan Peraturan-peraturan Mineral 2005. Ia terkandung dalam Syarat Berkanun Pajakan Melombong dan Skim Pengendalian Melombong/*Operational Mining Scheme* (OMS) yang berkaitan seperti pemeriksaan dokumen dan kepatuhan kepada standard alam sekeliling. Syarat Berkanun Pajakan Melombong disediakan oleh PTG manakala OMS disediakan oleh JMG. Semakan Audit mendapati:

4.4.3.1. Syarat Berkanun Pajakan Melombong Tidak Dipatuhi

Syarat Berkanun Pajakan Melombong menyatakan buku rekod hendaklah disimpan di lombong. Buku rekod tersebut perlu mengandungi rekod kuantiti pengeluaran mineral di lombong, jumlah mineral yang dibawa keluar serta jumlah mineral yang disimpan sebagai *stockpile* di lombong dan di luar lombong dan ia perlu dikemukakan kepada pegawai yang diberi kuasa semasa pemantauan dijalankan. Lawatan ke 7 buah lombong bijih besi mendapati 2 daripadanya iaitu lombong di Bukit Ibam dan Selendang di Daerah Rompin tidak dapat mengemukakan maklumat pengeluaran bijih besi yang dilombong dan disimpan sebagai *stockpile*. Perkara ini disebabkan pemajak/pengusaha lombong tidak mengambil maklum mengenai keperluan ini. Kegagalan pemajak/pengusaha lombong mematuhi syarat yang ditetapkan mengakibatkan maklumat pengeluaran bijih besi tidak dapat diperiksa oleh pihak berkuasa dan pengesahan kuantiti bijih besi tidak dapat disahkan bagi tujuan pembayaran royalti. **Maklum balas daripada PTG bertarikh 13 Februari 2012 memaklumkan rekod maklumat pengeluaran bijih besi disimpan di pejabat pengurusan lombong dan bukannya di lokasi lombong.** Keadaan kedua-dua lombong tersebut adalah seperti **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1

Bijih Besi Yang Disimpan Sebagai Stockpile



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Ibam, Rompin
Tarikh: 7 Oktober 2011

Gambar 4.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Selendang, Rompin
Tarikh: 7 Oktober 2011

4.4.3.2. Perlanggaran Syarat Skim Pengendalian Melombong/*Operational Mining Scheme* (OMS)

Salinan Skim Pengendalian Melombong (OMS) hendaklah dipamerkan di pejabat operasi tapak perlombongan bagi pekerja lombong mengetahui syarat kerja dan untuk pemantauan PTG dan JMG. Pemeriksaan Audit mendapati 2 lombong di Rompin dan satu lombong masing-masing di Jerantut dan Lipis tidak mempamerkan OMS serta lesen di pejabat operasi lombong. Oleh yang demikian, berlaku perlanggaran syarat berkanun pajakan melombong dan OMS. **Maklum balas daripada JMG bertarikh 13 Februari 2012 mengambil maklum dan akan memastikan satu salinan OMS dipamerkan di kawasan lombong seperti di kawasan kongsi.**

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada peraturan di lombong kurang memuaskan kerana Syarat Berkanun Pajakan Melombong dan OMS tidak dipatuhi.

4.4.4. Kesan Aktiviti Perlombongan Kepada Penduduk Berhampiran

Kegiatan perlombongan dilihat memberi hasil yang besar kepada Kerajaan Negeri berikut permintaan yang tinggi terhadap sumber mineral di pasaran dalam dan luar negara. Keseimbangan antara keuntungan dari segi pendapatan kepada Kerajaan, ekonomi masyarakat setempat, peluang pekerjaan dan keselesaan kepada rakyat harus diambil kira bagi kepentingan manusia, alam sekitar serta hidupan lain. Oleh itu, pemajak/pengusaha lombong hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan termasuk kesan kepada penduduk yang berhampiran. Semakan Audit mendapati:

4.4.4.1. Aduan yang dikemukakan oleh orang awam kepada pemajak/pengusaha lombong mengenai masalah kacau ganggu, bunyi bising dan habuk di sekitar Bukit Ibam terutama kawasan perumahan dan Sekolah Menengah Agama Bukit Ibam (SMA). Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar adalah tidak boleh menumpukan sepenuh

perhatian terhadap pembelajaran disebabkan bunyi bising. Selain itu ketidakselesaan pelajar dan guru akibat debu yang berterbangan dari tapak lombong. Siasatan terhadap aduan tersebut telah dibuat oleh PTG pada awal September 2011. Selain itu, satu perjumpaan turut diadakan pada pertengahan September 2011 antara pihak lombong, pengetua SMA dan wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Ibam bagi membincangkan masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Bukit Ibam.

4.4.4.2. Hasil daripada siasatan dan perjumpaan tersebut, pihak pengurusan lombong telah mengambil tindakan serta merta menutup sementara lombong berkenaan untuk memulakan kerja-kerja pengawalan dan pemulihan masalah kacau ganggu, bunyi bising dan habuk yang berpunca daripada aktiviti perlombongan. Pihak pengurusan lombong telah memasang *generator* dan mesin pam elektrik yang tidak mengeluarkan bunyi bising bagi menggantikan mesin yang menggunakan diesel, manakala pengadang juga dibina untuk mengurangkan kesan bunyi bising dan habuk. Jabatan bertanggungjawab iaitu Jabatan Alam Sekitar turut menjalankan uji kaji dan mendapati bunyi yang dihasilkan masih di paras yang selamat.

4.4.4.3. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke lokasi seperti dalam aduan dan mendapati kedudukan 2 buah lombong bijih besi adalah berhampiran dengan kawasan rumah penduduk di Kampung Bukit Ibam dan kawasan SMA. Jarak antara sempadan kawasan lombong dan sempadan kawasan sekolah adalah kurang daripada 50 meter. Pemajak/Pengusaha lombong telah memasang kain pengadang berwarna hitam untuk menghalang debu daripada lombong. Pemerhatian Audit mendapati pengadang tersebut tidak dapat berfungsi sepenuhnya untuk menghalang debu kerana lombong tersebut terletak di tempat yang tinggi daripada SMA seperti **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

Gambar 4.3
Kawasan Lombong Berdekatan Dengan Sempadan SMA Bukit Ibam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Ibam, Rompin
Tarikh: 16 November 2011

Gambar 4.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Ibam, Rompin
Tarikh: 16 November 2011


4.4.4.4. Lawatan Audit ke kediaman penduduk kampung di Lorong Perak 8, Kampung Bukit Ibam pula mendapati kawasan bekas lombong terletak kurang daripada 50 meter

dengan rumah penduduk. Kawasan tersebut adalah bekas lombong yang mempunyai Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan permit untuk mengangkut keluar sisa bijih besi. Kawasan kerja lombong tersebut tidak dipasang pengadang (*hoarding*) dan menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk setempat akibat debu terutama ketika cuaca panas. Kedudukan rumah penduduk dengan bekas lombong adalah seperti **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**.



Gambar 4.5
Kawasan Bekas Lombong Hampir Dengan Rumah Kediaman Penduduk

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Ibam, Rompin
Tarikh: 16 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Ibam, Rompin
Tarikh: 16 November 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Ibam, Rompin
Tarikh: 16 November 2011

4.4.4.5. Masalah yang dihadapi oleh SMA dan penduduk Kampung Bukit Ibam ini disebabkan jarak sempadan antara kawasan lombong dengan kawasan penempatan terdekat tidak dinyatakan dalam Syarat Berkanun Pajakan Melombong. Selain itu, had waktu operasi melombong juga tidak dinyatakan dalam Syarat Berkanun Pajakan Melombong. Oleh itu, terdapat lombong yang beroperasi 24 jam tanpa henti. Keadaan ini mendatangkan ketidakselesaan kepada penduduk di kawasan berdekatan lombong.

4.4.4.6. **Maklum balas PTG bertarikh 13 Februari 2012 memaklumkan mereka telah mengambil beberapa langkah dengan mengenakan beberapa syarat ke atas Pemajak atau Penerima Pajakan. Sekiranya pihak syarikat enggan mematuhi perkara ini, Pihak Berkuasa Negeri dimohon untuk memperakui agar tindakan di**

bawah Seksyen 76 dan 77 Enakmen Mineral 2001 dimulakan bagi tujuan pengenaan denda. Antara syarat-syarat tersebut ialah:

- a. Mengehadkan waktu operasi dari jam 7.00 pagi hingga jam 7.00 petang sahaja. Operasi pada waktu malam tidak dibenarkan sama sekali.
- b. Memastikan pihak syarikat mematuhi had bunyi bagi Kategori 1 dan Kategori 2 seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perancangan Untuk Kawalan dan Had Bunyi Bising dan Garis Panduan Kualiti Udara Ambien pada setiap masa.
- c. Menukar penggunaan pam air diesel kepada pam air berkuasa elektrik yang lebih senyap.
- d. Membina tembok pengadang bunyi bagi mencegah pencemaran bunyi.
- e. Membina *buffer zone* iaitu dengan menambak tanah setinggi 3 meter dan menanam pokok di lokasi yang bersempadan dengan kawasan perumahan dan SMA.
- f. Membina rumah kedap bunyi bagi *crusher* dan *generator*.
- g. Pihak syarikat diwajibkan mencadangkan langkah-langkah lain bagi mengurangkan bunyi bising melalui Jurutera Lombong dalam masa 14 hari.
- h. Memberi tempoh selama 30 hari kepada syarikat untuk melaksanakan kesemua perkara di atas. Syarikat tidak dibenarkan beroperasi sehingga perkara di atas dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, kesan aktiviti perlombongan kepada penduduk berhampiran lokasi perlombongan adalah serius kerana sempadan kawasan lombong terlalu hampir dengan sekolah dan kediaman penduduk serta tindakan pemantauan perlu dilakukan secara berterusan oleh PTG dan JMG.

4.4.5. Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Pemantauan terhadap aktiviti perlombongan sama ada sebelum atau selepas pengeluaran lesen melombong adalah penting bagi memastikan pengeluaran lesen dan bayaran royalti dilaksanakan secara teratur dan berkesan serta penting bagi memastikan hasil Kerajaan Negeri dapat dikutip sepenuhnya. Aktiviti penguatkuasaan di bawah tanggungjawab Unit Mineral PTG pula perlu dilaksanakan bagi memastikan semua syarat dan prosedur mengenai operasi perlombongan yang dikeluarkan kepada pelombong dipatuhi. Sungguhpun begitu, didapati Unit Mineral PTG tidak menyediakan jadual rondaan dan penguatkuasaannya secara berkala dan tiada rekod khas pemantauan diselenggarakan. Penolong Pegawai Tanah (PPT) yang menjalankan pemantauan hanya menggunakan diari

harian untuk merekodkan maklumat kesalahan dan tindakan yang dikenakan. Selain itu, unit ini gagal untuk melaksanakan rancangan yang telah ditetapkan iaitu untuk melawat semua lombong di Negeri Pahang dalam masa 2 bulan. Akibat daripada kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan, menyebabkan berlakunya perlanggaran Syarat Berkanun Pajakan Melombong dan kehilangan hasil royalti kepada Kerajaan Negeri. **Maklum balas daripada PTG bertarikh 13 Februari 2012 memaklumkan jumlah PPT di Unit Mineral adalah seramai 8 orang. Manakala anggaran jumlah lombong yang perlu dilawati ialah 80 buah. Jumlah kenderaan yang disediakan adalah sebuah dan hanya ada satu pasukan rondaan sahaja yang bertanggungjawab untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan.** Sekiranya semua lombong ingin dilawati Unit Mineral, PTG memerlukan tempoh masa 80 hari untuk satu pusingan lawatan. Dalam masa yang sama, PPT Unit Mineral turut dikehendaki untuk memproses permohonan lesen mineral.

Pada pendapat Audit, aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana PTG tidak dapat melaksanakan aktiviti pemantauan secara berkesan disebabkan masalah kekurangan kakitangan dan kenderaan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan pengeluaran lesen dan kutipan royalti mineral, adalah disyorkan supaya PTG dan JMG mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

4.5.1. Mempercepatkan proses pengeluaran lesen agar mematuhi prosedur kualiti Jabatan. Untuk itu, koordinasi antara Jabatan Teknikal dan PTG perlu dipertingkatkan.

4.5.2. PTG dan JMG hendaklah menjalankan kerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi membantu menjalankan kajian semula terhadap mekanisme permohonan dan pengeluaran lesen serta kutipan royalti bagi memastikan Kerajaan tidak mengalami kerugian hasil.

4.5.3. Menambah baik peraturan mineral berkaitan penggunaan Borang 13D. Oleh kerana borang tersebut melebihi satu muka surat disyorkan PTG menyediakan Borang 13D dengan salinan pendua atau mewajibkan pemajak/pengusaha lombong untuk menghantar satu ringkasan laporan yang mengandungi butiran seperti tarikh penghantaran, nombor kenderaan, nombor siri dan jumlah berat bijih mineral yang diangkut keluar dari lombong setiap bulan ke PTG.

4.5.4. Memastikan perjawatan yang mencukupi untuk Unit Mineral agar tugas-tugas memproses permohonan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

4.5.5. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas lombong bagi memastikan semua lombong yang terlibat mengikuti arahan dan syarat yang digariskan terutamanya yang boleh memberi kesan kepada alam sekitar dan manusia.

JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

5. PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI PAHANG

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Kerajaan Negeri Pahang mempunyai 18 buah Sekolah Menengah Agama (SMA) yang terletak hampir di semua daerah. SMA ini adalah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP). Setiap SMA mempunyai asrama dan pengurusan bekalan makanan bermasak adalah di bawah tanggungjawab JAIP. Kerajaan Negeri melalui JAIP membiayai Kontrak Membekal Makanan Bermasak Ke Asrama Sekolah (Kontrak) yang diperbaharui setiap 2 tahun sekali. Bagi tempoh 2008 hingga 2009, nilai kontrak bekalan makanan bermasak bagi semua asrama SMA adalah berjumlah RM27.88 juta, manakala bagi tempoh 2010 hingga 2011 adalah berjumlah RM36.60 juta dengan anggaran jumlah bilangan pelajar adalah seramai 7,990 orang seperti **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1

Nilai Kontrak Bekalan Makanan Bermasak Dan Anggaran Bilangan Pelajar Asrama Bagi Tempoh 2008 Hingga 2011

Bil.	Nama Sekolah	Anggaran Bilangan Pelajar Asrama Setahun	Nilai Kontrak (RM Juta)	
			2008 - 2009	2010 - 2011
1.	Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar, Pekan (Kulliah Pekan)	800	2.88	3.81
2.	Maahad As-Sultan Ahmad Shah Addini Bandar Pusat Jengka (Maahad Jengka)	775	2.63	3.54
3.	SMA Rompin, Rompin	600	2.16	2.65
4.	SMA Al-Khairiah, Temerloh	600	2.22	2.52
5.	SMA Padang Tengku, Kuala Lipis	500	1.78	2.21
6.	SMA Al-Wosto, Temerloh	475	1.65	2.18
7.	SMA Al-Ihsan, Kuantan	450	1.60	1.97
8.	SMA Pulau Tawar, Jerantut	425	1.23	2.10
9.	SMA Al-Falah Batu Talam, Raub	425	1.64	1.77
10.	SMA Pelangai, Bentong	415	1.56	2.12
11.	SMA Chenor, Maran	400	1.24	1.99
12.	SMA Al-Attas, Pekan	375	1.23	1.75
13.	SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub	350	1.26	1.55
14.	SMA Bukit Ibam, Muadzam Shah	355	1.28	1.59
15.	SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan	320	1.12	1.38
16.	SMA Maran, Maran	300	1.07	1.33
17.	SMA Al-Basirah Kuala Tembeling, Jerantut	220	0.77	0.99
18.	SMA Al-Ittifaqiah Guai, Temerloh	205	0.56	1.15
Jumlah		7,990	27.88	36.60

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Pahang

5.1.2. Pada tahun 2009, perbelanjaan bekalan makanan bermasak bagi 18 buah asrama SMA ialah berjumlah RM11.08 juta. Perbelanjaan ini meningkat kepada RM12.96 juta pada tahun 2010 dan sehingga Disember 2011, jumlah perbelanjaan ialah RM12.86 juta. Harga ditawarkan bagi seorang pelajar ialah antara RM7.00 hingga RM7.80 sehari bagi tempoh kontrak 2008/2009 dan RM7.50 hingga RM8.80 sehari bagi tempoh kontrak 2010/2011. Proses pemilihan kontraktor untuk membekalkan makanan ke 18 buah asrama SMA telah dilaksanakan serentak secara tender terbuka oleh JAIP mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

5.1.3. Purata harga siling makanan asrama SMA Negeri Pahang adalah RM7.18 seorang sehari bagi tempoh 2008/2009 dan RM7.93 seorang sehari bagi tempoh 2010/2011. Harga ini jauh lebih rendah dibandingkan dengan purata harga siling yang diperuntukkan kepada sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu RM13.60 seorang sehari dengan peratus perbezaan sebanyak 47.2% bagi tempoh 2008/2009 serta 41.7% bagi tempoh 2010/2011. Bagaimanapun, pada bulan September 2011 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju untuk menaikkan kadar makan pelajar asrama SMA kepada RM10 seorang sehari.

5.1.4. Satu kajian Audit terhadap pengurusan bekalan makanan asrama ke SMA telah dilaksanakan pada tahun 2000 dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2001. Dalam laporan tersebut, pihak Audit telah melaporkan perancangan, penyediaan anggaran tahunan dan proses penilaian tender perlu dirancang dengan lebih teliti. Laporan tersebut juga memberi pandangan pelaksanaan yang melibatkan pengurusan di pihak sekolah dan pematuhan syarat-syarat kontrak oleh pihak pembekal hendaklah diperbaiki dan dipertingkatkan. Selain itu, garis panduan mengenai pelaksanaan kontrak di peringkat sekolah perlu disediakan oleh JAIP bagi meningkatkan kualiti pengurusan bekalan makanan ke asrama SMA.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pelaksanaan aktiviti pembekalan makanan bermasak telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi Kontrak bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan JAIP serta 10 buah SMA iaitu Kulliah Pekan, SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan, SMA Al-Ihsan, Kuantan, SMA Chenor, Maran, SMA Al-Khairiah, Temerloh, Maahad Jengka, SMA Pulau Tawar, Jerantut, SMA Al-Basriah Kuala Tembeling, Jerantut, SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub dan SMA Al-Falah Batu Talam, Raub. Pengauditan meliputi semakan terhadap dokumen pengurusan bekalan makanan iaitu Kontrak, rekod kewangan di JAIP dan semua SMA. Lawatan ke SMA dan temu bual dengan

Kontraktor Bekalan Makanan Bermasak (Kontraktor), Penyelia Asrama/Warden, guru-guru serta para pelajar turut dilakukan. Selain itu, borang soal selidik turut diedarkan kepada 390 orang pelajar (10% daripada jumlah keseluruhan pelajar yang tinggal di asrama), 67 orang Penyelia Asrama/Warden (100% daripada 10 buah SMA) dan 10 orang Pengetua (100% daripada 10 buah SMA) serta analisis terhadap borang soal selidik turut dibuat bagi menilai perkhidmatan yang diberi terutama daripada aspek kualiti, kuantiti, spesifikasi bekalan dan kebersihan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan mulai Julai hingga September 2011, pihak Audit mendapati pengurusan bekalan makanan bermasak di 10 buah asrama SMA adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Bekalan bahan mentah yang dibekalkan tidak mengikut sukatan yang ditetapkan.
- Bahan-bahan yang dibekalkan tidak berlabel halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan telah melebihi tarikh luput.
- Stok bahan makanan utama yang boleh disimpan lama tidak mampu menampung keperluan minimum selama 3 hari.
- Spesifikasi bekalan bahan mentah dan bermasak yang dibekalkan – kualiti ikan yang dibekalkan tidak dapat ditentukan.
- Prestasi kebersihan persekitaran dapur dan dewan makan serta pengurusan dan keselamatan dapur kurang memuaskan.
- Borang pesanan makanan disediakan kurang dari 48 jam dan tiada tarikh pesanan dicatat dalam borang.
- Pekerja tidak dihantar menghadiri kursus pengendalian makanan.
- Pemantauan di peringkat JAIP dan SMA kurang memuaskan kerana Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Pemantau tidak ditubuhkan.

5.4.1. Pengurusan Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Kering

Bahan mentah dan bahan kering yang bermutu boleh menghasilkan makanan bermasak yang berkualiti. Oleh itu, aspek pembelian bahan-bahan ini adalah amat penting bagi

pengurusan bekalan makanan bermasak di SMA. Menu yang disajikan kepada para pelajar asrama hendaklah mengikut sukatan untuk seorang pelajar yang telah ditetapkan dalam Kontrak. Kontraktor hendaklah membekalkan bahan mentah mengikut bilangan pelajar yang terdapat dalam borang pesanan yang disediakan oleh SMA. Sukatan menu ini telah dikaji oleh Kementerian Kesihatan bagi memastikan pelajar asrama mendapat diet yang seimbang. Syarat utama Kontrak juga telah menetapkan beberapa kriteria melibatkan bahan mentah dan bahan kering yang perlu dipatuhi oleh Kontraktor. Semakan Audit mendapati:

5.4.1.1. Bekalan Bahan Mentah Yang Dibekalkan Tidak Mengikut Sukatan Yang Ditetapkan

- a. Kuantiti bahan mentah yang dibekalkan sehari di 5 buah SMA adalah kurang daripada jumlah yang sepatutnya dibekalkan iaitu terdapat perbezaan sebanyak 120.23 kilogram, manakala di 5 SMA lain tiada berlaku perbezaan. Pemeriksaan Audit telah dibuat terhadap bekalan bahan mentah yang terdapat di sekolah-sekolah yang dilawati. Jumlah sukatan kuantiti sebenar diperoleh daripada borang pesanan makanan dan menu yang disediakan dalam kontrak. Jumlah perbezaan adalah seperti **Jadual 5.2.**

Jadual 5.2
Perbezaan Sukatan Timbangan Bekalan Bahan Mentah Di SMA

Bil.	Nama Sekolah	Bahan Mentah	Sukatan Mengikut Kontrak	Sukatan Sebenar	Perbezaan (Kg)
			Kg/Sehari		
1.	SMA Pulau Tawar, Jerantut	Terung	12.57	8.00	4.57
		Lobak	12.57	3.00	9.57
		Kacang Buncis	33.52	19.00	14.52
2.	SMA Al-Basriah Kuala Tembeling, Jerantut	Kobis	14.64	4.00	10.64
		Nenas	3.66	2.90	0.76
3.	SMA Al-Ihsan, Kuantan	Kobis	22.25	19.00	3.25
4.	Kulliah Pekan	Kacang Panjang	46.40	35.00	11.40
		Tembikai Susu	87.00	50.00	37.00
5.	SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan	Ikan Selar	23.84	17.00	6.84
		Kobis	23.84	19.00	4.84
		Kangkung	23.84	7.00	16.84
Jumlah			304.13	183.90	120.23

Sumber: Sekolah Menengah Agama

- b. Perbezaan ini disebabkan Kontraktor tidak membekal bahan mentah mengikut bilangan sebenar pelajar dalam borang pesanan. Pihak SMA juga tidak membuat pemeriksaan ke atas bahan mentah yang diterima di dapur dewan makan. Wakil SMA seperti Penyelia Asrama dan Warden berhak untuk memeriksa makanan mentah yang akan dimasak sebaik sahaja ia sampai ke dapur asrama. Kontraktor pula hendaklah memberi kemudahan kepada pihak SMA untuk meneliti invois atau surat serahan serta memeriksa tempat makanan mentah itu disimpan. Sekiranya

makanan mentah yang dibekalkan tidak mengikut sukatan, spesifikasi dan ketetapan Kontrak seperti ikan dan ayam tidak berkualiti, pihak SMA berhak untuk menolak semua makanan atau bahan mentah tersebut. Hasil daripada pemeriksaan perlu direkodkan dalam Rekod Pemeriksaan Bahan Mentah serta Rekod Penerimaan Dan Penolakan Bahan Mentah.

- c. Temu bual dengan Penyelia Asrama dan Warden serta semakan Audit mendapati 2 buah SMA iaitu SMA Al-Basriah Kuala Tembeling, Jerantut dan Maahad Jengka tidak membuat pemeriksaan bekalan bahan mentah. Lapan buah SMA yang lain ada membuat pemeriksaan tetapi hanya 2 buah SMA yang menyelenggarakan rekod pemeriksaan iaitu SMA Al-Falah Batu Talam, Raub dan SMA Pulau Tawar, Jerantut. Justeru itu, pihak SMA tidak dapat mengambil tindakan seperti mengenakan potongan bayaran sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai bahan mentah yang tidak mencukupi dan tidak mematuhi spesifikasi.
- d. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA Pulau Tawar, Jerantut telah mengambil tindakan dengan memotong bayaran Kontraktor terhadap bekalan yang tidak mengikut sukatan. SMA Al-Basriah Kuala Tembeling, Jerantut, SMA Al-Ihsan, Kuantan dan Kulliah Pekan pula telah meminta Kontraktor menggantikan bekalan yang tidak mengikut sukatan dengan bekalan lain. Manakala, Maahad Jengka telah melantik Pegawai Pemantau untuk memantau bekalan bahan bermasak. Selain itu, semua SMA akan membuat teguran terhadap Kontraktor dan mengambil tindakan pada masa hadapan serta merekodkan secara bertulis setiap laporan pemeriksaan dewan makan.**

5.4.1.2. Bahan-bahan Yang Dibekalkan Tidak Berlabel Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Dan Telah Melebihi Tarikh Luput

Fasal 8.4 dan Jadual 7 dalam syarat kontrak menyatakan bahan-bahan makanan yang dibekalkan seperti susu, jus minuman, tepung, cuka dan minyak masak mestilah berlabel halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan tidak melebihi tarikh luput. Penyediaan makanan berasaskan sumber yang halal amat dititikberatkan dalam Islam. Oleh itu, penyediaan makanan di SMA perlulah mengambil berat tentang kandungan sumber makanan tersebut kerana SMA bertanggungjawab melahirkan muslimin dan muslimat yang berjaya. Bahan bekalan juga hendaklah tidak melebihi tarikh luput bagi memastikan kualiti dan mutu masih terjamin.

- a. Pemeriksaan Audit di stor bahan kering mendapati beberapa bahan yang dibekalkan oleh Kontraktor tidak mempunyai label halal yang dikeluarkan oleh JAKIM dan ada juga bahan yang telah melebihi tarikh luput. Bahan bekalan yang tidak menggunakan label halal JAKIM adalah seperti **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**.

Gambar 5.1
Minyak Masak Dan Jem Buah Yang Tidak Mempunyai Label Halal Yang Dikeluarkan JAKIM



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Chenor, Maran
Tarikh: 19 September 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 5.3
Rempah Rendang Dan Cuka Makan Yang Tiada Label Halal Yang Dikeluarkan JAKIM



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Ihsan, Kuantan
Tarikh: 3 Ogos 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Basirah Kuala Tembeling,
Jerantut
Tarikh: 21 Julai 2011

- b. Ketidakpatuhan label halal ini adalah disebabkan bahan makanan seperti beras, gula, kopi/teh, susu, minyak masak dan bahan-bahan makanan kering yang dibeli oleh kontraktor tidak mengikuti syarat perjanjian Kontrak seperti **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Senarai Bekalan Bahan-bahan Kering Yang Tidak Mengikut Kontrak

Bil.	Nama Sekolah	Bahan Makanan	Jenama Mengikut Kontrak	Jenama Yang Dibekalkan
1.	SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub	Susu Pekat Manis	F&N/Champ	Marigold
		Minyak Masak	Vesawit/Buruh	Topi Padi
		Sos Cili	Maggie/Life	Emas
		Beras Premium	Jati/Piala	Thomas Cup
2.	SMA Al-Falah Batu Talam, Raub	Beras Premium	Tanjung/Beras Nasional	Merbok
3.	SMA Pulau Tawar, Jerantut	Minyak Masak	Petani	Penguin
		Sos Cili	Roslan Hassan	Masjid/Samudera

Bil.	Nama Sekolah	Bahan Makanan	Jenama Mengikut Kontrak	Jenama Yang Dibekalkan
4.	SMA Al-Basirah Kuala Tembeling, Jerantut	Susu Pekat Manis	Gold Coin/Cap Teko	F&N
		Mentega	Planta/Daisy	Bunga Emas
		Minyak Masak	Buruh/Helang	Petani
		Sos Cili	Tamin/Jalen/Knorr/ Kasturi	Kipas Udang
		Beras Premium	Rambutan/Jati/Putra/ Arnab Cap 73	Cap Masjid
5.	SMA Al-Ihsan, Kuantan	Susu Pekat Manis	Marigold	Gold Coin
		Mentega	Planta	Daisy/Pelangi
		Sos Cili	Maggi	SYM
		Beras Premium	Rambutan	Jering/Tanjung
6.	Kulliah, Pekan	Mentega	Yeo's	Planta
		Minyak Masak	Cap Buruh	Seri Murni
		Beras Premium	Jati	Batik
7.	SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan	Mentega	Lady's Choice/B&W/ Yu Al-Food Industries	Pelangi
		Minyak Masak	Cap Ayam/Jalen/Adabi	Petani
		Beras Premium	Cap Bukit/Cap 3A	Batik
8.	SMA Chenor, Maran	Minyak Masak	Bendi/Petani	Nelayan
		Sos Cili	Jalen/Puteri/Salwa	Cap Tamrin
		Beras Premium	Super 77/Batik/Jering	Bunga Kantan/Suri
9.	Maahad Jengka	Susu Pekat Manis	F&N	Generals/Masjid
		Minyak Masak	Saji	Jengka Jaya
		Beras Premium	Faiza Emas	Jering
10.	SMA Al-Khairiah, Temerloh	Mentega	Axe/Daisy	Bunga Emas/Planta
		Beras Premium	Cap Rambutan/Satu Cita	Darul Ridzuan/Sofia

Sumber: Sekolah Menengah Agama

- c. Manakala bahan bekalan yang telah melebihi tarikh luput adalah seperti **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.6**.

Gambar 5.5
Jus Oren Yang Telah Melebihi Tarikh Luput



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kulliah, Pekan

Tarikh: 9 Ogos 2011

Gambar 5.6
Marjerin Yang Telah Melebihi Tarikh Luput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Ihsan, Kuantan
Tarikh: 3 Ogos 2011

- d. Kelemahan di atas berlaku disebabkan pemeriksaan ke atas bahan bekalan tidak dilaksanakan oleh Penyelia Asrama/Pengelola Makanan kerana mereka tidak maklum mengenai perkara ini dan kekurangan latihan dalam aspek pemeriksaan makanan. Sepatutnya, latihan yang berkaitan perlu diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Penyelia Asrama/Pengelola Makanan dalam mengendalikan pengurusan bekalan makanan bermasak seperti memahami syarat perjanjian kontrak. Pemeriksaan Audit juga mendapati JAIP tidak membuat perancangan latihan terhadap perkara berkenaan dan semakan Audit terhadap kursus yang dihadiri oleh Penyelia Asrama/Pengelola Makanan di 10 buah SMA mendapati tiada sebarang kursus berkaitan pengurusan bekalan makanan bermasak dihadiri oleh mereka. Penyelia Asrama/Pengelola Makanan hanya menjalankan tugas berdasarkan pengalaman pegawai yang terdahulu.
- e. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011** menjelaskan SMA telah melantik pegawai pemeriksa bekalan makanan untuk memeriksa bahan berkaitan dengan tanda halal JAKIM dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kualiti bahan yang dihantar.

5.4.1.3. Stok Bahan Makanan Utama Yang Boleh Disimpan Lama Tidak Mampu Menampung Keperluan Minimum Selama 3 Hari

Fasal 8.4, syarat Kontrak menyatakan stok bahan-bahan makanan utama seperti beras, gula, kopi/teh, susu, minyak masak dan bahan makanan yang tahan lama hendaklah mencukupi untuk menampung keperluan minimum pelajar asrama selama 3 hari. Kebiasaannya barang-barang ini disimpan di stor bahan kering di dapur dewan makan. Ia hendaklah disusun dengan teratur bagi memudahkan pengambilan dan penggunaannya. Semakan Audit mendapati:

- a. Empat buah SMA daripada 10 buah SMA yang dilawati tidak mempunyai stok yang mencukupi untuk 3 hari iaitu SMA Al-Basriah Kuala Tembeling, Jerantut, Maahad Jengka, SMA Chenor, Maran dan SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub. Jumlah simpanan beras tidak mencukupi untuk 3 hari, contohnya di SMA Pulau Tawar, Jerantut dan Maahad Jengka seperti **Gambar 5.7** dan **Gambar 5.8**.

Gambar 5.7
Simpanan Beras Di Stor Dapur Dewan Makan Asrama Yang Tidak Cukup Untuk 3 Hari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Pulau Tawar, Jerantut
Tarikh: 18 Julai 2011

Gambar 5.8
Simpanan Beras Di Stor Dapur Dewan Makan Asrama Yang Tidak Cukup Untuk 3 Hari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad, Jengka
Tarikh: 20 September 2011

- b. Pihak Kontraktor sepatutnya perlu menyediakan sebanyak 255 kilogram bersamaan 26 kampit beras bagi menampung sejumlah 425 orang pelajar di SMA Pulau Tawar, Jerantut manakala di Maahad Jengka, 465 kilogram atau 47 kampit beras diperlukan bagi menampung keperluan 775 orang pelajar selama 3 hari. SMA tersebut tidak mempunyai stok yang mencukupi kerana Kontraktor tidak memberi perhatian berkenaan keperluan ini dan terdapat Kontraktor yang menyimpan stok di tempat lain. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA telah mengambil tindakan dengan memberi teguran kepada Kontraktor bagi memastikan perkara ini tidak akan berulang pada masa hadapan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan bekalan bahan mentah dan bahan kering kurang memuaskan kerana bekalan bahan mentah yang dibekalkan tidak mengikut sukatan yang ditetapkan, bahan-bahan yang dibekalkan tidak berlabel halal yang dikeluarkan JAKIM dan telah melebihi tarikh luput serta stok bahan-bahan utama tidak disimpan untuk menampung keperluan minimum selama 3 hari sebagaimana yang ditetapkan dalam Kontrak.

5.4.2. Spesifikasi Bekalan Bahan Mentah Dan Bermasaki Yang Dibekalkan – Kualiti Ikan Yang Dibekalkan Tidak Dapat Ditentukan

Jadual 7 dalam syarat Kontrak menetapkan ikan yang dibekalkan terbahagi kepada 2 kumpulan iaitu Kumpulan A mengandungi ikan tenggiri, bawal hitam, jenahak, ikan merah, siakap/senangin dan jemudok serta Kumpulan B mengandungi ikan selar, kembung, kerisi

dan cencaru. Timbangan ikan-ikan dalam Kumpulan A hendaklah dibekalkan tanpa kepala, ekor, perut dan sisik manakala timbangan ikan-ikan dalam Kumpulan B hendaklah dibekalkan tanpa isi perut. Ikan yang dibekalkan mestilah mengikut menu dan berada dalam keadaan segar iaitu tidak pecah perut dan tidak berbau busuk. Sekiranya Kontraktor tidak dapat membekalkan ikan tersebut, ia hendaklah diganti dengan kumpulan yang sama dengan syarat ikan yang sama tidak boleh dihidangkan 2 hari berturut-turut. Pemeriksaan Audit mendapati:

5.4.2.1. Kualiti ikan yang dibekalkan tidak dapat ditentukan tahap kesegaran sebenar kerana syarat di dalam Kontrak tidak menyatakan dengan jelas definisi ikan segar yang sebenarnya seperti isi ikan hendaklah keras, kulit tidak pecah-pecah, mata ikan cerah, insang berwarna merah dan tidak berbau busuk. Oleh yang demikian, kualiti bahan mentah yang dibekalkan tidak dapat ditentukan kesegarannya. Kebanyakan Kontraktor membekalkan ikan beku seperti **Gambar 5.9** dan **Gambar 5.10**.

Gambar 5.9

Ikan Beku Yang Dibekalkan Kontraktor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kulliah Pekan
Tarikh: 9 Ogos 2011

Gambar 5.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub
Tarikh: 12 Julai 2011

5.4.2.2. Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA akan membuat pemantauan secara rapi berpandukan dokumen tender akan dilaksanakan dengan segera.

Pada pendapat Audit, spesifikasi bekalan bahan mentah dan bermasak kurang memuaskan kerana ikan yang dibekalkan tidak dapat ditentukan kesegarannya kerana syarat Kontrak tidak menyatakan definisi kesegaran secara jelas dan terperinci.

5.4.3. Prestasi Kebersihan Persekutaran Dapur Dan Dewan Makan Serta Pengurusan Dan Keselamatan Dapur

Fasal 20, syarat Kontrak menyatakan Kontraktor bertanggungjawab menjaga kebersihan semua kawasan yang terlibat dalam pembekalan termasuk stor, dewan makan, singki, dapur, longkang dan kawasan di sekeliling dewan makan. Tempat simpanan ikan/daging dan

sayur seperti peti sejuk hendaklah mencukupi dan berfungsi bagi menyimpan makanan yang mudah atau cepat rosak. Bahagian luar dan dalam peti sejuk hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih. Semua peralatan dan tempat yang digunakan untuk menyedia, memasak serta menyimpan makanan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih. Gas memasak hendaklah dijaga dengan baik dan mengganti mana-mana tong gas yang hilang atau rosak. Kontraktor juga bertanggungjawab untuk membersih dan mencuci peralatan yang digunakan oleh pelajar. Manakala sampah dan sisa makanan hendaklah dilupuskan secara teratur iaitu 2 jam selepas waktu makan malam. Tong-tong sampah yang sesuai dan tertutup hendaklah digunakan supaya sampah tidak dikerumuni lalat. Lawatan Audit mendapati tahap kebersihan dapur, dewan makan dan peralatan yang digunakan adalah kurang memuaskan seperti berikut:

5.4.3.1. Peti Sejuk Tidak Bersih


- Tahap kebersihan dalam dan luar peti sejuk adalah kurang memuaskan di 6 buah SMA iaitu SMA Al-Ihsan, Kuantan, Kulliah Pekan, SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan, SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub, SMA Al-Basriah Kuala Tembeling, Jerantut dan SMA Chenor, Maran iaitu terdapat peti sejuk beku dan mesin pembuat ais yang lama tidak dibersihkan oleh Kontraktor. Contohnya adalah seperti **Gambar 5.11** dan **Gambar 5.12**.

Gambar 5.11
Keadaan Dalam Peti Sejuk Beku
Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Ihsan, Kuantan
Tarikh: 3 Ogos 2011

Gambar 5.12
Keadaan Mesin Pembuat Ais
Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kulliah, Pekan
Tarikh: 9 Ogos 2011

- Kebanyakan Kontraktor tidak menitikberatkan kebersihan di dalam peti sejuk kerana kerja pembersihan jarang dilakukan sehingga darah ikan/daging melekat di dalamnya. Selain itu, pihak Audit mendapati mesin pembuat ais juga tidak dibersihkan oleh Kontraktor. Ia akan menjelaskan tahap kebersihan bahan mentah yang disimpan dan kualiti makanan yang dimasak. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan semua SMA terlibat telah memantau dan mengambil tindakan segera.**

5.4.3.2. Lantai Tempat Memotong Ayam/Ikan Kotor

- a. Keadaan tempat memotong ayam/ikan adalah kurang memuaskan di Kulliah Pekan, SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan dan Maahad Jengka. Warna lantai tempat memotong ayam/ikan telah menjadi hitam kerana telah lama tidak dibersihkan. Kawasan tersebut juga dipenuhi lalat dan terdapat bau yang kurang menyenangkan seperti **Gambar 5.13** dan **Gambar 5.14**.

Gambar 5.13
Lantai Tempat Memotong
Ayam Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kulliah Pekan
Tarikh: 9 Ogos 2011

Gambar 5.14
Tempat Memotong Ayam/Ikan
Dipenuhi Lalat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

- b. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA telah membuat teguran ke atas Kontraktor berkaitan hal ini dan akan membuat pemantauan terhadap Kontraktor dalam mematuhi peraturan. JAIP mengarahkan Kontraktor menyediakan tempat yang sesuai untuk memotong ikan/ayam.**

5.4.3.3. Persekutaran Dewan Makan Yang Kotor

- a. Persekutaran dewan makan seperti longkang, kipas dan bawah singki di kebanyakan SMA tidak dijaga kebersihan, contohnya di SMA Pulau Tawar, Jerantut dan SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub didapati lantai dewan makan dipenuhi lalat dan sisa makanan pada waktu minum malam tidak dibersihkan. Akibat daripada keadaan yang kotor, Kulliah Pekan dan SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub telah diarahkan tutup sementara oleh Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing iaitu selama 14 hari pada bulan Februari 2010 bagi Kulliah Pekan dan 15 hari pada bulan Mac 2011 bagi SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub. Keadaan persekitaran yang dimaksudkan adalah seperti **Gambar 5.15** hingga **Gambar 5.20**.

Gambar 5.15



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub
Tarikh: 12 Julai 2011

Gambar 5.16



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Basirah,Kuala Tembeling
Tarikh: 20 Julai 2011

Gambar 5.17
Kipas Siling Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kulliah Pekan
Tarikh: 9 Ogos 2011

Gambar 5.18
Bawah Sinki Lama Tidak Dicuci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub
Tarikh: 12 Julai 2011

Gambar 5.19
Lantai Dewan Makan Kotor Dan Dipenuhi Lalat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Pulau Tawar, Jerantut
Tarikh: 18 Julai 2011

Gambar 5.20
Dewan Makan Tidak Dibersihkan Selepas Waktu Minum Malam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub
Tarikh: 12 Julai 2011

- b. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub telah memberi amaran secara bertulis kepada Kontraktor. Kontraktor bekalan makanan bermasak yang baru akan dilantik di SMA ini mulai Januari 2012. JAIP juga akan menyalurkan peruntukan pada tahun 2012 untuk menambah baik kemudahan dewan makan.**

5.4.3.4. Kontraktor Tidak Mengalih Atau Membuang Sisa Makanan Dengan Segera

- a. Sampah untuk hari sebelumnya tidak dilupuskan oleh Kontraktor dengan segera di SMA Chenor, Maran dan SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan. Sampah tersebut gagal dikutip oleh Kontraktor pada waktu yang ditetapkan menyebabkan kawasan sekitar berbau dan dipenuhi alat. Keadaan sisa makanan yang belum dilupuskan adalah seperti **Gambar 5.21** dan **Gambar 5.22**.

Gambar 5.21
Sisa Makanan Tidak Dibuang Pada Hari Yang Sama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Chenor, Maran
Tarikh: 19 September 2011

Gambar 5.22



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

- b. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA telah membuat teguran kepada Kontraktor.**

5.4.3.5. Gas Memasak Tidak Disimpan Di Stor

- a. Pemeriksaan Audit juga mendapati tong gas tidak disimpan di dalam stor yang ditetapkan. Kebanyakan tong gas diletakkan di kaki lima bahagian luar dapur seperti **Gambar 5.23** dan **Gambar 5.24**.

Gambar 5.23

Tong Gas Memasak Diletakkan Di Luar Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kulliah Pekan
Tarikh: 9 Ogos 2011

Gambar 5.24

Tong Gas Memasak Diletakkan Di Luar Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Al-Khairiah, Temerloh
Tarikh: 21 September 2011

- b. Bilik simpanan tong gas telah digunakan sebagai stor dan kegunaan lain menyebabkan tong gas memasak terpaksa diletakkan di luar atau di dapur. Hal ini boleh mengundang bahaya terhadap keselamatan pelajar dan pekerja. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA telah mengambil tindakan susulan dengan memastikan semua tong gas telah dimuatkan ke dalam stor khas penyimpanan tong gas yang telah disediakan.**

Pada pendapat Audit, keadaan persekitaran dapur dan dewan makan kurang memuaskan kerana kotor dan sampah yang lewat dibuang oleh Kontraktor. Selain itu, aspek keselamatan juga kurang memuaskan kerana terdapat tong gas memasak yang tidak disimpan di dalam stor yang mengundang bahaya kepada pelajar dan pekerja dapur.

5.4.4. Borang Pesanan Makanan

Borang Pesanan makanan ialah dokumen penting dalam penyediaan pesanan makanan bermasak oleh SMA kepada Kontraktor. Pesanan akan dibuat secara rasmi dengan menggunakan borang tersebut dan ia hendaklah dikemukakan dalam tempoh 48 jam sebelum tarikh, masa dan tempoh penyerahan dikehendaki. Kuantiti makanan yang diperlukan oleh SMA akan diisikan dalam borang iaitu bersamaan dengan bilangan pelajar yang akan makan pada hari tersebut. Di samping itu, Kontraktor turut bertanggungjawab untuk membekalkan kuantiti tambahan dengan harga yang sama ke mana-mana tempat yang dikehendaki pada masa yang ditetapkan oleh SMA. Borang tersebut juga digunakan sebagai dokumen sokongan yang penting untuk pembayaran kepada Kontraktor kerana ia mengesahkan kuantiti sebenar yang dibekalkan oleh Kontraktor. Semakan Audit mendapati:

- 5.4.4.1. Semua SMA ada menyediakan Borang Pesanan mengikut format yang terkandung dalam Kontrak. Dua buah SMA iaitu SMA Al-Basriah Kuala Tembeling, Jerantut dan Maahad Jengka juga telah mengambil inisiatif menyediakan Borang**

Pesanan berkarbon bagi mempercepatkan kerja pengurusan. Bagaimanapun, terdapat kes kelewatan menyediakan borang iaitu kurang 48 jam pada tahun 2009 melibatkan 7 buah SMA iaitu sebanyak 699 kes. Pada tahun 2010, kes kelewatan ini meningkat kepada 765 kes dan sehingga Oktober 2011 jumlah kelewatan adalah sebanyak 351 kes. Selain itu, tarikh pesanan tidak dicatat dalam Borang Pesanan iaitu sebanyak 738 kes, 602 kes dan 238 kes pada tahun 2009, 2010 dan sehingga Oktober 2011. Maklumat terperinci adalah seperti **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4

Jumlah Kes Borang Pesanan/Jadual 8 Disediakan Kurang 48 Jam Dan Tiada Tarikh Pesanan Bagi Tahun 2009 Hingga Oktober 2011

Bil.	Nama Sekolah	Disediakan Kurang 48 Jam			Tiada Tarikh Pesanan Dicatatkan		
		2009	2010	2011	2009	2010	2011
1.	Kulliah Pekan	114	93	51	118	0	0
2.	SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan	285	287	162	0	0	0
3.	SMA Al-Ihsan, Kuantan	0	0	7	280	280	186
4.	SMA Chenor, Maran	6	0	12	1	5	2
5.	SMA Al-Khairiah, Temerloh	195	88	0	0	0	0
6.	Maahad Jengka	0	0	0	73	269	1
7.	SMA Pulau Tawar, Jerantut	6	4	7	0	29	29
8.	SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub	88	46	4	0	0	0
9.	SMA Al-Basirah Kuala Tembeling, Jerantut	5	6	1	2	2	0
10.	SMA Al-Falah Batu Talam, Raub	0	241	107	264	17	20
Jumlah		699	765	351	738	602	238

Sumber: Sekolah Menengah Agama

5.4.4.2. Hasil daripada temu bual dengan Penyelia Asrama dan Pembantu Tadbir mendapati kegagalan SMA mematuhi syarat Kontrak ini adalah disebabkan kakitangan bertanggungjawab tidak mengetahui kepentingan penyediaan Borang Pesanan makanan/Jadual 8. Akibatnya, Kontraktor tidak mengetahui kuantiti sebenar makanan yang perlu dibekalkan kepada pelajar kerana SMA tidak menyediakan borang tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan SMA akan membuat tindakan pembetulan.**

Pada pendapat Audit, penyediaan Borang Pesanan kurang memuaskan kerana terdapat kes kelewatan penyediaan pesanan kurang 48 jam dan tiada tarikh pesanan dicatatkan dalam borang.

5.4.5. Pengurusan Pekerja

Fasal 33, syarat Kontrak menetapkan Kontraktor hendaklah memastikan semua pekerja jaya menjalani pemeriksaan kesihatan dengan Pegawai Perubatan sebelum dibenarkan bertugas dan surat perakuan doktor hendaklah diserahkan kepada pihak SMA untuk rekod dan

semakan. Pengurus dan semua pekerja juga wajib menghadiri Kursus Pengendalian Makanan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Kontrak bermula. Semakan Audit mendapati:

5.4.5.1. Salinan kad kesihatan pekerja, salinan perakuan doktor dan salinan sijil kursus tidak disimpan oleh pihak SMA tetapi ia disimpan oleh Kontraktor seperti di SMA Al-Khairiah, Temerloh, SMA Pulau Tawar, Jerantut dan SMA Al-Basirah Kuala Tembeling, Jerantut. Lima Kontraktor yang dilantik untuk SMA Tengku Ampuan Fatimah, Pekan, SMA Chenor, Maran, SMA Al-Khairiah, Temerloh, SMA Pulau Tawar, Jerantut dan SMA Al-Basirah Kuala Tembeling, Jerantut tidak menghantar pekerja menghadiri kursus pengendalian makanan yang dianjurkan oleh institusi atau syarikat yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

5.4.5.2. Pekerja dewan makan tidak menghadiri Kursus Pengendalian Makanan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam Kontrak disebabkan tiada pemantauan secara berkala dilakukan oleh pihak SMA mahupun pihak JAIP. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan semua Kontraktor telah diarahkan menghantar pekerja menghadiri Kursus Pengendalian Makanan dan SMA telah mewujudkan fail khas untuk menyimpan maklumat berkaitan pekerja dewan makan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pekerja dewan makan kurang memuaskan kerana terdapat pekerja yang tidak dihantar menghadiri kursus pengendalian makanan.

5.4.6. Pemantauan

Pengurusan bekalan makanan bermasak di asrama perlu dipantau oleh pihak pengurusan JAIP dan juga pihak SMA. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2001 juga melaporkan maklum balas daripada JAIP yang telah menubuhkan Unit Audit Dalam pada Januari 2002 yang berperanan membuat pemeriksaan bekalan makanan di semua SMA. Di peringkat SMA pula, Kontraktor hendaklah membenarkan 2 orang wakil SMA untuk merasa ataupun memakan makanan yang telah siap dimasak untuk menentukan kualiti masakan. Mereka hendaklah memastikan makanan tersebut adalah sama dengan apa yang disajikan untuk pelajar-pelajar. Semakan Audit mendapati:

5.4.6.1. Peringkat JAIP

Unit Audit Dalam masih belum ditubuhkan oleh JAIP bagi memantau prestasi bekalan bermasak ke asrama SMA. Bagaimanapun, JAIP menghendaki SMA mengemukakan Laporan Prestasi Kontraktor setiap tahun kepada JAIP bagi memantau prestasi Kontraktor. Laporan tersebut mengandungi perkara berkaitan penerimaan bahan mentah, sajian, pengurusan pekerja dan pengurusan kebersihan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati laporan tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenar di dewan makan. Contohnya, terdapat laporan yang menyatakan keadaan di dewan makan adalah bersih tetapi keadaan sebenar adalah sebaliknya. Perkara ini berlaku kerana pihak SMA tidak

membuat pemeriksaan mengejut dan berkala di dewan makan. Mereka juga tidak memahami pemberian skala kriteria pemarkahan yang terkandung dalam borang kerana tiada sebarang taklimat atau latihan diberi berhubung pengisian Laporan Prestasi Kontraktor oleh JAIP. Akibatnya, Laporan Prestasi Kontraktor tersebut tidak dapat digunakan oleh JAIP untuk mengambil tindakan ke atas Kontraktor yang bermasalah.

Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan Jawatankuasa akan ditubuhkan di JAIP untuk memantau pengurusan bekalan makanan bermasak yang anggotanya terdiri daripada pegawai Bahagian Pendidikan dan Bahagian Khidmat Pengurusan.

5.4.6.2. Peringkat SMA

- a. Pemeriksaan Audit mendapati kebanyakan SMA mengarahkan Penyelia Asrama/Warden untuk merasa makanan yang dihidangkan tetapi tiada rekod diselenggarakan. Selain itu, Jawatankuasa Pemantau yang dianggotai oleh Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Guru Penolong Kanan Kurikulum, Warden Asrama dan Pembantu Tadbir baru sahaja ditubuhkan di sebuah SMA iaitu di SMA Pulau Tawar, Jerantut untuk memeriksa bahan bekalan bermasak. Kebanyakan SMA tidak dapat melaksanakan pemeriksaan secara berkala kerana masalah perjawatan dan latihan. Sebagai contoh di SMA Al-Ulum Addiniyyah Dong, Raub jawatan Pengelola Makanan tidak diisi sejak pegawai berkenaan bertukar.
- b. Kebanyakan asrama SMA juga mempunyai Exco Makanan daripada kalangan pelajar yang bertanggungjawab mengambil aduan para pelajar dan diselenggara dalam buku aduan. Antara aduan yang sering dibangkitkan ialah berkenaan kebersihan dewan makan dan makanan yang dihidangkan, menu hidangan tidak lengkap serta sikap pekerja. Bagaimanapun, aduan mereka tidak diambil tindakan oleh pihak SMA. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 22 Disember 2011 menjelaskan Senarai Tugas ada disediakan oleh JAIP untuk Penyelia Asrama dalam Buku Panduan Pengurusan SMA Kerajaan Negeri Pahang dan telah mengarahkan semua SMA untuk menggunakan pakai Senarai Tugas tersebut bagi memastikan keseragaman tugas. SMA juga akan mengambil tindakan berhubung aduan daripada pelajar dan memastikan pemantauan akan dijalankan.**

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan makanan bermasak oleh JAIP dan SMA adalah kurang memuaskan.

5.4.7. Analisis Kepuasan Pengetua, Penyelia Asrama/Warden Dan Pelajar

Pihak Audit telah mengedar borang soal selidik kepada Pengetua, Penyelia Asrama/ Warden dan Pelajar bagi mendapat maklum balas mengenai pengurusan bekalan makanan bermasak ke asrama SMA yang dilaksanakan oleh Kontraktor terpilih. Borang-borang tersebut telah diedarkan kepada 10 Pengetua, 67 Penyelia Asrama/Warden dan 390 pelajar.

ia merangkumi 3 perkara utama iaitu Kualiti Dan Kuantiti Makanan, Persekutaran Dan Keadaan Dewan Makan serta Peralatan Makanan. Analisis daripada soal selidik mendapati perkara seperti berikut:

5.4.7.1. Kualiti dan Kuantiti Makanan

Analisis daripada soal selidik tersebut mendapati 8 Pengetua dan 45 Penyelia Asrama/Warden berpendapat makanan yang disediakan adalah mengikut jadual atau menu yang ditetapkan oleh JAIP. Manakala, 188 daripada 390 pelajar pula menyatakan makanan yang disediakan tidak mengikut menu yang ditetapkan. Selain itu, 8 Pengetua dan 44 Penyelia Asrama/Warden berpendapat makanan yang disediakan adalah bersih. Manakala 259 pelajar berpendapat makanan yang disediakan tidak bersih dan 213 pelajar pula berpendapat kuantiti makanan yang disediakan tidak mencukupi. Maklumat terperinci seperti **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5

Maklum Balas Pengetua, Penyelia Asrama/Warden Dan Pelajar Terhadap Kualiti Dan Kuantiti Makanan Di Dewan Makan Asrama

Responden	Bil.	A			B			C		
		Ya	Tidak	Tiada Maklum Balas	Ya	Tidak	Tiada Maklum Balas	Ya	Tidak	Tiada Maklum Balas
Pengetua	10	8	2	-	7	2	1	8	2	-
Penyelia Asrama/Warden	67	45	22	-	37	30	-	44	23	-
Pelajar	390	202	188	-	169	213	8	126	259	5

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: A: Makanan Yang Disediakan Mengikut Jadual/Menu Yang Ditetapkan

B: Makanan Yang Disediakan Mencukupi Atau Tidak

C: Adakah Makanan Yang Disediakan/Dihidangkan Bersih

5.4.7.2. Persekutaran Dan Keadaan Dewan Makan

Analisis daripada soal selidik yang diedarkan mendapati 8 daripada 10 pengetua dan 41 daripada 67 Penyelia Asrama/Warden berpendapat dewan makan adalah bersih. Manakala 244 daripada 390 pelajar menyatakan dewan makan adalah kurang bersih. Selain itu, 4 pengetua dan 21 Penyelia Asrama/Warden berpendapat kemudahan yang disediakan di dewan makan seperti sinki untuk membasuh tangan, sabun pencuci tangan, tong sampah, kerusi dan meja adalah baik. Maklum balas daripada 224 pelajar pula berpendapat kemudahan yang disediakan adalah sempurna. Maklumat terperinci seperti **Jadual 5.6** dan **Jadual 5.7**.

Jadual 5.6
Maklum Balas Pengetua Dan Penyelia Asrama /Warden Terhadap Persekitaran Serta Keadaan Di Dewan Makan

Responden	Bil.	A			B		
		Kurang Bersih	Bersih	Sangat Bersih	Baik	Memuaskan	Tidak Memuaskan
Pengetua	10	2	8	0	4	4	2
Penyelia Asrama/ Warden	67	26	41	0	21	25	21

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: A: Kebersihan Dewan Makan

B: Kemudahan Di Dewan Makan Disediakan Dengan Sempurna

Jadual 5.7

Maklum Balas Pelajar Terhadap Persekitaran Dan Keadaan Di Dewan Makan

Responden	Bil.	A			B			C		
		Kurang Bersih	Bersih	Tiada Maklum Balas	Ya	Tidak	Tiada Maklum Balas	Bersih	Tidak Bersih	Tiada Maklum Balas
Pelajar	390	244	142	4	224	161	5	272	106	12

Sumber: Borang Kaji Selidik Jabatan Audit Negara

Nota: A: Kebersihan Dewan Makan

B: Kemudahan Di Dewan Makan Disediakan Dengan Sempurna

C: Kebersihan Diri Pengendali Makanan/Pekerja

5.4.7.3. Peralatan Makanan

Soal selidik terhadap kelengkapan makanan turut diedarkan kepada pelajar kerana mereka menggunakan kelengkapan seperti *tray* makanan, pinggan, sudu dan gelas/cawan. Maklum balas yang diterima mendapat 233 daripada 390 pelajar berpendapat kelengkapan peralatan makanan adalah tidak mencukupi. Selain itu 217 pelajar berpendapat kelengkapan peralatan makanan yang disediakan adalah bersih.

Pada pendapat Audit berdasarkan kepada borang soal selidik yang diedarkan kepada Pengetua, Penyelia Asrama/Warden dan pelajar mendapati Pengetua dan Penyelia Asrama/Warden memberi maklum balas yang memuaskan berhubung kualiti dan kuantiti makanan, persekitaran dan keadaan dewan makan serta peralatan makanan. Manakala pelajar pula memberi maklum balas yang kurang memuaskan. Perkara ini berlaku kerana pelajar lebih mengetahui keadaan sebenar di dewan makan.

5.5 SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan mempertingkat pengurusan bekalan makanan bermasak di asrama SMA, adalah disyorkan supaya JAIP dan SMA mengambil tindakan berikut:

5.5.1. Pihak JAIP perlu menyediakan garis panduan atau tatacara bagi memperkemas dan mempertingkat kecekapan dan keberkesanan pengurusan pembekalan, penyediaan bahan mentah dan bermasak serta menerima pakai Panduan Pelaksanaan Kontrak Bekalan

Bermasak Di Sekolah-Sekolah Berasrama mengikut Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pelajaran Bil. 2 Tahun 1994.

5.5.2. Membuat penambahbaikan terhadap syarat Kontrak yang disediakan oleh JAIP dengan memasukkan secara terperinci spesifikasi bahan bekalan yang dibekalkan oleh Kontraktor.

5.5.3. Mengadakan latihan dan taklimat kepada Penyelia Asrama/Pengelola Makanan SMA berkenaan pengurusan makanan bermasak supaya mereka lebih memahami syarat Kontrak.

5.5.4. Pihak SMA perlu mengadakan pemantauan secara harian dan mengambil tindakan tegas terhadap Kontraktor yang tidak mematuhi syarat-syarat Kontrak.

5.5.5. Pihak JAIP perlu mengadakan kerjasama dengan agensi penguatkuasa seperti Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan pemeriksaan premis, kesihatan pekerja, peralatan dan perkakasan dewan makan serta kualiti makanan secara berkala terhadap SMA tersebut.

JABATAN PERTANIAN

6. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI AGRO PELANCONGAN TAMAN PERTANIAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH KUANTAN

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan (Taman Pertanian) mula dibangunkan secara berperingkat sejak tahun 1987. Taman Pertanian ini adalah sebuah taman *Agro-forestry* yang mengadunkan pelbagai aktiviti pertanian dengan keindahan alam semula jadi. Taman Pertanian ini juga merupakan destinasi agro pelancongan yang unik dan tarikan pelancong bagi menikmati keindahan alam semula jadi serta menjadikan ia sebagai pusat di mana tersimpan pelbagai tanaman ekonomik dan berpotensi yang terdapat di seluruh negara. Selain itu, kedudukannya yang amat strategik iaitu terletak 7 kilometer dari bandar Kuantan memudahkan semua lapisan masyarakat berkunjung untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dalam bidang pertanian. Keseluruhan keluasan Taman Pertanian adalah 504.4 hektar yang terdiri daripada 2 fasa. Fasa 1 seluas 104.4 hektar dan fasa 2 seluas 400 hektar. Perbelanjaan bagi membangunkan Taman ini sejak penubuhannya iaitu dari tahun 1987 hingga akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM22.76 juta.

6.1.2. Objektif Program Pembangunan Industri Agro Pelancongan Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan (Program) adalah untuk dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian Negeri Pahang. Program di Taman Pertanian dilaksanakan secara bersepadu seperti tanaman, ternakan, ternakair dan aktiviti rekreasi. Program ini akan menjadikan Taman Pertanian sebagai pusat rujukan, bahan pembelajaran dan kajian para pelajar, penyelidik, usahawan dan organisasi kerajaan atau bukan kerajaan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan kepada aktiviti Program bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Jabatan) dan Taman Pertanian. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data yang berkaitan dengan peruntukan yang diluluskan. Selain melakukan penyemakan dokumen, temu bual dengan pegawai dan mengadakan lawatan ke Taman Pertanian,

analisis juga dilakukan terhadap laporan-laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan dan mengedarkan soal selidik kepada pengunjung taman.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya Program ini adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi Program masih belum mencapai objektif sepenuhnya walaupun telah mula dilaksanakan pada tahun 1987.
- Sebanyak 7 daripada 15 projek berjaya dilaksanakan, manakala 4 projek tidak berjaya dilaksanakan. Selain itu, 3 projek lagi tidak dilaksanakan dan satu projek iaitu Pusat Latihan Pertanian telah diserahkan kepada Yayasan Pahang pada tahun 1993 untuk dijadikan pusat pengajian.
- Tiada kaedah pemantauan bagi memantau pelaksanaan pembangunan projek dan kerja-kerja penyenggaraan juga menjelaskan pembangunan Program.

6.4.1. Prestasi Program

6.4.1.1. Bagi memastikan objektif Program tercapai, pembangunan taman dibahagikan kepada 2 fasa iaitu fasa 1 seluas 104.4 hektar dan fasa 2 seluas 400 hektar. Pembangunan fasa 1 mula dilaksanakan pada tahun 1987 dan sebanyak 15 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Manakala fasa 2 belum lagi dilaksanakan sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Pembangunan fasa 2 sepatutnya dibangunkan pada tahun 1996 tetapi masih tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang berikutan kegawatan ekonomi dan tiada peruntukan. Semakan Audit terhadap Program mendapati komponen projek yang dirancang di fasa 1 tidak berjaya sepenuhnya dan ada antaranya tidak dilaksanakan seperti **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Senarai Projek Fasa 1 Di Taman Pertanian

Bil.	Projek	Tahap Pelaksanaan
1.	Dusun Buah-buahan	Berjaya
2.	Arboretum	Berjaya
3.	Pusat Rekreasi	Berjaya
4.	Muzium Peralatan Pertanian	Berjaya
5.	Hutan Lipur	Berjaya
6.	Kawasan Ekspo	Berjaya
7.	Rumah Tradisional	Berjaya
8.	Kultura Kebunan & Taman Orkid	Tidak Berjaya
9.	Taman Rama-rama	Tidak Berjaya
10.	Restoran	Tidak Berjaya
11.	Taman Hidupan Liar	Tidak Berjaya
12.	Ladang Ternak Rusa	Tidak Dilaksana
13.	Taman Burung	Tidak Dilaksana
14.	Taman Buaya	Tidak Dilaksana
15.	Pusat Latihan Pertanian	Diserahkan Kepada Yayasan Pahang

Sumber: Jabatan Pertanian

6.4.1.2. Pihak Audit juga telah menjalankan pengauditan secara menyeluruh terhadap pembangunan projek di fasa 1 dan mendapati perkara seperti berikut:

a. Dusun Buah-buahan

Dusun buah-buahan dibangunkan pada tahun 1986 dan ia merupakan komponen utama Program ini bagi memastikan tarikan pelancong sepanjang masa ke Taman Pertanian. Seluas 90 ekar telah diperuntukkan dengan perbelanjaan berjumlah RM300,000 bagi membangunkan kawasan dusun. Dusun ini ditanam dengan 4,430 pokok buah-buahan pelbagai jenis termasuk 2,160 pokok durian. Tanaman yang ditanam terbahagi kepada tanaman buah-buahan bermusim seperti durian, manggis, dan rambutan dan tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti ciku, kelapa dan belimbing. Semakan Audit terhadap rekod hasil jualan buah-buahan pada tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM73,302. Lawatan Audit ke dusun buah-buahan mendapati kawasan dusun adalah memuaskan kerana kerja penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut perancangan seperti **Gambar 6.1**.



Gambar 6.1
Dusun Disenggara Dengan
Memuaskan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak
Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 5 Oktober 2011

b. Kawasan Aboretum

Kawasan aboretum diwujudkan untuk dijadikan pusat koleksi spesis pokok yang semakin pupus seperti pokok petai, jering dan kuning telur serta kayu arang. Ia juga bertujuan bagi memulihara kewujudannya dan dijadikan sebagai bahan rujukan untuk generasi akan datang. Kawasan aboretum ini mula dibangunkan pada tahun 1987 dan mempunyai keluasan 21 ekar. Perbelanjaan bagi pembangunan kawasan ini adalah berjumlah RM50,000. Pihak Taman Pertanian merancang jadual kerja penyenggaraan secara berkala sebanyak 6 kali setahun pada tahun 2011 dan telah melaksanakannya mengikut perancangan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke kawasan aboretum mendapati penyenggaraan kawasan adalah tidak memuaskan seperti laluan tangga dan trek ditumbuh dengan lumut dan tidak dibersihkan. Keadaan ini disebabkan tiada pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang dijalankan mengakibatkan pemuliharaan kawasan aboretum terjejas dan mencacatkan pemandangan. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan tindakan penyenggaraan secara bersepadu telah diambil pada pertengahan Februari 2012 terhadap kawasan aboretum selepas teguran Audit. Selain itu, pemantauan terhadap kerja penyenggaraan akan dijalankan bagi memastikan ia berterusan mengikut jadual.** Keadaan kawasan aboretum sebelum dan selepas mendapat teguran Audit adalah seperti **Gambar 6.2** hingga **Gambar 6.5**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 5 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 14 Februari 2012

Gambar 6.4
Trek Di Kawasan Aboretum
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 6.5
Trek Di Kawasan Aboretum
Yang Telah Disenggara



Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 14 Februari 2012

c. Pusat Rekreasi

Pihak Taman Pertanian juga telah menyediakan kawasan pusat rekreasi untuk kemudahan pengunjung menjalankan aktiviti beriadah di Taman Pertanian. Pelbagai kemudahan ada disediakan untuk pengunjung seperti taman permainan kanak-kanak, tasik/kolam buatan dan restoran. Kawasan pusat rekreasi ini telah dibangunkan dengan keluasan 10.2 ekar dan perbelanjaan berjumlah RM250,000. Lawatan Audit ke kawasan kemudahan yang telah disediakan di pusat rekreasi mendapati perkara seperti berikut:

i. Taman Permainan Kanak-Kanak

Taman permainan kanak-kanak yang mempunyai keluasan 0.31 ekar dengan perbelanjaan pembangunannya berjumlah RM50,000 mula dibuka kepada pengunjung pada tahun 1996. Taman permainan ini dilengkapi dengan peralatan permainan seperti papan gelongsor, buaian dan jongkang jongkit untuk kemudahan pengunjung Taman Pertanian. Pihak Taman Pertanian juga merancang jadual kerja penyenggaraan secara berkala sebanyak 12 kali setahun melibatkan kerja-kerja seperti memotong rumput dan mencantas dahan pokok. Semakan Audit terhadap jadual kerja penyenggaraan kawasan taman permainan mendapati sasaran kerja penyenggaraan pada tahun 2011 tidak tercapai iaitu hanya sebanyak 9 kali sahaja. Lawatan Audit ke kawasan taman permainan kanak-kanak mendapati keadaan kawasan adalah tidak memuaskan. Akibatnya, ia boleh membahayakan pengunjung dan menjelaskan pemandangan. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan tindakan penyenggaraan telah diambil pada pertengahan Februari 2012 terhadap kawasan tersebut.** Keadaan taman permainan sebelum dan selepas mendapat teguran Audit adalah seperti **Gambar 6.6** dan **Gambar 6.7**.

Gambar 6.6
Taman Permainan
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 28 Disember 2011

Gambar 6.7
Taman Permainan Yang
Telah Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 14 Februari 2012

ii. Tasik/Kolam

- Pihak Taman Pertanian telah membangunkan kawasan seluas 9.9 ekar untuk dijadikan sebuah tasik dan 6 buah kolam buatan. Perbelanjaan bagi projek ini adalah berjumlah RM200,000 dan ia mula dibuka kepada pengunjung pada tahun 1987. Tujuan pembinaan tasik/kolam ini adalah untuk aktiviti rekreasi seperti bersampang dan memancing. Semakan Audit terhadap jadual kerja penyenggaraan tasik/kolam mendapati sasaran kerja penyenggaraan pada tahun 2011 telah dilaksanakan mengikut perancangan iaitu 4 kali setahun. Bagaimanapun, lawatan Audit pada akhir September 2011 ke Taman Pertanian mendapati keadaan tasik/kolam adalah kurang memuaskan. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan bahawa tasik/kolam tersebut telah tercemar disebabkan pembangunan kampus Universiti Islam Antarabangsa Cawangan Pahang yang terletak kira-kira 500 meter dari tasik/kolam tersebut mengakibatkan aktiviti rekreasi dan memancing tidak dapat dijalankan.** Keadaan tasik/kolam adalah seperti **Gambar 6.8**.



Gambar 6.8
Kolam Yang Tidak Dibersihkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011

- Selain itu, pihak Audit juga mendapati kemudahan di kawasan tasik/kolam seperti jeti dan jambatan kayu telah rosak serta tidak dibaiki. Keadaan ini disebabkan kurang pemantauan terhadap kerja-kerja penyenggaraan. Akibatnya, keselamatan pengunjung tidak terjamin dan mencacatkan pemandangan di Taman Pertanian. Keadaan kemudahan yang disediakan di kawasan tasik/kolam adalah seperti **Gambar 6.9**. Bagaimanapun, selepas teguran Audit tindakan penyenggaraan telah diambil terhadap kawasan dan kemudahan di tasik/kolam seperti **Gambar 6.10**.

Gambar 6.9
Jeti Dan Jambatan Kayu Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011



Gambar 6.10
Jambatan Kayu Telah Diganti Dengan Jambatan Culvert

Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 23 Mac 2012

iii. Restoran

Pihak Taman Pertanian telah membina restoran pada tahun 1987 dengan perbelanjaan berjumlah RM50,000 dan mempunyai keluasan keseluruhan 90.58 meter persegi. Ia dibina untuk kemudahan pengunjung semasa melawat ke Taman Pertanian. Lawatan Audit ke kawasan restoran mendapati keadaan restoran adalah kurang memuaskan kerana ia tidak digunakan dan terbiar. Pihak Audit dimaklumkan bahawa restoran berkenaan tidak digunakan sejak tahun 2009 kerana tidak mendapat sambutan daripada pengunjung dan kedudukannya yang tidak

strategik hingga mengakibatkan berlaku pembaziran. Keadaan restoran yang tidak digunakan sejak tahun 2009 adalah kurang memuaskan seperti **Gambar 6.11**. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012** menjelaskan bahawa restoran yang dibina hanya dianggap sebagai kantin untuk kemudahan pekerja dan pengunjung serta tindakan penyenggaraan telah diambil pada pertengahan Mac 2012. Selain itu, pihak Taman Pertanian sedang berusaha untuk mendapatkan pengusaha yang baru dan menghebahkan kepada orang ramai tentang kemudahan yang disediakan.

Gambar 6.11
Restoran Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan

Tarikh: 29 September 2011

d. Hutan Lipur

- i. Pihak Taman Pertanian telah memperuntukkan seluas 69.19 ekar untuk dijadikan kawasan hutan lipur. Hutan lipur ini sesuai dikunjungi oleh pengunjung pelbagai peringkat umur sebagai tempat beristirahat dan menikmati kehijauan hutan hujan tropika serta flora dan fauna. Pihak Taman Pertanian telah menyediakan kemudahan seperti *jungle track*, pondok rehat dan kawasan perkhemahan untuk para pengunjung. Lawatan Audit mendapati *jungle track* dan pondok rehat tidak disenggarakan dengan memuaskan. Keadaan ini disebabkan kurang pemantauan terhadap kerja penyenggaraan. Perkara ini boleh membahayakan keselamatan para pengunjung dan mencacatkan pemandangan. Keadaan kawasan hutan lipur sebelum dan selepas disenggarakan setelah mendapat teguran Audit adalah seperti **Gambar 6.12** dan **Gambar 6.13**.

Gambar 6.12
Pokok Tumbang Yang Dibiarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011

Gambar 6.13
Kawasan Hutan Lipur Disenggara Dan Pondok Rehat Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 15 Mac 2012

- ii. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke kawasan perkhemahan hutan lipur yang berkeluasan 10 ekar dengan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM50,000. Kawasan perkhemahan mula beroperasi pada tahun 1987 dan mempunyai 3 kem iaitu kem chengal, meranti dan merbau. Kem yang disediakan boleh menampung 500 peserta dengan kadar sewa seorang adalah RM5 bagi dewasa dan RM2.50 bagi kanak-kanak untuk satu malam. Kemudahan lain yang disediakan adalah seperti surau, dewan kuliah, dewan makan, tandas, *jungle track* dan *flying fox*. Lawatan Audit mendapati kawasan perkhemahan adalah kurang memuaskan kerana terdapat khemah, kabin, papan tanda dan petunjuk arah yang telah rosak. Keadaan ini disebabkan kurang pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang dijalankan. Kesan daripada ini akan membahayakan keselamatan dan mengurangkan bilangan pengunjung. Keadaan kawasan perkhemahan sebelum dan selepas disenggara adalah seperti **Gambar 6.14** hingga **Gambar 6.18**.

Gambar 6.14
Khemah Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 6.15
Khemah Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 15 Mac 2012

Gambar 6.16
Papan Tanda Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011

Gambar 6.17
Papan Tanda Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 15 Mac 2012



Gambar 6.18
Atap Kabin Yang Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 5 Oktober 2011

e. Kawasan Ekspo

Pihak Taman Pertanian telah membangunkan kawasan ekspo dengan keluasan 12 ekar dengan perbelanjaan berjumlah RM1 juta. Kemudahan yang disediakan di kawasan ekspo adalah tapak ekspo, taman ikan, muzium peralatan pertanian, Dewan Palma dan calet. Hasil lawatan Audit ke tempat kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

i. Tapak Ekspo

Pada tahun 1989, pihak Taman Pertanian telah membangunkan tapak ekspo untuk dijadikan kawasan pameran dan sewaan tapak seperti majlis perkahwinan, hari keluarga dan sukaneka serta gerai jualan. Selain itu, tapak ini juga digunakan untuk pesta buah-buahan dan Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri. Lawatan Audit ke tapak ekspo mendapati kawasannya adalah memuaskan.


ii. Muzium Peralatan Pertanian

Pihak Taman Pertanian telah membina sebuah muzium peralatan pertanian yang berkeluasan 445.9 meter persegi pada tahun 1995. Ia dijadikan tempat menambah ilmu pengetahuan dan sumber rujukan mengenai peralatan pertanian seperti peralatan membajak, peralatan menuai padi dan jentera pertanian tanpa mengenakan sebarang bayaran kepada pengunjung. Lawatan Audit ke muzium berkenaan mendapati pengurusan muzium adalah memuaskan kerana peralatan yang dipamerkan berada dalam keadaan baik.

iii. Taman Ikan

Taman ikan dibina pada tahun 1989 dan mempunyai keluasan bangunan 743.2 meter persegi dengan perbelanjaan berjumlah RM50,000. Taman ini dibuka kepada pengunjung tanpa sebarang bayaran. Pada bulan Mei 2011, pihak Taman Pertanian bekerjasama dengan Jabatan Perikanan Negeri Pahang untuk menggunakan taman ini sebagai tempat pameran Mini MAHA. Lawatan Audit ke taman ikan di kawasan ekspo mendapati keadaan bangunan dan peralatan pameran yang disediakan adalah tidak memuaskan kerana tidak dijaga dan terbiar. Pihak Audit dimaklumkan taman ikan terbiar selepas pameran Mini MAHA pada tahun 2011 diadakan. Keadaan ini disebabkan tiada pegawai yang berkemahiran dalam bidang penjagaan ikan dan mengakibatkan pembaziran serta mencacatkan pemandangan. Keadaan bangunan dan peralatan pameran yang tidak digunakan serta terbiar adalah seperti **Gambar 6.19** dan **Gambar 6.20**. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012** memaklumkan akan membuat cadangan kepada Jabatan Perikanan Negeri Pahang bagi mendapatkan ikan untuk ditempatkan di taman ikan tersebut. Selain itu, tindakan telah diambil pada pertengahan Mac 2012 dengan menukar cermin bangunan yang retak.

Gambar 6.19
Cermin Bangunan Yang Retak Di Taman Ikan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan

Tarikh: 29 September 2011

Gambar 6.20
Akuarium Yang Tidak Digunakan Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan

Tarikh: 29 September 2011

iv. Dewan Palma

Pembinaan Dewan Palma adalah bersempena Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri pada tahun 1992. Ia digunakan sebagai tempat bagi pertandingan hasil pertanian. Dewan ini mempunyai keluasan 223 meter persegi dengan perbelanjaan berjumlah RM30,000. Pihak Audit mendapati dewan tersebut disewakan kepada individu atau organisasi untuk dijadikan tempat seminar, kursus atau program motivasi. Dewan tersebut boleh menampung seramai 200 peserta dengan kadar sewa RM250 sehari. Pada tahun 2009 hingga 2011, dewan ini telah digunakan sebanyak 11 kali dengan pungutan hasil berjumlah RM2,750. Lawatan Audit mendapati keadaan dewan ini adalah memuaskan.

v. Calet

Calet di Taman Pertanian dibina pada tahun 1992 dengan keluasan 185.8 meter persegi dan mempunyai 3 bilik dengan perbelanjaan pembinaan berjumlah RM35,000. Calet ini disediakan sebagai tempat penginapan kepada pengunjung semasa Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri, seminar, majlis perkahwinan atau hari keluarga dengan kadar sewa RM60 sehari bagi sebuah calet. Lawatan Audit mendapati calet yang disediakan berada dalam keadaan baik.


f. Rumah Tradisional

- i. Rumah tradisional dibina pada tahun 1985 berkeluasan 2.27 ekar dengan perbelanjaan berjumlah RM150,000. Tujuan pembinaan rumah tradisional ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai rupa bentuk rumah tradisional Negeri Pahang. Reka bentuk rumah tradisional ini dilengkapi peralatan yang melambangkan tradisi keluarga petani seperti lesong kaki, lukah

ikan dan pengangin padi. Lawatan Audit mendapati keadaan rumah tradisional adalah baik.

- ii. Pihak Taman Pertanian juga telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan rumah cendawan di sekitar kawasan rumah tradisional tersebut. Projek rumah cendawan ini berkeluasan 55.7 meter persegi dan dijalankan sejak tahun 1996 dengan perbelanjaan berjumlah RM20,000. Lawatan Audit mendapati keadaan projek adalah tidak memuaskan. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan projek ini tidak beroperasi sejak pertengahan tahun 2011 disebabkan masalah peruntukan dan bekalan benih.** Keadaan ini mengakibatkan pembaziran dan mencacatkan pemandangan di sekitar kawasan rumah tradisional seperti **Gambar 6.21**.

Gambar 6.21
Rumah Cendawan Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan

Tarikh: 5 Oktober 2011

- iii. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan tindakan penyenggaraan telah diambil pada pertengahan Mac 2012 selepas teguran Audit terhadap kawasan rumah cendawan seperti Gambar 6.22.**



Gambar 6.22
Rumah Cendawan Yang Telah Disenggarakan

Sumber: Jabatan Pertanian

Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan

Haji Ahmad Shah Kuantan

Tarikh: 15 Mac 2012

g. Taman Anggur Dan Tapak Semaian Sayur

Taman anggur dan tapak semaian sayur mula beroperasi pada tahun 1998 selepas kegagalan projek kultura kebunan dan taman orkid yang diusahakan pada tahun 1989. Kawasan ini mempunyai 3 buah tapak dengan keluasan keseluruhan 361.2 meter persegi dan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM150,000. Lawatan Audit mendapati kawasan berkenaan adalah tidak memuaskan disebabkan kurang pemantauan terhadap kerja penyenggaraan dan gangguan haiwan. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan bahawa tindakan penyenggaraan telah diambil pada pertengahan Mac 2012 terhadap kawasan taman anggur dan tapak semaian sayur dengan memasang jaring bagi mengawal gangguan haiwan.** Keadaan taman anggur dan tapak semaian sayur sebelum dan selepas disenggara adalah seperti **Gambar 6.23** hingga **Gambar 6.26**.

**Gambar 6.23
Taman Anggur Tidak
Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011

**Gambar 6.25
Tapak Semaian Sayur
Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011

**Gambar 6.24
Taman Anggur Yang
Telah Disenggara**



Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 15 Mac 2012

**Gambar 6.26
Tapak Semaian Sayur Yang
Telah Disenggara**



Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 15 Mac 2012

h. Galeri Helicornia

Galeri Helicornia diusahakan bagi menggantikan taman rama-rama yang telah gagal pada tahun 1996. Galeri ini mula dibuka kepada pengunjung pada bulan Mei 2011 sempena Mini MAHA dan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM10,000. Galeri ini ditanam dengan 17 spesis bunga helicornia seperti Helicornia Rosestrata, Helicornia Multisiana dan Helicornia Lady Diana serta dilengkapi dengan landskap yang menarik. Lawatan Audit mendapati pengurusan galeri adalah memuaskan.

i. Taman Hidupan Liar

Taman hidupan liar terletak di dalam kawasan hutan lipur dan mula beroperasi pada tahun 1989 dengan haiwan liar seperti pelanduk, napoh dan rusa. Pihak Audit dimaklumkan bahawa taman ini tidak lagi beroperasi sejak tahun 1992 disebabkan masalah bekalan makanan dan penyenggaraan serta tiada kepakaran dalam penjagaan ternakan. Akibatnya, pembangunan taman ini tidak dapat diteruskan dan tidak berjaya. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan bahawa pihaknya sedang merancang untuk menggantikan dengan aktiviti lain yang lebih sesuai.**

6.4.1.3. Selain itu, bagi memantapkan Program, pihak Taman Pertanian telah mengambil langkah dengan menambah beberapa projek seperti berikut:

a. Taman Burung Unta

Taman burung unta yang berkeluasan 557.4 meter persegi telah beroperasi pada tahun 2002. Perbelanjaan bagi pembinaan taman ini adalah berjumlah RM10,000 termasuk pembelian 4 ekor burung unta. Lawatan Audit mendapati kawasan taman adalah tidak memuaskan. Pihak Audit dimaklumkan taman burung unta tidak beroperasi sejak pertengahan tahun 2011 kerana burung unta telah berusia dan mengalami masalah kesihatan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Taman Pertanian telah menyerahkan burung tersebut kepada Jabatan Veterinar untuk pemulihan.

Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan kerja penyenggaraan telah dilaksanakan pada pertengahan Mac 2012 di kawasan taman burung unta. Selain itu, pihak Taman Pertanian sedang mencari individu berminat untuk melaksanakan semula aktiviti di taman tersebut.

Kawasan taman burung unta yang terbiar dan ditumbuhki semak samun seperti **Gambar 6.27.**

Gambar 6.27
Kawasan Taman Burung Unta Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 5 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 5 Oktober 2011

b. Tanaman Herba

Tanaman herba mula beroperasi pada tahun 1999 dengan tanaman seperti serai wangi, halia, misai kucing dan kacip fatimah. Pihak Taman Pertanian telah memperuntukkan kawasan seluas 510.9 meter persegi untuk tanaman ini dengan perbelanjaan berjumlah RM10,000. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan bahawa kawasan ini telah terbiar sejak tahun 2010. Selain itu, pihak Taman Pertanian menjelaskan pada asalnya, tanaman herba ini merupakan usahasama dengan Universiti Putra Malaysia untuk dijadikan pusat penyelidikan. Bagaimanapun, ia tidak berjaya dan digantikan dengan tanaman pokok durian.**

c. Taman Bunga Bertingkat

Pada tahun 1999, pihak Taman Pertanian telah bekerjasama dengan pihak luar untuk membangunkan taman bunga bertingkat yang berkeluasan 1,337.8 meter persegi. Ia merupakan sebahagian dari kawasan Aboretum. Pada awalnya, taman ini ditanam dengan 350 jenis bunga plumeria/bunga kemboja dan kos perbelanjaan berjumlah RM50,000. Lawatan Audit mendapati keadaan taman ini tidak memuaskan kerana ditumbuhinya semak samun dan terbiar. Pihak Audit dimaklumkan taman ini telah terbiar sejak tahun 2006 disebabkan tidak mendapat sambutan daripada pembeli. Akibatnya, berlaku pembaziran dan mencacatkan pemandangan Taman Pertanian. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012 memaklumkan kerja penyenggaraan taman bunga bertingkat telah dilaksanakan pada Mac 2012. Selain itu, pihak Taman Pertanian juga bercadang untuk menanam dengan pelbagai jenis bunga di kawasan ini.** Keadaan taman bunga bertingkat yang terbiar dan selepas disenggara adalah seperti **Gambar 6.28** dan **Gambar 6.29**.

Gambar 6.28
Taman Bunga Bertingkat
Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 29 September 2011

Gambar 6.29
Taman Bunga Bertingkat
Telah Disenggara



Sumber: Jabatan Pertanian
Lokasi: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan
Tarikh: 15 Mac 2012

Pada pendapat Audit, prestasi Program adalah kurang memuaskan kerana komponen projek yang dirancang di fasa 1 tidak berjaya sepenuhnya dan ada di antaranya tidak dilaksanakan. Selain itu, projek tambahan yang dilaksanakan tidak mencapai matlamat seperti yang dirancang, manakala pembangunan di fasa 2 masih belum dimulakan.

6.4.2. Prestasi Kedatangan Pengunjung

6.4.2.1. Bagi mengukur keberkesanan kedatangan pengunjung ke Taman Pertanian, pihak Audit telah membuat semakan terhadap Buku Daftar Pengunjung. Pada tahun 2009 hingga 2011, pihak Audit mendapati prestasi kedatangan pengunjung adalah memuaskan kerana bilangan pengunjung yang bertambah pada setiap tahun seperti **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2

Prestasi Bilangan Pengunjung Di Taman Pertanian Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Bilangan Pengunjung		
		2009	2010	2011
1.	Peserta Perkhemahan			
	- Sekolah	10,040	8,250	7,416
2.	Pelawat Hari Keluarga			
	- Agensi Kerajaan	600	500	500
	- Agensi Swasta	1,350	100	200
3.	Lawatan Rasmi Berkumpulan			
	- Sekolah	1,920	1,993	2,403
	- IPTA/IPTS	240	100	66
	- Agensi Kerajaan	80	240	469
4.	Lawatan Tidak Rasmi			
	- Persendirian	3,055	3,071	2,100
	- Lain-lain	200	200	200
5.	Pengunjung Aktiviti Memancing	60	58	125
6.	Pelawat Luar Negara	367	160	238
7.	Pelawat Hari Eksspo Buah-buahan	-	-	10,000
8.	Pengunjung (Membeli buah)	1,998	4,528	1,485
9.	Pengunjung Majlis Perkahwinan	2,600	10,800	18,200
Jumlah		22,510	30,000	43,402

Sumber: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan

6.4.2.2. Pihak Taman Pertanian juga telah mengambil inisiatif mengadakan promosi seperti pengiklanan di media cetak dan media elektronik, pengedaran risalah serta menganjurkan Mini MAHA untuk menarik lebih ramai pengunjung.

6.4.2.3. Bagi menentukan tahap kepuasan pengunjung terhadap Program, pihak Audit telah mengedarkan 40 borang soal selidik kepada orang ramai yang berkunjung ke Taman Pertanian untuk mendapatkan maklum balas. Penilaian terhadap tahap kepuasan pengunjung meliputi kebersihan, kemudahan, keselamatan dan penyenggaraan di Taman Pertanian seperti kawasan dusun buah-buahan, ternakan biri-biri, perkhemahan, rekreasi, ekspo dan Aboretum. Analisis Audit mendapati majoriti pengunjung menyatakan penilaian tahap kepuasan adalah baik seperti **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Tahap Kepuasan Pengunjung Di Taman Pertanian

Kawasan Taman Pertanian	Penilaian			
	Tidak Memuaskan (%)	Memuaskan (%)	Baik (%)	Sangat Baik (%)
Kebersihan	6	38	44	12
Kemudahan	9	25	47	19
Keselamatan	3	24	64	12
Penyenggaraan	5	35	51	8

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, prestasi pengunjung di Taman Pertanian adalah memuaskan kerana penambahan pengunjung pada setiap tahun. Selain itu, berdasarkan kepada borang soal selidik yang diedarkan kepada pengunjung di Taman Pertanian mendapati tahap kepuasan pengunjung terhadap kebersihan, kemudahan, keselamatan dan penyenggaraan di Taman Pertanian adalah baik.

6.4.3. Prestasi Pungutan Hasil

6.4.3.1. Hasil kutipan Taman Pertanian bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM0.34 juta yang terdiri daripada sewa perkhemahan, jualan benih pokok, jualan buah-buahan dan ternakan serta sewa pelbagai seperti **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Prestasi Hasil Kutipan Taman Pertanian Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun			Jumlah (RM)
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	
1.	Perkhemahan	49,375	55,515	13,110	118,000
2.	Benih Buah/Pokok/Herba	32,900	5,138	571	38,609
3.	Jualan Buah-buahan	25,287	41,918	6,098	73,303
4.	Jualan Ternakan	2,328	624	876	3,828
5.	Sewa Pelbagai	34,294	28,837	43,520	106,651
Jumlah		144,184	132,032	64,175	340,391

Sumber: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan

6.4.3.2. Analisis Audit terhadap hasil kutipan di Taman Pertanian mendapati secara keseluruhannya, adalah kurang memuaskan kerana hasil kutipan pada tahun 2010 menurun sejumlah RM12,152 atau 8.4% berbanding tahun 2009. Manakala pada tahun 2011 hasil kutipan menurun sejumlah RM67,857 atau 51.4% berbanding tahun 2010. Penurunan hasil kutipan ini adalah disebabkan pengeluaran hasil buah-buahan yang kekurangan dan jualan benih pokok telah diambil alih oleh Pusat Pertanian lain. Selain itu, faktor serangan penyakit, fisiologi dan usia pokok yang hampir 25 tahun. Keadaan ini mengakibatkan Taman Pertanian mengalami penurunan hasil kutipan. **Maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 27 Mac 2012** menjelaskan pelbagai usaha akan dijalankan bagi mempertingkat hasil kutipan seperti hebahan promosi dan menyenggara kawasan perkhemahan dengan lebih baik untuk meningkatkan bilangan pengunjung. Selain itu, pihak Taman Pertanian juga berusaha meningkatkan hasil dusun dengan memberi penekanan kepada kesuburan tanah, kawalan serangan penyakit dan penanaman pokok durian bagi menggantikan pokok yang telah tua dan tidak mendarangkan hasil.

Pada pendapat Audit, prestasi pungutan hasil Taman Pertanian adalah kurang memuaskan kerana kutipan hasil semakin menurun.

6.4.4. Pemantauan

Pemantauan adalah satu aspek penting bagi memastikan Program dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Program yang dilaksanakan hendaklah dipantau bagi menentukan pembangunan program yang dirancang dapat dicapai dengan sempurna. Kaedah pemantauan adalah seperti penubuhan jawatankuasa, pelaksanaan mesyuarat dan penyediaan laporan. Pihak Audit mendapati Jabatan tidak menujuhan jawatankuasa untuk memantau projek yang dirancang agar dapat dilaksanakan dengan efisien. Perkara ini disebabkan kurang perhatian yang diberikan oleh Jabatan mengakibatkan projek yang dibangunkan tidak berjaya sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memberi perhatian terhadap pemantauan bagi memastikan pengurusan Program dapat dilaksanakan dengan jayanya.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Program dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan Pertanian mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

6.5.1. Kajian semula secara terperinci mengenai konsep dan objektif projek perlu dijalankan bagi memastikan projek yang sedia ada dapat diperaktikkan agar dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan serta tidak menghadapi kegagalan seperti yang telah berlaku.

6.5.2. Memperhebat promosi bagi memperkenalkan Taman Pertanian dan meningkatkan bilangan pengunjung.

6.5.3. Mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memantau pelaksanaan pembangunan projek dan kerja-kerja penyenggaraan di Taman Pertanian.

6.5.4. Mempertingkatkan kerjasama dan koordinasi pelaksanaan tugas antara Agensi Kerajaan Negeri seperti Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan dan industri-industri lain seperti MARDI, FRIM dan sebagainya untuk mendapatkan khidmat nasihat atau bantuan bagi menjayakan Taman ini.

LEMBAGA MUZIUM NEGERI PAHANG

7. PENGURUSAN BAHAN KOLEKSI DAN ARTIFAK SEJARAH

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Lembaga Muzium Negeri Pahang (Lembaga) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Bil. 1/1975 pada 14 Ogos 1975, adalah bertanggungjawab menjaga warisan dan khazanah negeri dengan sempurna dan sistematik serta segala kuasa yang tertakluk dalam Enakmen tersebut. Antara lain peranan muzium juga adalah bertanggungjawab memulihara dan mendokumentasikan hasil koleksi dan artifak sejarah yang diperoleh.

7.1.2. Koleksi dan artifak sejarah merupakan bahan bukti yang menyokong fakta penyelidikan dan kajian yang dijalankan. Koleksi adalah sesuatu yang mempunyai nilai sejarah dan budaya yang diperoleh sama ada secara pembelian, pinjaman atau hadiah. Manakala artifak pula adalah sesuatu yang diperoleh daripada tanah, dasar sungai, tasik atau laut yang telah dikeluarkan dan diubah suai serta dipercayai berumur sekurang-kurangnya 100 tahun. Sehubungan itu, koleksi dan artifak yang dikumpulkan dan disimpan di muzium adalah mempunyai nilai dari segi sejarah, kebudayaan atau alam semula jadi. Penyata kewangan Lembaga pada akhir tahun 2011 menunjukkan bahan koleksi dan artifak sejarah di Lembaga adalah bernilai RM3.02 juta.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan bahan koleksi dan artifak sejarah oleh Lembaga telah dilakukan dengan cekap, teratur serta selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi penilaian terhadap proses perolehan, penyimpanan, penyenggaraan, keselamatan, pelupusan dan pameran bahan koleksi dan artifak sejarah oleh Lembaga di Muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Muzium Seni Pahang, Dewan Pameran Tun Abdul Razak Pulau Keladi, Pekan dan Galeri Pengangkutan Air Pulau Beram, Pekan bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data yang diperoleh berkaitan pengurusan bahan koleksi dan artifak sejarah. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan lawatan juga dilakukan terhadap sampel bahan koleksi dan artifak sejarah yang terpilih serta temu bual dengan pegawai terlibat dan orang awam bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan bahan koleksi dan artifak sejarah adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Rekod berkaitan koleksi dan artifak sejarah tidak diselenggara dengan sempurna dan kemas kini.
- Pelabelan sementara digunakan kepada koleksi dan artifak sejarah.
- Koleksi dan artifak sejarah yang sama dibeli/disimpan dalam kuantiti yang banyak.
- Tiada perubahan terhadap teknik dan jenis pameran yang diadakan serta promosi kurang diadakan.
- Kerja-kerja pemuliharaan/ pembersihan tidak dibuat secara berkala.

7.4.1. Perolehan Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah

7.4.1.1. Koleksi dan artifak sejarah yang dimiliki Lembaga dikategorikan kepada 13 jenis. Jenis koleksi dan artifak sejarah yang didaftarkan adalah seperti seramik, tembaga, ukiran kayu, koleksi orang asli, koleksi DiRaja, arkeologi, mata wang, senjata, tekstil, koleksi Pak Zek, koleksi Tioman, manuskrip dan lukisan. Bahan koleksi dan artifak sejarah yang disimpan di muzium diperoleh secara pembelian, pinjaman dan hadiah. Semua koleksi dan artifak sejarah yang diperoleh sama ada secara pembelian, pinjaman dan hadiah akan didaftar, direkod dan disimpan oleh Unit Pengurusan Koleksi Lembaga. Semakan Audit terhadap Buku Perolehan Koleksi mendapati bagi tempoh 2009 hingga Jun 2011, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan telah membuat perolehan secara pembelian sebanyak 190 koleksi dan artifak sejarah dengan nilai perolehan yang berjumlah RM223,123 selain koleksi dan artifak sejarah yang diterima secara hadiah dan pinjaman. Perolehan koleksi dan artifak sejarah Lembaga secara pembelian, hadiah dan pinjaman bagi tempoh 2009 hingga Jun 2011 adalah seperti **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Perolehan Koleksi Oleh Muzium Sultan Abu Bakar Pekan
Bagi Tempoh 2009 Hingga Jun 2011

Tahun	Perolehan Koleksi				
	Hadiah	Pinjaman	Pembelian	Jumlah Koleksi	Harga Perolehan (RM)
2009	7	-	21	28	97,387
2010	22	25	93	140	74,997
2011	-	-	76	76	50,739
Jumlah	29	25	190	244	223,123

Sumber: Lembaga Muzium Negeri Pahang

7.4.1.2. Prosedur perolehan koleksi dan artifak sejarah melalui pembelian yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja Lembaga adalah dimulai dengan Ketua Unit/Pegawai Latihan mengenal pasti keperluan koleksi dan artifak sejarah yang perlu dibeli dan seterusnya menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan kepada Pengarah. Pengarah kemudiannya akan membentangkan kertas kerja tersebut dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah untuk kelulusan permohonan bajet bagi pembelian koleksi dan artifak tersebut. Setelah kelulusan diterima barulah urusan pembelian dilaksanakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada kertas kerja berserta justifikasi mengenai keperluan pembelian sesuatu koleksi tersebut dari segi keunikan, nilai sejarah dan budaya, serta alam semula jadi yang disediakan dan pembelian koleksi tidak dibawa kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah untuk dibincangkan. Pembelian koleksi dan artifak sejarah dibuat berdasarkan tawaran daripada individu yang ingin menawarkan sesuatu koleksi dan artifak sejarah atau cadangan daripada pegawai Lembaga yang mempunyai maklumat mengenai sesuatu koleksi dan artifak sejarah. Cadangan ini kemudiannya akan dibawa kepada Pengarah untuk kelulusan. Jika cadangan tersebut diluluskan maka pembelian akan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, proses perolehan bahan koleksi dan artifak sejarah Lembaga adalah kurang memuaskan. Kertas kerja berkaitan keperluan koleksi dan artifak sejarah berserta justifikasi yang jelas tidak disediakan dan dikemukakan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

7.4.2. Penyelenggaraan Rekod

7.4.2.1. Pendaftaran bahan koleksi dan artifak sejarah adalah di bawah tanggungjawab Unit Pengurusan Koleksi. Unit ini bertanggungjawab menyelenggarakan 3 rekod asas berkaitan koleksi iaitu Buku Perolehan Koleksi, Fail Koleksi dan daftar yang diwujudkan melalui Sistem Komputer yang dikenali sebagai SISKOM. Buku Perolehan Koleksi sebagai rekod kawalan utama bagi semua koleksi dan artifak sejarah yang dimiliki Lembaga. Bahan koleksi dan artifak sejarah yang diperoleh sama ada secara pembelian, hadiah atau pinjaman akan didaftar dalam Buku Perolehan Koleksi. Buku ini mengandungi maklumat seperti tarikh koleksi dan artifak sejarah didaftar, nombor dan tarikh baucar bayaran, nombor pendaftaran koleksi dan artifak sejarah, cara perolehan, harga perolehan, jenis/nama koleksi dan artifak sejarah serta lokasi penempatan koleksi dan artifak sejarah. Setelah didaftarkan, koleksi dan artifak sejarah tersebut akan dilabelkan, diambil gambar dan disimpan dalam Fail Koleksi mengikut jenis dengan keterangan mengenai koleksi tersebut. Kemudian, semua maklumat mengenai koleksi dan artifak sejarah tersebut akan direkodkan ke dalam SISKOM. Selain itu, Unit Kewangan juga ada menyediakan satu Senarai Koleksi yang disediakan melalui baucar bayaran perolehan koleksi bagi tujuan penyediaan penyata kewangan tahunan Lembaga. Semakan Audit terhadap pendaftaran koleksi dan artifak sejarah Lembaga mendapati perkara seperti berikut:

a. Tiada Rekod Lengkap Mengenai Jumlah Dan Nilai Sebenar Koleksi Dan Artifak Sejarah Yang Disimpan

- i. Semakan Audit terhadap Buku Perolehan Koleksi dan Senarai Koleksi bagi tempoh 2009 hingga Jun 2011 mendapati bilangan koleksi dan artifak sejarah yang direkodkan dalam Buku Perolehan Koleksi adalah sebanyak 244 item yang bernilai RM223,123. Manakala bilangan koleksi yang direkodkan dalam Senarai Koleksi pula adalah sebanyak 197 item yang bernilai RM264,357. Perbezaan bilangan koleksi dan artifak sejarah antara Buku Perolehan Koleksi dan Senarai Koleksi adalah sebanyak 47 item dengan nilai perolehan berjumlah RM41,234. Selain itu, semakan Audit terhadap Fail Koleksi dan SISKOM pula mendapati bilangan dan nilai koleksi dan artifak sejarah yang direkodkan adalah tidak lengkap dan kemas kini. Maklumat yang direkodkan dalam Fail Koleksi hanya dikemas kini sehingga tahun 1994. Manakala maklumat yang direkodkan di SISKOM hanya disediakan sehingga tahun 2003 sahaja. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat memastikan bilangan dan nilai sebenar koleksi dan artifak sejarah yang dimiliki oleh Lembaga.
- ii. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan, Lembaga sedang dalam usaha menambah baik keseluruhan pengurusan koleksi. Bagi tujuan tersebut kerja-kerja merekodkan semula artifak sejarah dilaksanakan secara berperingkat dan mengambil masa yang panjang. Lembaga masih mencari pangkalan data yang sesuai bagi memudahkan proses pendaftaran dan mengakses jumlah artifak yang terlalu banyak dan rekod yang tidak lengkap merupakan cabaran utama dalam menyelesaikan masalah ini.**

b. Pembelian Koleksi Yang Tidak Direkodkan

- i. Semakan Audit terhadap Senarai Koleksi bagi tempoh 2009 hingga Jun 2011 mendapati sebanyak 24 item yang dibeli bernilai RM50,550 telah direkod dalam Senarai Koleksi oleh Unit Kewangan bagi tujuan penyediaan penyata kewangan tahunan tetapi tidak direkodkan dalam Buku Perolehan Koleksi. Perkara ini boleh menyebabkan wujudnya perbezaan rekod antara Unit Pengurusan Koleksi dan Unit Kewangan. Antara koleksi tersebut termasuklah koleksi lukisan, kain tenun pahang, kain sampin dan wang kertas. Selain itu, pihak Lembaga juga tidak dapat menjelaskan sama ada item tersebut dikategorikan sebagai koleksi atau sebaliknya.
- ii. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan terdapat koleksi kain tenun Pahang yang tidak direkodkan adalah kerana selepas pembelian kain tersebut dibuat ia diserah kepada pereka fesyen untuk reka bentuk dan jahitan. Unit Pengurusan Koleksi masih belum**

menerima pakaian berserta baucar bayaran untuk direkodkan. Selain itu, koleksi lukisan yang belum didaftarkan adalah disebabkan lukisan tersebut masih dipamerkan di Muzium Seni Kuantan. Kerja-kerja merekodkan semula lukisan masih belum dijalankan menyebabkan koleksi tersebut berada dalam senarai menunggu untuk didaftarkan bagi mengelak berlakunya pertindihan rekod bagi koleksi tersebut.

c. Koleksi Yang Berbeza Didaftarkan Dengan Nombor Pendaftaran Yang Sama

- i. Setiap koleksi dan artifak sejarah akan didaftar dan direkod dengan satu nombor pendaftaran. Ia adalah sebagai tanda pengenalan bagi setiap koleksi dan artifak sejarah serta memudahkan proses mengenal pasti apabila berlaku kehilangan, kecurian dan sebagainya. Koleksi dan artifak sejarah ini akan didaftarkan dengan mencatatkan nama Jabatan, nombor bilangan, tahun ia diperoleh dan kaedah perolehan sama ada secara pembelian, hadiah atau pinjaman. Koleksi dan artifak sejarah yang dibeli akan ditandakan (B), manakala (H) bagi koleksi dan artifak sejarah yang diterima sebagai hadiah dan (P) bagi koleksi dan artifak sejarah yang dipinjam. Semakan Audit terhadap Fail Koleksi bagi tempoh 2009 hingga Jun 2011 mendapati 14 koleksi yang berbeza telah didaftarkan dengan nombor pendaftaran yang sama seperti **Jadual 7.2** dan contoh koleksi adalah seperti **Gambar 7.1** hingga **Gambar 7.4**.

Jadual 7.2

Koleksi Yang Diperoleh Bagi Tempoh 2009 Hingga Jun 2011
Yang Didaftarkan Dengan Nombor Pendaftaran Yang Sama

Bil.	Nombor Pendaftaran	Jenis Koleksi	Nama Koleksi	Harga (RM)
1.	LMNP.0020.10.B	Orang Asli	Topeng Sirih Pinang	600
2.			Topeng Sirih Pinang	600
3.			Topeng Sirih Pinang	600
4.			Topeng Moyang Tok Naning	600
5.			Topeng Moyang Tok Naning	600
6.			Topeng Moyang Tok Naning	600
7.	LMNP.0021.10.B	Orang Asli	Topeng Moyang Tok Naning	600
8.			Topeng Moyang Tok Naning	600
9.			Topeng Moyang Tok Naning	600
10.	LMNP.0011.09.B	Pakaian	Kimono - Wanita	26,000
11.			Kimono - Lelaki	
12.	LMNP.0015.09.B	Lukisan	Black & White Rosacco Series	1,650
13.			Black & White Rosacco Series	
14.			Black & White Rosacco Series	
Jumlah				33,050

Sumber: Lembaga Muzium Negeri Pahang

Gambar 7.1
Tiga Topeng Sirih Pinang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.3
**Tiga Lukisan Black & White
Rosacco Series**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Penyelidikan, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.2
Enam Topeng Moyang Tok Naning



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.4
Dua Pasang Pakaian Kimono



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

- ii. Pendaftaran dengan menggunakan nombor yang sama ini akan menyebabkan koleksi dan artifik sejarah tersebut sukar untuk dikenal pasti kerana bentuknya yang hampir sama. Selain itu, masalah juga akan timbul apabila koleksi dan artifik sejarah tersebut dipinjamkan atau apabila berlaku kerosakan, kecurian dan kehilangan. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan, Lembaga akan memberi nombor pengenalan yang berbeza bagi setiap koleksi dan artifik sejarah. Selain itu, setiap kategori koleksi juga akan diberi pengenalan mengikut jenis, sebagai contoh kod nombor pengenalan 'OA' bagi Koleksi Orang Asli dan sebagainya.**

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod bahan koleksi dan artifik sejarah Lembaga adalah kurang memuaskan. Terdapat koleksi dan artifik sejarah yang tidak didaftarkan sehingga wujudnya perbezaan kuantiti dan amaun antara beberapa rekod di Lembaga. Sehubungan itu, kuantiti dan amaun sebenar bahan koleksi dan artifik sejarah di Lembaga tidak dapat dikenal pasti.

7.4.3. Pelabelan Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah

7.4.3.1. Bahan Koleksi dan artifak sejarah yang diperoleh sama ada secara pembelian, hadiah atau pinjaman akan didaftar dalam Buku Perolehan Koleksi. Setelah didaftarkan, koleksi dan artifak tersebut perlu dilabelkan dengan segera dengan nombor pendaftaran yang telah dicatat dalam Buku Perolehan Koleksi sebelum ia disimpan atau dipamerkan bagi tujuan pengenalan. Semakan Audit terhadap pelabelan koleksi dan artifak mendapat perkara seperti berikut:

a. **Koleksi Dan Artifak Sejarah Yang Tidak Dilabelkan Dengan Nombor Pendaftaran**

- i. Sebanyak 41 jenis koleksi lukisan dan tekstil yang terdiri daripada 51 item yang diperoleh bagi tempoh 2009 hingga Jun 2011 tidak dilabelkan dengan nombor pendaftaran walaupun ia ada didaftarkan. Koleksi dan artifak yang tidak dilabelkan dengan segera akan menyukarkan pihak Lembaga mengenal pasti semula sesuatu koleksi dan artifak sejarah tersebut. Selain itu, koleksi dan artifak sejarah tersebut juga boleh terdedah kepada kehilangan dan kecurian memandangkan setiap koleksi dan artifak sejarah mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri serta ada yang melibatkan kos yang tinggi. Antara koleksi yang belum dilabelkan termasuklah koleksi yang dibeli dengan nilai perolehannya yang tinggi seperti **Gambar 7.5** hingga **Gambar 7.6**.

Gambar 7.5
Dua Pasang Kimono



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.6
Lukisan Watercolour Of The Mosque,
(Masjid Jamek)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

- ii. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan, tag pendaftaran yang menggunakan kertas nipis menyebabkan tag tersebut mudah hilang dan tercabut daripada artifak. Bagi mengatasi masalah ini Muzium Negeri Pahang bercadang untuk menggunakan kertas yang lebih berkualiti yang mempunyai maklumat dan gambar artifak untuk dilabelkan. Jika berlaku kehilangan, artifak tersebut masih dapat dikenal pasti.**

b. Pelabelan Koleksi Dan Artifak Sejarah Yang Dibuat Tidak Mengikut Cara Yang Sesuai

Pelabelan kekal perlulah dibuat terhadap setiap koleksi dan artifak yang disimpan serta mengikut cara sesuai yang telah ditetapkan untuknya. Contohnya bagi koleksi dan artifak daripada kayu, tembaga dan tembikar adalah dengan mengecap di bahagian bawah/tapak koleksi dan artifak tersebut dengan menggunakan pen dan dakwat yang telah ditetapkan. Manakala bagi koleksi berasaskan tekstil nombor pendaftaran hendaklah ditulis dengan menggunakan dakwat di atas kain belacu dan kemudiannya dijahit di bahagian kaki kain tersebut. Semakan Audit mendapati pelabelan yang digunakan pada kebanyakan koleksi adalah pelabelan sementara iaitu ditulis pada kertas dan diikat pada setiap koleksi. Pihak Audit mendapati cara pelabelan ini adalah tidak sesuai kerana kertas tersebut mudah tertanggal dan terkoyak yang boleh menyebabkan sesuatu koleksi sukar untuk dikesan semula. Contoh pelabelan sementara yang digunakan oleh Lembaga adalah seperti **Gambar 7.7 hingga Gambar 7.10.**

Gambar 7.7
Label Yang Diikat Pada Gebuk Laksa




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.8
Label Hanya Diikat Pada Tikar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.9
Label Hanya Diikat Pada Selendang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.10
Label Yang Diikat Pada Topeng



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, pelabelan bahan koleksi dan artifak sejarah di Lembaga perlu dipertingkatkan kerana terdapat koleksi yang tidak dilabelkan dan terdapat juga koleksi yang dilabelkan tetapi tidak menggunakan kaedah yang bersesuaian mengikut jenis koleksi dan artifak sejarah.

7.4.4. Penyimpanan Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah

7.4.4.1. Muzium merupakan tempat bagi menyimpan, memulihara dan mendokumentasikan warisan sejarah dan khazanah negeri. Sehubungan itu, setiap koleksi dan artifak sejarah yang disimpan di muzium adalah mempunyai nilai dari segi sejarah, kebudayaan atau alam semula jadi. Semakan Audit terhadap penyimpanan bahan koleksi dan artifak sejarah mendapati perkara seperti berikut:

a. Koleksi Dan Artifak Sejarah Disimpan Dalam Kuantiti Yang Banyak

i. Semakan Audit terhadap Buku Perolehan Koleksi, Fail Koleksi dan pengesahan secara fizikal mendapati sebahagian koleksi dan artifak sejarah yang disimpan di Lembaga adalah dalam kuantiti yang banyak. Antaranya adalah seperti seramik, keris, lembing/tombak, sampul surat bersetem, golok, tepak sireh, kaki dian dan parang jengok. Perolehan koleksi yang sama dalam kuantiti yang banyak ini telah melibatkan kos yang tinggi kerana kos perolehan bagi setiap unit ada yang mencecah sehingga ribuan ringgit. Selain itu, koleksi dan artifak sejarah ini juga memerlukan ruang penyimpanan yang luas. Stor penyimpanan yang sempit telah menyebabkan koleksi dan artifak terpaksa disusun secara bertindih untuk memaksimumkan penggunaan ruang yang ada. Keadaan ini telah mengakibatkan koleksi dan artifak menjadi rosak. Selain itu, kos penyenggaraan koleksi dan artifak juga akan meningkat kerana kerja-kerja pemuliharaan dan pembersihan memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Jenis dan jumlah koleksi yang disimpan dalam kuantiti yang banyak serta anggaran kos perolehan setiap unit dan bilangan koleksi yang rosak adalah seperti **Jadual 7.3, Gambar 7.11** hingga **Gambar 7.14**.

Jadual 7.3

Koleksi Dan Artifak Sejarah Yang Disimpan Dalam Kuantiti Yang Banyak

Bil.	Jenis Koleksi	Jumlah Koleksi Yang Disimpan	Anggaran Kos Perolehan/Unit (RM)	Bilangan Koleksi Yang Rosak
1.	Seramik	1014	2-16,000	69
2.	Keris	327	40-5,000	52
3.	Lembing Dan Tombak	298	100-1,000	79
4.	Sampul Surat Bersetem	114	20-700	0
5.	Golok	60	50-500	8
6.	Tepak Sireh	53	40-1,000	41
7.	Kaki Dian	38	50-900	8
8.	Parang Jengok	36	100-600	0

Sumber: Lembaga Muzium Negeri Pahang

Gambar 7.11
Tepak Sireh 53 Unit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.13
Keris 327 Unit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.12
Seramik 1,014 Unit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.14
Golok/Parang Jengok 96 Unit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

- ii. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan, koleksi muzium yang banyak pada masa kini adalah koleksi sedia ada dan perolehan semasa awal penubuhannya. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Lembaga telah mengasingkan koleksi kepada 3 kategori iaitu pameran, pinjaman dan rosak. Koleksi dalam senarai pinjaman telah dihantar ke sekolah-sekolah terpilih untuk dipamerkan di Mini Muzium di bawah Program Muzium dan Pendidikan: *The Young and Heritage*. Pengurusan koleksi kini dalam proses menyediakan senarai koleksi yang rosak dan dicadangkan untuk pelupusan bagi dikemukakan dalam Mesyuarat Lembaga.**
- b. **Pelupusan Tidak Dibuat Terhadap Koleksi Dan Artifak Sejarah Yang Rosak/Tidak Sesuai Untuk Dipamerkan**

- i. Lawatan Audit ke stor Lembaga mendapati banyak bahan koleksi dan artifak yang telah rosak dan tidak sesuai untuk dipamerkan masih disimpan bersama

koleksi dan artifak sejarah yang lain sehingga stor menjadi padat dan menyukarkan pihak Lembaga dalam mengenal pasti barang yang rosak dan sebaliknya. Perkara ini juga boleh menyulitkan Lembaga dalam menguruskan dokumen berkaitan bahan koleksi dan artifak sejarah di Lembaga. Sebahagian daripada bahan koleksi dan artifak sejarah yang rosak dan masih disimpan adalah seperti **Gambar 7.15** hingga **Gambar 7.16**.

Gambar 7.15
Koleksi Rosak Dilonggokkan
Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Gambar 7.16
Tembikar Pecah Dilonggokkan
Dalam Kotak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, penyimpanan bahan koleksi dan artifak sejarah oleh Lembaga adalah kurang memuaskan. Terdapat koleksi yang sama disimpan dalam kuantiti yang banyak sehingga berlaku pembaziran dari segi kos dan ruang penyimpanan. Selain itu, pelupusan dengan cara sewajarnya juga tidak dibuat terhadap koleksi dan artifak yang rosak supaya ruang yang ada dapat dimanfaatkan kepada koleksi dan artifak sejarah lain yang lebih bernilai.

7.4.5. Pameran Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah

7.4.5.1. Sebagai sebuah agensi yang diamanahkan untuk menjaga warisan silam bagi tatapan generasi kemudian, Lembaga perlu memastikan muzium sentiasa dikunjungi oleh masyarakat sama ada rakyat tempatan terutama pelajar sekolah/generasi muda atau pelancong asing. Bagi menarik minat masyarakat untuk mengunjungi muzium, bahan-bahan koleksi dan artifak sejarah yang dipamerkan perlulah sesuatu yang bernilai dari segi sejarah dan mempunyai unsur-unsur peradaban sesuatu kaum atau masyarakat. Selain daripada koleksi dan artifak yang dimiliki, Lembaga juga perlu merancang pameran lain yang boleh menarik minat pengunjung supaya lebih mendekati muzium. Semakan Audit mendapati selain pameran tetap, Lembaga juga ada membuat sasaran untuk mengadakan pameran lain seperti pameran sementara 2 kali setahun, pameran bergerak 4 kali setahun dan pameran bertema/khusus sekali setahun.

7.4.5.2. Semakan Audit terhadap pameran yang diadakan oleh Lembaga mendapati antara koleksi yang dipamerkan di Muzium Sultan Abu Bakar Pekan adalah seperti seramik, tembaga, ukiran kayu, koleksi orang asli, koleksi DiRaja, arkeologi, mata wang, senjata, tekstil, koleksi Pak Zek, koleksi Tioman, manuskrip dan lukisan. Selain koleksi yang dipamerkan di Muzium Sultan Abu Bakar, Lembaga juga ada membuat pameran berkaitan pengangkutan air di Galeri Pengangkutan Air di Pulau Beram, Pekan, pameran hasil karya seni di Muzium Seni Pahang serta mendekati rumah kelahiran Tokoh Negarawan Tun Abdul Razak di Pulau Keladi Pekan serta muzium mini di sekolah-sekolah. Antara pameran yang diadakan dan koleksi yang dipamerkan bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah seperti **Jadual 7.4** dan **Gambar 7.17** hingga **Gambar 7.20**.

Jadual 7.4

Pameran Yang Diadakan Oleh Lembaga Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Nama Pameran	Tarikh	Lokasi
1.	Pameran Seni: <i>Framing Odissi</i>	27.09.2010 - 28.02.2011	Muzium Seni Pahang
2.	<i>Art Under 500: Rajawali Group</i>	06.11.2010 - 06.12.2010	Muzium Seni Pahang
3.	Pameran Fotografi: 'Pertemuan'	17.12.2010 - 28.02.2011	Muzium Seni Pahang
4.	Tortura: Seksua Dan Maut	01.03.2011 - 31.05.2011	Muzium Seni Pahang
5.	<i>Mini Museum: The Young And Heritage</i> (Galeri masakan dan ukiran kayu)	Bermula 10.02.2011	SMK Ubai
6.	Hari Muzium Antarabangsa: Gasing Pangkah Pahang	18.05.2011 - 23.05.2011	Muzium Negeri Sembilan
7.	Galeri Tenun & Peralatan Masakan Tradisional	01.06.2011 - 30.06.2011	Muzium Warisan Lipis
8.	Buka Panggung: Kesenian Pantai Timur	08.07.2011 - 23.12.2011	Muzium Seni Pahang
9.	<i>Mini Museum: The Young And Heritage</i> (Kemerdekaan & tokoh-tokoh tempatan)	Bermula 27.07.2011	SK Ganchong

Sumber: Muzium Seni Pahang

Gambar 7.17
Antara Koleksi Yang Dipamerkan
Di Muzium Seni Pahang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muzium Seni Pahang, Kuantan
Tarikh: 3 Oktober 2011

Gambar 7.18
Antara Koleksi Yang Dipamerkan
Di Galeri Pengangkutan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Galeri Pengangkutan Air, Pekan
Tarikh: 29 September 2011

Gambar 7.19
Antara Koleksi Yang Dipamerkan
Di Mini Muzium Di Sekolah-Sekolah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mini Muzium SMK Ubai, Pekan
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 7.20
Rumah Kelahiran Tun Abdul Razak,
Di Pekan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Tun Razak, Pekan
Tarikh: 6 Oktober 2011

7.4.5.3. Semakan lanjut Audit terhadap pameran yang diadakan di Lembaga mendapati perkara seperti berikut:

a. Kehadiran Pengunjung

- i. Bilangan pengunjung yang mengunjungi Lembaga termasuk Muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Muzium Seni Pahang, Galeri Pengangkutan Air Pulau Beram Pekan, Dewan Pameran/Rumah Tun Razak dan pameran lain yang diadakan tidak dapat dipastikan kerana tiada rekod lengkap disimpan. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap hasil jualan tiket Lembaga bagi tempoh 2006 hingga Julai 2010 mendapati hasil jualan tiket menurun iaitu daripada RM10,915 pada tahun 2006 kepada RM9,467 (2007), RM759 (2008), RM877 (2009) dan RM676 (2010). Caj yang dikenakan oleh Lembaga adalah pada kadar RM1 sekali masuk. Berdasarkan hasil jualan tiket ini, analisis Audit mendapati bilangan pengunjung bagi semua muzium adalah kurang memuaskan. Kutipan hasil menurun secara mendadak pada tahun 2008 disebabkan mulai tahun 2007 hingga kini Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan ditutup kepada orang ramai kerana kerja-kerja menaik taraf bangunan muzium. Selain itu, kerja-kerja pembinaan Institut Latihan Tenun Pahang DiRaja di dalam kawasan Kompleks Budaya Pulau Keladi yang dilaksanakan pada tahun 2009 juga telah menyebabkan kemerosotan bilangan pengunjung ke Dewan Pameran/Rumah Tun Abdul Razak Pulau Keladi, Pekan. Semakan Audit terhadap bilangan pengunjung di Muzium Seni Pahang bagi tempoh 2009 hingga September 2011 adalah seperti **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Jumlah Pengunjung Yang Mengunjungi Muzium Seni Pahang
Bagi Tempoh 2009 Hingga September 2011

Bulan	Bilangan Pelawat/Tahun		
	2009	2010	2011
Januari			57
Februari			56
Mac	Galeri Ditutup Kerana Kerja Pengubahsuaian		1,089
April			326
Mei			986
Jun			Galeri Ditutup
Julai			300
Ogos			129
September		450	638
Oktober		540	TB
November		650	TB
Disember		912	TB
Jumlah	2,552	3,581	

Sumber: Muzium Seni Pahang

- ii. Sebelum tahun 2009, Muzium Seni Pahang dikenali sebagai Muzium Tokoh Negeri Pahang. Sehubungan itu, kerja-kerja pengubahsuaian telah dilakukan mulai tahun 2009 bagi menukar konsep muzium ini daripada Muzium Tokoh kepada Muzium Seni Pahang. Semakan Audit mendapati bilangan pengunjung yang mengunjungi Muzium Seni Pahang pada tahun 2010 dan 2011 adalah seramai 2,552 dan 3,581 masing-masing. Daripada jumlah pengunjung tersebut 2.3% daripadanya adalah pelawat luar negara dan selebihnya adalah pelawat tempatan. Analisis Audit mendapati kehadiran pengunjung di Muzium Seni Pahang pada setiap bulan semasa muzium dibuka adalah antara 56 hingga 1,089 orang. Kehadiran pengunjung yang ramai pada bulan Mac 2011 adalah kerana berlangsungnya pameran Tortura: Seks Dan Maut yang diadakan pada 1 Mac 2011 hingga 31 Mei 2011 oleh agensi swasta. Semasa lawatan Audit dijalankan, pihak Audit mendapati tiada pelawat lain yang hadir walaupun pameran 'Buka Panggung' sedang berlangsung.
- iii. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011** menjelaskan, **Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan** telah ditutup mulai tahun 2006 untuk kerja-kerja menaik taraf bangunan muzium. Faktor ini menyebabkan kehadiran pelancong ke Pekan menurun secara mendadak. Hanya pameran di Kompleks Budaya Pulau Keladi sahaja yang dibuka untuk kunjungan dan dikenakan bayaran masuk. Kebanyakan pengunjung yang datang telah meminta pengecualian bayaran seperti rombongan pelatih dari PLKN, pelajar-pelajar sekolah/institusi pengajian tinggi, orang-orang kenamaan dan sebagainya. Statistik pengunjung hanya dibuat berdasarkan kutipan jualan tiket menyebabkan mereka yang masuk secara percuma tidak direkodkan. Manakala Galeri Pengangkutan Air Pulau Beram, Pekan pula masih dibuka secara percuma kepada pengunjung.

b. Kurangnya Promosi Terhadap Setiap Pameran Yang Diadakan

- i. Lembaga ada membuat promosi bagi setiap pameran yang diadakan melalui pengedaran risalah, *banner*, *bunting*, hebahan dalam siaran radio (Pahang FM) dan akhbar. Namun promosi yang dibuat tidak menyeluruh dan tidak sampai kepada golongan sasar. Promosi kurang dibuat di tempat-tempat tumpuan awam seperti di pejabat, sekolah, hotel, pusat membeli belah dan sebagainya. Promosi melalui *bunting* dan *banner* dibuat apabila ada pameran bertema sahaja. Soal selidik Audit dengan penduduk di Bandar Kuantan termasuk kakitangan Kerajaan mendapati ramai yang tidak mengetahui mengenai sesuatu pameran yang diadakan oleh Lembaga. Promosi yang lebih efektif seperti di pintu masuk Negeri Pahang, promosi di hotel, Jabatan Kerajaan, sekolah dan tempat tumpuan awam seperti pusat membeli belah perlu diadakan dengan lebih kerap bagi menarik minat pengunjung selain lebih mendekatkan muzium kepada masyarakat. Selain itu, Galeri Pengangkutan Air di Pulau Beram, Pekan juga kurang dipromosikan sehingga ada yang tidak mengetahui galeri tersebut boleh dilawati.
- ii. **Maklum balas daripada Lembaga Muzium bertarikh 8 Disember 2011** menjelaskan, promosi mengenai pameran telah dilakukan secara menyeluruh melalui media massa dan elektronik serta gantungan *bunting* dan *banner* di kawasan sekitar. Selain itu, Galeri Pengangkutan Air kurang dikunjungi adalah disebabkan kerja-kerja penyenggaraan jalan di kawasan tersebut.
- iii. Pihak Audit telah membuat lawatan susulan ke lokasi pada awal Februari 2012 bagi memastikan papan tanda menunjukkan pintu masuk ke Galeri Pengangkutan Air telah didirikan selepas kerja penyenggaraan jalan selesai. Pihak Audit mendapati papan tanda pintu masuk ke Galeri Pengangkutan Air tersebut telah didirikan. Keadaan pintu masuk ke Galeri Pengangkutan Air semasa dan selepas kerja penyenggaraan jalan dijalankan adalah seperti Gambar 7.21 dan Gambar 7.22.

Gambar 7.21
Pintu Masuk Galeri Pengangkutan Air
Semasa Kerja Penyenggaraan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Galeri Pengangkutan Air, Pekan
Tarikh: 29 September 2011

Gambar 7.22
Pintu Masuk Galeri Pengangkutan Air
Selepas Kerja Penyenggaraan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Galeri Pengangkutan Air, Pekan
Tarikh: 10 Februari 2012

c. Analisis/ Maklum Balas Kepuasan Pengguna

- Daripada 50 borang soal selidik yang diedarkan oleh Jabatan Audit Negara berkaitan peranan Muzium dalam masyarakat kepada orang awam di Bandar Kuantan, 42 maklum balas telah diterima. Analisis Audit terhadap maklum balas tersebut adalah seperti **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6
Analisis Soal Selidik Audit Terhadap Peranan Muzium Dalam Masyarakat

Bil.	Soal Selidik Audit	Maklum Balas (%)	
		Ya	Tidak
1.	Adakah anda berminat mengunjungi muzium	85.4	14.6
2.	Pernahkah anda mengunjungi muzium	66.6	33.4
3.	Adakah Bahan yang dipamerkan menarik minat anda	66.6	33.4
4.	Adakah promosi yang diadakan mencukupi	19.4	80.6
5.	Adakah anda tahu adanya Muzium Seni di Bandar Kuantan	46.4	53.6
6.	Pernahkan anda mengunjungi pameran yang diadakan di Muzium Seni tersebut	18	82
7.	Adakah anda merasakan peranan Lembaga adalah memuaskan	30.6	69.4

Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

- Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima mendapat 85.4% daripada responden menyatakan berminat untuk mengunjungi muzium dan 66.6% pula menyatakan pernah mengunjungi muzium. Manakala 53.6% maklum balas yang diterima menyatakan tidak mengetahui adanya Muzium Seni di Bandar Kuantan dan hanya 18% pernah mengunjungi pameran yang diadakan di Muzium Seni tersebut. Selain itu, 80.6% daripada responden menyatakan promosi yang diadakan adalah tidak mencukupi dan 69.4% menyatakan peranan muzium adalah kurang memuaskan. **Maklum balas daripada Lembaga Muzium bertarikh 8 Disember 2011** menjelaskan, Lembaga mempunyai pelan pemasaran yang akan dilaksanakan sebaik sahaja selesai projek pembangunan yang sedang dijalankan. Pelan pemasaran tersebut

termasuklah pelan-pelan promosi yang bertujuan untuk menggalakkan lagi masyarakat mengunjungi dan mengenali muzium.

Pada pendapat Audit, jenis pameran yang diadakan kurang menarik serta promosi yang kurang di tempat tumpuan awam telah menyebabkan muzium kurang dikunjungi. Sehubungan itu, peranan muzium sebagai agensi yang diamanahkan untuk menjaga warisan sejarah silam bagi tatapan generasi akan datang tidak sampai kepada masyarakat.

7.4.6. Pemuliharaan Dan Pembersihan Berkala Tidak Dibuat Terhadap Bahan Koleksi Dan Artifak Sejarah

Pemuliharaan bahan koleksi dan artifak perlu dijalankan bagi menentukan setiap koleksi dan artifak telah disimpan di tempat yang bersesuaian dengannya, dijaga dengan rapi dan dibersihkan mengikut jadual yang ditetapkan. Misalnya pemuliharaan dan pembersihan bagi barang tembaga dilakukan dengan merendamnya dalam larutan air asam jawa selama 2 atau 3 hari bagi menanggalkan kotoran dan kulat yang boleh menjelaskan kualiti barang tersebut. Penjagaan keris juga amat penting dengan menggunakan asid hidroklorik, acetone, kiwi dan minyak atar. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada program atau jadual khusus disediakan bagi pemuliharaan bahan koleksi dan artifak di Lembaga. Pemuliharaan dan pembersihan hanya dijalankan apabila sesuatu pameran diadakan atau pun ketika dirasakan perlu oleh kakitangan Lembaga. Pembersihan juga hanya melibatkan bahan koleksi dan artifak yang ingin dipamerkan sahaja. Kurangnya penjagaan yang rapi dan pembersihan berkala boleh menyebabkan bahan koleksi dan artifak terdedah kepada kerosakan seperti berkarat dan ‘makan diri’ (matanya rosak) seperti **Gambar 7.23** dan **Gambar 7.24**. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011** menjelaskan, tumpuan terhadap kerja-kerja merekodkan semula semua artifak menyebabkan proses kerja pemuliharaan dan pembersihan koleksi terhenti buat sementara waktu. Lembaga juga menghadapi masalah untuk mengadakan pembersihan berkala ini kerana kekurangan tenaga mahir dan ruang kerja yang kurang sesuai.

**Gambar 7.23
Golok Dan Parang
Yang Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

**Gambar 7.24
Keris Lok 7 Yang ‘Makan Diri’
(Matanya Rosak)**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan
Tarikh: 10 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, pemuliharaan dan pembersihan berkala perlu dilakukan mengikut jadual bagi memastikan bahan koleksi dan artifak terus terpelihara. Oleh itu, perancangan mengenai pembelian dan pelupusan bahan koleksi yang rosak amatlah penting supaya bahan koleksi yang ada dapat dipulihara sebaiknya.

7.4.7. Pinjaman Koleksi Dan Artifak Sejarah

7.4.7.1. Lembaga ada membuat pinjaman koleksi daripada pihak luar seperti Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan orang perseorangan bagi tujuan pameran sekiranya Lembaga tidak mempunyai koleksi yang mencukupi atau koleksi yang hendak dipamerkan tiada dalam simpanan Lembaga sendiri. Lembaga juga ada meminjamkan koleksinya kepada pihak lain. Kesemua koleksi Lembaga dibenarkan untuk dipinjam kecuali Koleksi Orang Asli dan Koleksi DiRaja. Pinjaman koleksi dibenarkan bagi tujuan mengadakan pameran, persembahan, pertandingan, majlis perasmian dan majlis perkahwinan. Antara koleksi yang sering dipinjamkan adalah koleksi yang bernilai tinggi seperti baju tradisional Negeri Pahang berserta aksesori, set gendang, barang tembaga, gamelan dan sebagainya. Semakan Audit terhadap pinjaman koleksi mendapati perkara seperti berikut:

a. Tiada Sebarang Bayaran/Deposit Atau Jaminan Insurans Dikenakan Kepada Peminjam

Semakan Audit mendapati setiap koleksi yang dipinjamkan oleh Lembaga sama ada kepada Jabatan Kerajaan, badan korporat, persatuan mahupun orang perseorangan tidak dikenakan sebarang bayaran/deposit mahupun jaminan insurans. Antara syarat yang dinyatakan bagi pinjaman koleksi adalah sekiranya peminjam gagal memulangkan koleksi dalam tempoh 14 hari selepas pinjaman dibuat, denda RM200 akan dikenakan. Pertimbangan akan diberi jika mengemukakan alasan yang munasabah. Bagaimanapun didapati, tiada sebarang denda yang pernah dikenakan

oleh Lembaga walaupun ada beberapa kes kelewatan pemulangan koleksi. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan, cadangan pihak Audit supaya peminjam perlu membayar deposit untuk meminjam koleksi akan dipertimbangkan. Kelewatan pemulangan koleksi yang dipinjam biasanya telah dimaklumkan kepada pihak pengurusan cuma tidak ada sebarang catatan bertulis mengenai kelewatan tersebut.**

b. Borang Pinjaman Koleksi Tidak Lengkap

Terdapat 4 jenis borang yang digunakan dalam proses pinjaman koleksi Lembaga iaitu borang BKMP15A (Permohonan Pinjaman Koleksi), BKMP15B (Perjanjian Pinjaman Koleksi), BKMP15C (Perakuan Penerimaan Pinjaman Koleksi) dan BKMP15D (Perakuan Pemulangan Koleksi). Semakan Audit terhadap borang pinjaman koleksi mendapati penggunaan borang ini adalah tidak lengkap. Terdapat permohonan yang tidak dinyatakan tempoh dan tujuan pinjaman, tiada kelulusan daripada pegawai yang diberi kuasa serta tiada dokumen sokongan disertakan oleh peminjam untuk menyokong permohonan yang dibuat. Selain itu, terdapat juga permohonan yang tidak mempunyai borang BKMP15B, BKMP15C dan BKMP15D. Lembaga hendaklah memastikan bagi setiap pinjaman yang dibuat, semua borang yang digunakan hendaklah diisi dengan lengkap kerana borang tersebut bertindak sebagai kawalan dalaman. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan teguran Audit telah diambil maklum dan pihak Lembaga berusaha memastikan perkara ini tidak akan berulang.**

c. Daftar Pinjaman Koleksi Tidak Disediakan

Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menyediakan daftar untuk merekodkan koleksi yang dipinjamkan dan hanya berpandukan kepada borang pinjaman koleksi yang diisi oleh peminjam sebagai kawalan. Hal ini akan menyukarkan pihak Lembaga membuat pemantauan dalam menentukan jenis koleksi yang dipinjam dan mengenal pasti sama ada koleksi yang dipinjam telah dipulangkan atau belum. **Maklum balas daripada Lembaga bertarikh 8 Disember 2011 menjelaskan Lembaga akan menyediakan sebuah buku bagi merekod semua koleksi yang dipinjamkan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman bahan koleksi Lembaga tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Koleksi yang dipinjamkan tidak dikenakan sebarang bayaran deposit atau jaminan insurans bagi menjamin keselamatan dan kualiti bahan koleksi tersebut. Selain itu, Daftar Pinjaman Koleksi juga tidak disediakan.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif utama Lembaga dapat direalisasikan dan muzium menjadi salah satu destinasi tumpuan pengunjung terutama generasi muda bagi mengenali warisan sejarah serta khazanah Negeri Pahang adalah disyorkan Lembaga Muzium Negeri Pahang mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 7.5.1.** Mewujudkan jawatankuasa berkaitan perolehan bahan koleksi dan artifak sejarah bagi memastikan setiap koleksi dan artifak sejarah yang dibeli mempunyai nilai sejarah, dalam kuantiti yang sewajarnya dan pada harga yang kompetitif.
- 7.5.2.** Mewujud dan memperkemaskan sistem merekodkan koleksi dan artifak sejarah serta menyelenggarakannya dengan lengkap, teratur dan kemas kini.
- 7.5.3.** Mempelbagaikan dan memperbanyak pameran dengan pilihan koleksi yang lebih menarik seperti pameran bertema bagi menarik minat pengunjung terutama generasi muda bagi mengenali dan mencintai sejarah dan budaya bangsa.
- 7.5.4.** Mempertingkat dan memperhebat promosi kepada golongan sasar dengan mengadakan promosi di tempat tumpuan awam seperti di pejabat, sekolah, hotel dan kompleks membeli belah.
- 7.5.5.** Memastikan setiap bahan koleksi dan artifak yang menjadi warisan sejarah dijaga dan dipulihara sebaiknya bagi tatapan generasi akan datang.

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

8. PENGURUSAN PROJEK KAMERA LITAR TERTUTUP

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Pada 11 Oktober 2004, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-52 di Putrajaya telah bersetuju agar Kerajaan Negeri melaksanakan Program Bandar Selamat. Program ini memberi fokus kepada strategi dan langkah pencegahan jenayah khususnya di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam usaha merealisasikan Program Bandar Selamat iaitu konsep bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Projek Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang merupakan salah satu langkah pencegahan jenayah. Program ini perlu dilaksanakan oleh PBT bertaraf Bandaraya dan Perbandaran dengan kerjasama agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya, Badan Bukan Kerajaan, sektor swasta dan orang awam. Bagi Negeri Pahang, pelaksanaan projek ini telah membabitkan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Majlis Perbandaran Temerloh (MPT).

8.1.2. CCTV bermaksud sistem kamera yang berupaya menghantar isyarat atau imej dalam keadaan litar tertutup. Isyarat atau imej tersebut hanya dapat dipantau daripada sistem kedua yang bersambung secara terus dengan sistem penghantaran pertama. Sistem penghantaran isyarat atau imej ini dapat dilakukan dengan menggunakan *coaxial cable*, *fiber optic cable*, talian telefon tanpa wayar, inframerah ataupun melalui sistem penghantaran radio. Tujuan utama pemasangan CCTV adalah untuk memantau keadaan persekitaran serta mengurang, mengelak dan mencegah jenayah terutama di kawasan yang kerap terdedah kepada kejadian jenayah yang juga dikenali sebagai kawasan *hot spot*.

8.1.3. MPK telah memperuntukkan sejumlah RM0.98 juta bagi pemasangan 8 unit CCTV di sekitar Bandar Kuantan. Proses perolehan adalah secara tender dan mula beroperasi pada bulan Jun 2008. Selain itu, sebanyak 16 unit CCTV telah dibekalkan kepada MPK di mana kos sewaan dan penyenggaraan dibiayai sepenuhnya oleh KPKT berjumlah RM1.90 juta dan mula beroperasi pada bulan April 2011. Manakala pada tahun 2009, MPT telah memperuntukkan sejumlah RM0.38 juta bagi pemasangan 5 unit CCTV di sekitar Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab di mana proses perolehan adalah secara sebut harga dan masih belum beroperasi sepenuhnya.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Projek Kamera Litar Tertutup (CCTV) telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek CCTV bagi tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun 2009 hingga 2011. Tumpuan pengauditan adalah terhadap pengurusan CCTV yang menggunakan sumber kewangan MPK dan MPT. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod berkaitan yang diselenggara oleh Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Perancangan, Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan dan Jabatan Kewangan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai-pegawai yang berkaitan juga diadakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Lawatan ke lokasi CCTV, Bilik Kawalan CCTV Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan (IPD Kuantan) dan Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh (IPD Temerloh) serta Bilik Kawalan di MPK dan MPT turut dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai operasi dan pengurusan CCTV. Pihak Audit juga telah mengedarkan 100 borang soal selidik kepada orang awam bagi mendapatkan maklum balas mengenai persepsi dan kesedaran mereka terhadap pemasangan CCTV oleh MPK dan MPT sebagai langkah pencegahan jenayah.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pengurusan projek CCTV Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang perlu dipertingkatkan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan kerana terdapat beberapa kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Satu daripada 5 unit CCTV yang dipasang di Bandar Temerloh gagal berfungsi sejak dari awal pemasangan.
- Unit Pengendalian Operasi CCTV bagi memastikan CCTV dapat dikendalikan dengan cekap dan berkesan dalam usaha memantau atau mencegah jenayah masih belum ditubuhkan di MPT.
- Penempatan Bilik Kawalan CCTV yang tidak sesuai di MPT dan sistem CCTV tidak dihubung terus ke IPD Temerloh serta Bilik Kawalan CCTV di IPD Kuantan yang sempit.

- MPK dan MPT tidak mengambil kira aspek latihan teknikal kepada kakitangan yang mengendalikan CCTV menyebabkan pemindahan kepakaran teknologi tidak dapat dilaksanakan.
- Manual pengguna CCTV tidak lengkap iaitu hanya mengandungi garis panduan penyediaan laporan penyenggaraan dan laporan operasi CCTV.

8.4.1. Lokasi CCTV

CCTV perlu dipasang di kawasan *hot spot* yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Program Bandar Selamat dari semasa ke semasa dan mendapat pengesahan PDRM setempat. Semakan Audit mendapati kesemua lokasi CCTV di MPK dan MPT telah mendapat pengesahan PDRM daerah masing-masing seperti **Jadual 8.1** hingga **Jadual 8.3**.

Jadual 8.1

Lokasi CCTV Di Majlis Perbandaran Kuantan (Peruntukan Majlis Perbandaran Kuantan)

Bil.	Lokasi	Bil.	Lokasi
1.	Jalan Mat Kilau	5.	Jalan Bukit Ubi
2.	Jalan Teluk Sisek	6.	Stadium Darul Makmur
3.	Megamall	7.	Jalan Bank
4.	Maybank Jalan Tun Ismail	8.	Benteng

Sumber: Majlis Perbandaran Kuantan

Jadual 8.2

**Lokasi CCTV Di Majlis Perbandaran Kuantan
(Peruntukan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

Bil.	Lokasi	Bil.	Lokasi
1.	Simpang Jalan Tanah Putih/Jalan Tekukur	9.	Simpang Jalan Air Putih
2.	Jalan Bukit Sekilau	10.	Jalan Kubang Buaya
3.	Belakang Megamall	11.	Taman Kerang
4.	Belakang East Coast Mall	12.	Taman Esplanade
5.	Jalan Bukit Ubi	13.	Taman Gelora
6.	Tempat Letak Kereta Kuantan Parade	14.	Jalan Tun Ismail 8
7.	Simpang JUPEM	15.	Jalan Abdul Aziz
8.	Teluk Cempedak	16.	Jalan Dato' Wong Ah Jang

Sumber: Majlis Perbandaran Kuantan

Jadual 8.3

Lokasi CCTV Di Majlis Perbandaran Temerloh

Bil.	Lokasi
1.	Bandar Lurah Kuala Semantan
2.	Terminal Bas Utama Bandar Seri Semantan
3.	Jalan Ahmad Shah
4.	Persimpangan Lampu Isyarat Bandar Baru
5.	Jalan Haji Kassim

Sumber: Majlis Perbandaran Temerloh

Pada pendapat Audit, lokasi pemasangan CCTV di MPK dan MPT adalah memuaskan kerana telah mendapat pengesahan daripada pihak PDRM daerah masing-masing.

8.4.2. Perolehan CCTV

8.4.2.1. Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan bertanggungjawab mengendalikan pembelian 8 unit CCTV di MPK. Kaedah perolehan adalah secara tender dan menggunakan peruntukan MPK berjumlah RM0.98 juta. Mengikut syarat perjanjian di bawah Klausa Kecil 3.2(a), bayaran pertama adalah berjumlah 70% daripada nilai kontrak tersebut setelah barang-barang diserah/dibekalkan sepenuhnya oleh kontraktor kepada MPK. Bayaran kedua pula berjumlah 30% daripada nilai kontrak dibayar 2 bulan selepas sistem diuji atau latihan dilaksanakan dengan jayanya. Semakan Audit mendapati pihak MPK telah menjelaskan bayaran pertama pada bulan Ogos 2008 berjumlah RM686,000, manakala bayaran kedua dijelaskan pada bulan November 2008 berjumlah RM294,000.

8.4.2.2. Semakan Audit terhadap tatacara perolehan CCTV mendapati perkara seperti berikut:

- a. Laporan Penilaian Tender secara teknikal telah disediakan dengan mengambil kira keperluan spesifikasi teknikal, penilaian fizikal, analisis pencapaian peralatan dan perisian secara terperinci serta kemampuan menaik taraf pada masa akan datang untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender. Bagaimanapun, laporan yang telah disediakan itu tidak ditandatangani oleh Ahli Jawatankuasa yang dilantik.
- b. Laporan Penilaian Harga yang mengambil kira penilaian harga yang ditawarkan tidak disediakan.
- c. Surat pelantikan Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Ahli Jawatankuasa Penilaian Harga tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit.

8.4.2.3. MPT juga turut melaksanakan projek CCTV di mana 5 lokasi telah dipilih di sekitar Bandar Temerloh dan Mentakab. MPT memperuntukkan sejumlah RM0.38 juta untuk pemasangan CCTV menggunakan Kumpulan Wang Pembangunan Majlis. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak dilantik bagi urusan penilaian sebut harga seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender hanya mengambil kira harga yang munasabah melalui laporan penilaian yang disediakan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan. Penilaian sebut harga dibuat tanpa melalui jawatankuasa tersebut menyebabkan keupayaan teknikal dan kewangan kontraktor tidak dipertimbangkan dengan sewajarnya. Semakan Audit selanjutnya mendapati MPT telah membuat pembayaran sehingga kemajuan kerja yang ketiga berjumlah RM329,340 dan bakinya sejumlah RM45,710 masih belum dibayar kerana CCTV yang dipasang di Jalan Haji Kassim di Bandar Mentakab gagal berfungsi.

Pada pendapat Audit, proses perolehan CCTV di MPK dan MPT adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut peraturan perolehan yang ditetapkan.

8.4.3. Prestasi Pelaksanaan Projek CCTV

8.4.3.1. CCTV Tidak Berfungsi Sepenuhnya

- a. Surat tawaran MPT kepada Syarikat Trustwell Sdn. Bhd. menetapkan tempoh masa siap kerja adalah 8 minggu dari tarikh arahan kerja dikeluarkan iaitu bermula dari tarikh milik tapak pada 8 September 2009 hingga tarikh siap kerja iaitu pada 4 November 2009. Semakan Audit mendapati kerja-kerja membekal dan memasang CCTV tersebut tidak dapat disiapkan walaupun pihak kontraktor telah memohon lanjutan masa sebanyak 2 kali iaitu pada 4 Disember 2009 dan 18 Jun 2010. Selain itu, satu daripada 5 unit CCTV gagal berfungsi semenjak dari awal pemasangan sehingga tarikh lawatan Audit diadakan iaitu pada 11 Oktober 2011. Pihak Audit juga mendapati CCTV yang terletak di Jalan Haji Kassim di Bandar Mentakab tidak dapat memberi imej gambar kepada sistem penerima isyarat di Bangunan Kompleks Pejabat Plaza Temerloh seperti **Gambar 8.1**.

Gambar 8.1
CCTV Tidak Berfungsi Dan Tidak Dapat
Memberi Imej Gambar Kepada Sistem Penerima Isyarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Haji Kassim, Bandar Mentakab
Tarikh: 11 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Kompleks Pejabat Plaza
Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

- b. Semakan Audit mendapati MPT ada membuat kajian dan perancangan secara menyeluruh berkaitan keperluan spesifikasi teknikal yang bersesuaian. Bagaimanapun, MPT telah memilih kontraktor yang menawarkan harga terendah dengan tidak memasukkan komponen *relay* seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi yang ditetapkan. Ini kerana kontraktor tersebut berpendapat sistem CCTV yang dibekalkan berkeupayaan untuk menghantar/menerima isyarat dari Bandar Mentakab ke Bangunan Kompleks Pejabat Plaza Temerloh tanpa komponen *relay* tersebut. Namun begitu, setelah ujian dibuat didapati sistem tersebut gagal berfungsi kerana terdapat gangguan frekuensi di mana isyarat tidak dapat dihantar/diterima

kerana terhalang oleh Bukit Mikro. Kesannya projek CCTV telah tertangguh selama 2 tahun dan MPT perlu mengeluarkan kos tambahan berjumlah RM35,770 bagi membolehkan CCTV tersebut mampu berfungsi sepenuhnya. **Maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012 memaklumkan jumlah tersebut tidak perlu ditanggung kerana bermula April 2012 penggunaan TM Streamyx dengan kos bulanan sejumlah RM298 akan dibuat bagi membolehkan CCTV tersebut berfungsi sepenuhnya.**

- c. Bagi tujuan pemantauan, pencegahan, siasatan jenayah, dan penguatkuasaan undang-undang terhadap kegiatan jenayah yang berjaya dirakam, sistem CCTV yang dipasang oleh pihak PBT perlu dihubungkan terus ke PDRM. Lawatan Audit ke Bilik Kawalan CCTV di IPD Temerloh mendapati skrin yang merakamkan kesemua 5 rakaman CCTV tidak berfungsi seperti **Gambar 8.2**. Kesannya, tugas pemantauan dan pencegahan jenayah melalui CCTV oleh IPD Temerloh tidak dapat dijalankan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan pelaksanaan tugas pemantauan yang dijalankan kerana tiada rekod dan laporan berkaitan disediakan.

Gambar 8.2
Rangkaian Sistem CCTV di IPD Temerloh Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

- d. Semakan Audit di MPK mendapati analisis keperluan teknikal yang terperinci seperti analisis pengurusan teknikal CCTV, pencapaian CCTV, keupayaan perisian sistem dan kewangan telah dilakukan sebelum projek CCTV dilaksanakan. Selain itu, kontraktor yang disenarai pendek telah dipanggil untuk mengadakan tunjuk cara cadangan sistem CCTV yang akan dibekalkan. MPK hanya melantik kontraktor yang menunjukkan prestasi terbaik semasa tunjuk cara diadakan untuk memastikan sistem CCTV yang dipasang dapat berfungsi dengan lancar.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek CCTV di MPT adalah tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira keadaan topografi dan lokasi CCTV menyebabkan projek tertangguh selama 2 tahun serta terpaksa menampung kos tambahan berjumlah RM35,770 CCTV juga tidak berfungsi sepenuhnya.

8.4.3.2. Penubuhan Unit Pengendalian Operasi CCTV

Pihak PBT dan PDRM bertanggungjawab dalam pengendalian sistem CCTV yang dipasang bagi tujuan pemantauan atau pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat. Bagi memastikan CCTV dapat dikendalikan dengan cekap, Unit Pengendalian Operasi CCTV yang terdiri daripada kakitangan yang berpengetahuan dan berkemahiran perlu ditubuhkan untuk mengendalikan sistem tersebut. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Pengurusan CCTV di MPK dikendalikan oleh Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan dan Jabatan Teknologi Maklumat. Tugas dan tanggungjawab Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan adalah untuk mengendalikan sistem CCTV dan memantau 24 skrin yang memaparkan rakaman CCTV bagi tujuan pencegahan jenayah. Selain itu, CCTV ini juga digunakan oleh MPK untuk tugas-tugas penguatkuasaan seperti pemantauan terhadap kesalahan tempat letak kereta, penjaja atau kesalahan-kesalahan lain. Seramai 4 orang kakitangan telah ditugaskan mengikut syif bermula dari jam 7 pagi hingga 11 malam. Manakala, Jabatan Teknologi Maklumat bertanggungjawab untuk pengesahan kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor.
- b. Tugas-tugas penyenggaraan CCTV di MPT adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kejuruteraan. Manakala Unit Pengendalian Operasi CCTV masih belum ditubuhkan untuk mengendalikan sistem tersebut. MPT memaklumkan Unit Pengendalian Operasi CCTV akan ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas pemantauan secara sistematik dan berkala. Unit ini akan dikendalikan oleh Jabatan Perundangan Dan Penguatkuasaan dan Bahagian Sistem Maklumat MPT.
- c. Kerja-kerja pemantauan di IPD Temerloh oleh unit yang bertanggungjawab tidak dapat dijalankan kerana kesemua 5 skrin yang memaparkan rakaman CCTV tidak berfungsi. Kesannya kerja-kerja pemantauan untuk mengurang, mengelak serta mencegah jenayah melalui CCTV tidak dapat dilaksanakan.
- d. Pengendalian dan pemantauan sistem CCTV di IPD Kuantan adalah di bawah tanggungjawab Cawangan Gerakan yang beroperasi 24 jam sehari mengikut syif. Selain itu, Cawangan ini perlu menjalankan tugas-tugas harian seperti operasi bersepadu pencegahan jenayah, operasi bersepadu narkotik, kawalan keselamatan dan lalu lintas, kelancaran pergerakan VIP, operasi mencari dan menyelamat ketika bencana alam, serta tugas-tugas pentadbiran.

Pada pendapat Audit, pengurusan CCTV di MPT adalah tidak memuaskan kerana masih belum menubuhkan Unit Pengendalian Operasi CCTV bagi menjalankan tugas-tugas pemantauan untuk mengurang, mengelak serta mencegah jenayah.

8.4.3.3. Bilik Kawalan CCTV

Bagi memastikan kelancaran pengendalian operasi CCTV, penyediaan satu bilik/ruang khas yang sesuai perlu disediakan sebagai Bilik Kawalan CCTV di PBT dan PDRM. Saiz minimum ruang Bilik Kawalan CCTV mengikut Garis Panduan Pelaksanaan CCTV adalah 7 meter x 9 meter. Bilik ini perlu dilengkapi dengan peralatan aplikasi, perisian, dan kemudahan terkini untuk tugas-tugas pengendalian sistem. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti berikut:

a. Keadaan Dan Lokasi Bilik Kawalan CCTV

- i. Satu bilik khas telah disediakan sebagai Bilik Kawalan CCTV di MPK. Ia dilengkapi dengan peralatan aplikasi, perisian dan kemudahan lain bagi membolehkan tugas-tugas pengendalian sistem CCTV dijalankan. Ruang bilik ini juga didapati sesuai dan selesa bagi menempatkan 4 orang kakitangan yang bertugas secara bergilir mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- ii. Bilik Kawalan CCTV tidak disediakan di MPT, bagaimanapun skrin yang memaparkan rakaman CCTV ditempatkan di lokasi yang kurang sesuai iaitu di bilik Yang Dipertua seperti **Gambar 8.3**.

Gambar 8.3
Bilik YDP MPT Dijadikan Bilik Kawalan CCTV



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Perbandaran Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Perbandaran Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

- iii. Pihak Audit juga mendapati tiada pegawai yang ditugaskan untuk membuat kerja pengendalian sistem CCTV dan pemantauan terhadap skrin yang memaparkan rakaman CCTV di bilik tersebut. **Maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012** menjelaskan setelah perakuan siap kerja selesai dan perjanjian penyenggaraan dipersetujui oleh kontraktor, lokasi Bilik Kawalan CCTV akan dipindahkan ke sebuah bilik khas. Kakitangan Jabatan Perundungan Dan Penguatkuasaan MPT akan bertanggungjawab dalam pengendalian sistem di Bilik Kawalan CCTV.

- iv. Bilik Kawalan IPD Kuantan menempatkan 24 unit skrin yang memaparkan rakaman CCTV di bilik yang sempit dan sesak seperti **Gambar 8.4**.

Gambar 8.4
Keadaan Bilik Kawalan CCTV Di IPD Kuantan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan

Tarikh: 6 Oktober 2011

- v. **Maklum balas daripada IPD Kuantan bertarikh 28 Februari 2012** memaklumkan beberapa faktor yang menyebabkan Bilik Kawalan CCTV menjadi sempit dan sesak adalah kerana pertambahan 16 unit CCTV daripada KPKT yang menjurus kepada pertambahan beberapa set komputer, meja, kerusi dan peralatan aplikasi. Selain itu, pertambahan anggota IPD yang bertugas bagi mengendalikan sistem CCTV juga adalah punca kesesakan ruang berkenaan.

b. Penempatan Server Tidak Sesuai

- i. Server untuk sistem CCTV di Bilik Kawalan CCTV IPD Kuantan dan IPD Temerloh ditempatkan di ruang yang tidak sesuai iaitu di luar bilik server seperti **Gambar 8.5** dan **Gambar 8.6**. **Maklum balas daripada IPD Kuantan bertarikh 28 Februari 2012** memaklumkan ruang yang terhad telah menyebabkan pertambahan server bagi 16 unit CCTV KPKT terpaksa ditempatkan di luar bilik server.

Gambar 8.5
Lokasi Server Di IPD Kuantan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 8.6
Lokasi Server Di IPD Temerloh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

- ii. Server untuk sistem CCTV di MPT diletakkan di laluan dan pintu keluar Bahagian Kejuruteraan seperti **Gambar 8.7. Maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012 memaklumkan server bagi sistem CCTV akan dipindahkan ke bilik khas yang telah disediakan bersebelahan Jabatan Perundangan Dan Penguatkuasaan MPT.**

Gambar 8.7
Server CCTV Di MPT Diletakkan Di Laluan Dan Pintu Keluar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Perbandaran Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

- iii. Server untuk sistem CCTV MPK ditempatkan di ruang khas bersebelahan Bilik Kawalan CCTV dan sentiasa dijaga dengan baik. Pintu masuk ke bilik server sentiasa dikunci dan dipantau oleh kakitangan Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan yang bertugas seperti **Gambar 8.8.**

Gambar 8.8
Server Di MPK Diletakkan Di Tempat Yang Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Perbandaran Kuantan
Tarikh: 28 September 2011

c. Kawalan Akses Tidak Disediakan

Kawalan akses bermaksud had atau sempadan Bilik Kawalan CCTV yang boleh dilepasi oleh seseorang atau kumpulan. Ia penting bagi menjaga kerahsiaan dokumen dan maklumat serta keselamatan sistem dan peralatan aplikasi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. Bilik Kawalan CCTV di IPD Kuantan ditempatkan di bilik yang menjadi laluan utama ke bilik mesyuarat. Kawalan akses juga tidak disediakan di Bilik Kawalan CCTV IPD Kuantan dan IPD Temerloh serta MPT bagi memastikan kerahsiaan dokumen dan maklumat serta keselamatan peralatan aplikasi terjamin seperti **Gambar 8.9** hingga **Gambar 8.11**.

Gambar 8.9
Bilik Kawalan CCTV di IPD Kuantan
Tidak Mempunyai Kawalan Akses Dan
Menjadi Laluan Utama Ke Bilik Mesyuarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 8.10
Bilik Kawalan CCTV di IPD Temerloh
Tidak Mempunyai Kawalan Akses



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011



Gambar 8.11
Bilik Kawalan CCTV Di MPT
Tidak Mempunyai Kawalan Akses

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Perbandaran Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

- ii. **Maklum balas daripada IPD Kuantan bertarikh 28 Februari 2012** memaklumkan bahawa bilik mesyuarat tersebut digunakan sebagai bilik kawalan operasi sekiranya berlaku sesuatu bencana seperti banjir dan memudahkan maklumat diperoleh dari Bilik Kawalan CCTV. Selain itu, IPD Kuantan merupakan kawasan larangan yang diwartakan dan hanya anggota IPD Kuantan sahaja yang dibenarkan berada di kawasan Bilik Kawalan CCTV. Bagi memastikan kerahsiaan dokumen dan maklumat serta keselamatan peralatan aplikasi terjamin, **maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012** memaklumkan Bilik Kawalan CCTV yang baru akan dilengkapi dengan pas keselamatan di pintu masuk dan keluar bilik tersebut.
- iii. Kawalan akses di Bilik Kawalan CCTV ada disediakan di MPK. Kakitangan yang bertugas perlu mengemukakan pengenalan diri di pintu masuk bilik kawalan tersebut.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan di Bilik Kawalan CCTV di MPT, IPD Kuantan dan IPD Temerloh adalah kurang memuaskan kerana lokasi bilik kawalan tidak sesuai dan tidak mempunyai had kawalan akses.

8.4.3.4. Papan Tanda CCTV Tidak Disediakan

Spesifikasi Teknikal Pemasangan Sistem CCTV menetapkan keperluan pemasangan papan tanda yang bertulis "Kawasan Ini Diawasi Oleh Sistem Kamera CCTV". Pemasangan papan tanda ini bertujuan memberitahu kepada orang awam dan pelancong bahawa kawasan tersebut selamat dikunjungi. Lawatan Audit ke 5 lokasi CCTV MPT dan 8 lokasi CCTV MPK mendapati perkara seperti berikut:

- a. MPT tidak mengambil kira aspek pemasangan papan tanda dalam sebut harga yang disediakan. Kesannya orang awam tidak mengetahui tentang kewujudan CCTV di tempat yang dikunjungi kerana papan tanda tidak disediakan oleh MPT seperti **Gambar 8.12** dan **Gambar 8.13**. **Maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012** menjelaskan bahawa tindakan telah diambil terhadap teguran yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit berkaitan keperluan pemasangan papan tanda tersebut.

Gambar 8.12
Papan Tanda “Kawasan Ini Diawasi Oleh Sistem Kamera CCTV”
Tidak Disediakan Oleh MPT



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tok Muda Awang Ngah, Bandar Baru Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

Gambar 8.13



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Bas Lurah Semantan, Bandar Temerloh
Tarikh: 11 Oktober 2011

- b. Kesemua CCTV MPK dilengkapi dengan papan tanda seperti **Gambar 8.14** dan **Gambar 8.15**.

Gambar 8.14
Contoh Papan Tanda CCTV Dipasang Di Kawasan MPK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 September 2011
Lokasi: Jalan Bank, Kuantan

Gambar 8.15



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 September 2011
Lokasi: Belakang East Coast Mall, Kuantan

Pada pendapat Audit, pemasangan CCTV di MPT adalah tidak memuaskan kerana tidak menyediakan papan tanda mengikut Garis Panduan Pelaksanaan CCTV. Bagaimanapun, di MPK kesemua CCTV dilengkapi dengan papan tanda seperti yang telah ditetapkan.

8.4.4. Keperluan Latihan Tidak Mencukupi

Garis Panduan Pelaksanaan CCTV menyatakan bahawa perolehan melalui cara pembelian, perlu mengambil kira faedah dari segi *capacity building* di mana aspek pemindahan kepakaran dalam kemahiran teknologi CCTV oleh pihak pembekal hendaklah dimasukkan ke dalam Dokumen Kontrak Pembelian. Oleh itu, MPK dan MPT perlu mengambil kira aspek

latihan yang membolehkan kepakaran teknologi dapat diperoleh di dalam pelaksanaan projek CCTV ini. Semakan Audit di MPK mendapati latihan yang diberikan oleh kontraktor hanya menjurus kepada latihan pengendalian CCTV menyebabkan skop tugas di MPK hanya kepada tugas pemantauan sahaja. Bagaimanapun, latihan teknikal berkaitan pengurusan sistem, rangkaian, pengendalian server dan keperluan penyenggaraan tidak disediakan. Kesannya, MPK perlu menggunakan perkhidmatan pihak teknikal luar untuk memastikan sistem dapat berjalan lancar. Manakala semakan Audit terhadap dokumen sebut harga di MPT mendapati keperluan latihan yang bersesuaian kepada kakitangannya dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek CCTV tidak diambil kira dan menyebabkan pemindahan kepakaran teknologi dalam mengendalikan sistem CCTV tidak tercapai. **Maklum balas daripada MPK bertarikh 28 Februari 2012 memaklumkan bagi memastikan sistem CCTV dapat berjalan lancar pihaknya terpaksa menggunakan khidmat pihak luar. Ia adalah kerana MPK tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Sementara itu, maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012 memaklumkan satu latihan yang melibatkan IPD Temerloh akan diadakan bagi membolehkan pengendalian sistem CCTV berjalan lancar.**

Pada pendapat Audit, pengurusan latihan di MPK dan MPT adalah tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira latihan teknikal kepada kakitangan yang mengendalikan sistem CCTV dan menyebabkan pemindahan kepakaran teknologi tidak dapat dilaksanakan.

8.4.5. Manual Pengguna CCTV Tidak Lengkap

Penyediaan Manual Pengguna CCTV (Manual) adalah sebagai panduan kepada pihak PBT dan pegawai/operator yang memantau dan menjalankan operasi harian CCTV dari Bilik Kawalan di peringkat daerah. Di samping itu, penyediaan Manual juga bertujuan untuk memastikan pengurusan dan operasi sistem CCTV yang baik dan berkesan bagi mendapatkan hasil yang optimum selaras dengan matlamat Kerajaan. Penglibatan pegawai PDRM dalam operasi pemantauan yang berterusan akan merealisasikan keberkesanan pelaksanaan CCTV untuk mengurangkan kadar jenayah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Manual yang dikeluarkan oleh KPKT hanya mengandungi garis panduan penyediaan laporan penyenggaraan, laporan operasi CCTV harian, carta alir aduan kerosakan dan carta alir bayaran sewaan. Manual tersebut disediakan khusus kepada pengurusan laporan dan operasi sistem CCTV di peringkat PBT sahaja. Pihak Audit mendapati Manual terhadap tindakan susulan jika berlaku kegiatan jenayah yang dirakam dan penyediaan laporan statistik indeks jenayah berdasarkan lokasi CCTV ditempatkan tidak disediakan. Kesan daripada itu, tiada panduan yang boleh diguna pakai oleh MPK, MPT, IPD Kuantan serta IPD Temerloh jika berlaku kes jenayah. **Maklum balas daripada MPK bertarikh 28 Februari 2012 memaklumkan keputusan mesyuarat CCTV pada pertengahan Januari 2012 di KPKT telah mengarahkan supaya manual pengguna bagi memudahkan tugas pemantauan disediakan oleh kontraktor yang terlibat. Sementara**

itu, pihak IPD Kuantan memaklumkan perintah tetap operasi CCTV di IPD Kuantan telah disediakan bagi mengendalikan CCTV dengan lebih efisien dalam tindakan pencegahan jenayah, kemalangan, bencana dan ketenteraman awam. Carta pelan tindakan untuk setiap situasi juga ada disediakan.

Pada pendapat Audit, penyediaan Manual Pengguna CCTV adalah tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira panduan terhadap pengurusan sistem secara menyeluruh khusus untuk PBT dan PDRM yang menjalankan tugas-tugas di Bilik Kawalan CCTV.

8.4.6. Penyenggaraan Sistem CCTV

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan CCTV, penyenggaraan sistem CCTV adalah penting dan perlu diambil kira sebagai sebahagian daripada proses pemasangan. CCTV yang dipasang di luar premis dan di tempat awam yang terdedah kepada hujan, panas dan habuk perlu disenggarakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Penyenggaraan CCTV merangkumi 2 kaedah iaitu Penyenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*) dan Penyenggaraan Pembaikan (*Corrective Maintenance*). Penyenggaraan Pencegahan merupakan kerja-kerja pemeriksaan peralatan, ujian fungsi dan penyenggaraan bagi semua peralatan, perkakasan, aksesori dan pendawaian bagi memastikan keseluruhan sistem berfungsi dan beroperasi dengan baik. Manakala Penyenggaraan Pembaikan dilakukan apabila terdapat aduan kerosakan daripada pengguna sama ada daripada pihak MPK, MPT atau PDRM.

8.4.6.1. Penyenggaraan Sistem CCTV Di MPK

Penyenggaraan 24 unit CCTV di MPK dikendalikan oleh 2 syarikat yang berbeza. Sebanyak 8 unit CCTV yang diperoleh melalui sumber kewangan MPK disenggarakan oleh Syarikat Turbine Technique (M) Sdn. Bhd.. Pihak kontraktor bertanggungjawab menyenggarakan peralatan sistem CCTV dalam tempoh jaminan yang telah ditetapkan iaitu bermula dari Mac 2008 hingga Jun 2009. MPK juga telah melantik syarikat yang sama untuk menyenggara sistem CCTV bermula dari Julai 2009 hingga Jun 2012 dengan kos berjumlah RM270,000. Semakan Audit mendapati syarikat tersebut telah melaksanakan kerja penyenggaraan dengan baik selaras dengan perjanjian yang telah dimeterai. Kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dicatat di dalam *Jobsheet* untuk pengesahan pegawai MPK. Semakan Audit seterusnya terhadap Buku Daftar Aduan Kerosakan mendapati tindakan segera telah diambil terhadap aduan kerosakan. Manakala 16 unit CCTV yang dibekalkan oleh KPKT secara sewaan kepada MPK disenggarakan oleh Syarikat GTC Global Sdn. Bhd. yang juga merupakan pembekal yang dilantik untuk mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah sistem CCTV. Semakan Audit terhadap laporan penyenggaraan dan laporan operasi CCTV mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan dengan baik.

8.4.6.2. Penyenggaraan Sistem CCTV Di MPT

Syarikat Trustwell Sdn. Bhd. telah dilantik mereka bentuk, membekal, memasang dan mentauliah sistem CCTV di MPT. Pihak kontraktor bertanggunjawab bagi memastikan sistem berada pada tahap yang telah ditetapkan. Kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan oleh pembekal dalam tempoh jaminan sebelum projek diserahkan. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan secara berkala tidak dilaksanakan. Lawatan Audit ke Bilik Kawalan CCTV IPD Temerloh mendapati peralatan aplikasi CCTV tidak berfungsi semenjak ia dipasang menyebabkan tugas pemantauan tidak dapat dijalankan. Selain itu, laporan penyenggaraan dan daftar aduan kerosakan tidak disediakan bagi tujuan pemantauan terhadap prestasi peralatan aplikasi dan sistem. Kesan daripada itu, MPT perlu memperuntukkan sejumlah RM163,000 bagi tempoh 2012 hingga 2014 untuk menampung kos penyenggaraan.

Pada pendapat Audit, MPK telah melaksanakan kerja penyenggaraan dengan baik kerana telah melaksanakan penyenggaraan secara berkala mengikut kaedah yang telah ditetapkan dan seterusnya menyumbang kepada kelancaran prestasi sistem. Manakala kerja penyenggaraan di MPT adalah tidak memuaskan kerana kajian dan perancangan awal berkaitan penyenggaraan tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada proses pemasangan menyebabkan sistem rangkaian CCTV di IPD Temerloh gagal berfungsi selain perlu menyediakan peruntukan tambahan sejumlah RM163,000 bagi tempoh 2012 hingga 2014.

8.4.6.3. Penyelenggaraan Rekod Dan Laporan

Penyelenggaraan rekod dan laporan yang teratur boleh menyumbang kepada pengurusan sistem CCTV yang baik di samping memudahkan pemantauan terhadap prestasi Program Bandar Selamat. Semakan Audit di MPK mendapati laporan penyelenggaraan bulanan dan laporan operasi harian CCTV ada diselenggara. Manakala semakan Audit di MPT mendapati tiada rekod dan laporan berkaitan operasi, penyenggaraan serta aduan kerosakan diselenggara menyebabkan prestasi Program Bandar Selamat melalui pemasangan CCTV tidak dapat dinilai. **Maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012** memaklumkan rekod berkaitan penyenggaraan CCTV akan disediakan oleh Bahagian Sistem Maklumat. Manakala laporan harian CCTV akan disediakan oleh Jabatan Perundungan Dan Pengukuasaan MPT.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod dan laporan MPT adalah tidak memuaskan kerana rekod dan laporan berkaitan tidak diselenggara.

8.4.7. Keberkesanan CCTV Dalam Mencegah Jenayah

8.4.7.1. Penurunan Bilangan Kes Jenayah Di Bandar Kuantan

- a. Jenayah indeks merupakan jenayah yang bersifat serius seperti curi, rugut, curi motosikal dan kereta, pecah rumah, samun, cabul, rogol dan bunuh. Bagi menilai keberkesanan CCTV dalam memantau persekitaran, mengelak serta mencegah berlakunya jenayah, statistik berkaitan jenayah indeks di kawasan *hot spot* telah diperoleh daripada pihak IPD Kuantan seperti **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4

Statistik Jenayah Indeks

Di Kawasan *Hot Spot* Di Bandar Kuantan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Lokasi	Bilangan Kes Jenayah Indeks		
		2009	2010	2011
1.	Jalan Mat Kilau	4	15	1
2.	Jalan Teluk Sisek	1	29	2
3.	Megamall	9	6	4
4.	Maybank Jalan Tun Ismail	-	-	-
5.	Jalan Bukit Ubi	-	23	4
6.	Stadium	-	2	1
7.	Jalan Bank	2	1	-
8.	Benteng	-	-	-
9.	Simpang Jalan Tanah Putih	-	5	-
10.	Jalan Bukit Sekilau	-	10	-
11.	Belakang Megamall	15	9	8
12.	Belakang East Coast Mall	6	7	14
13.	Jalan Bukit Ubi	-	-	-
14.	Tempat Letak Kereta Kuantan Parade	13	12	6
15.	Simpang JUPEM	-	-	-
16.	Teluk Cempedak	1	15	-
17.	Simpang Jalan Air Putih	-	-	-
18.	Jalan Kubang Buaya	2	23	-
19.	Taman Kerang	-	-	-
20.	Taman Esplanade	-	-	1
21.	Taman Gelora	-	-	1
22.	Jalan Tun Ismail 8	5	4	1
23.	Jalan Abdul Aziz	-	6	4
24.	Jalan Dato' Wong Ah Jang	9	47	1
Jumlah		67	214	48

Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan

- b. Analisis Audit mendapati berlaku peningkatan jenayah indeks sebanyak 219% iaitu daripada 67 kes pada tahun 2009 kepada 214 kes pada tahun 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2011 terdapat penurunan sebanyak 166 kes atau 77.6% menjadikan jumlah jenayah indeks adalah sebanyak 48 kes sahaja. Statistik jenayah jalanan bagi tempoh 2009 hingga 2011 di bandar Kuantan adalah seperti **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5

Statistik Jenayah Jalanan


Di Kawasan Hot Spot Di Bandar Kuantan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Lokasi	Bilangan Kes Jenayah Indeks		
		2009	2010	2011
1.	Jalan Mat Kilau	2	2	-
2.	Jalan Teluk Sisek	-	2	-
3.	Megamall	-	-	-
4.	Maybank	-	-	-
5.	Jalan Bukit Ubi	-	1	-
6.	Stadium	-	-	-
7.	Jalan Bank	-	-	-
8.	Benteng	-	-	-
9.	Simpang Jalan Tanah Putih/Jalan Tekukur	-	1	-
10.	Jalan Bukit Sekilau	3	3	-
11.	Belakang Megamall	-	1	-
12.	Belakang East Coast Mall	-	-	-
13.	Jalan Bukit Ubi	-	1	-
14.	Tempat Letak Kereta Kuantan Parade	4	-	2
15.	Simpang JUPEM	-	1	-
16.	Teluk Cempedak	-	-	-
17.	Simpang Jalan Air Putih	-	1	-
18.	Jalan Kubang Buaya	-	-	-
19.	Taman Kerang	-	-	-
20.	Taman Esplanade	-	-	-
21.	Taman Gelora	-	-	-
22.	Jalan Tun Ismail 8	-	1	-
23.	Jalan Abdul Aziz	-	1	-
24.	Jalan Dato' Wong Ah Jang	4	5	1
Jumlah		13	20	3

Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan

- c. Analisis Audit mendapati hanya terdapat 13 kes sahaja jenayah jalanan pada tahun 2009 di bandar Kuantan. Manakala pada tahun 2010 meningkat kepada 20 kes atau 53.8%. Pada tahun 2011 kes jenayah jalanan menurun dengan mendadak iaitu sebanyak 85% atau sebanyak 3 kes sahaja. Secara keseluruhannya, statistik bagi kedua-kedua jenis jenayah di kawasan *hot spot* di bandar Kuantan menunjukkan peningkatan pada 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2011 jenayah indeks dan jenayah jalanan menurun daripada 214 kes kepada 48 kes dan 20 kes kepada 3 kes masing-masing seperti di **Carta 8.1**.

Carta 8.1
Penurunan Bilangan Kes Jenayah Indeks Dan Jenayah Jalanan Di Kawasan Hot Spot Di Bandar Kuantan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011



Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan

8.4.7.2. Penurunan Bilangan Kes Jenayah di Bandar Temerloh

- a. Bagi bandar Temerloh pula, didapati pada tahun 2007, bilangan jenayah indeks adalah sebanyak 23 kes dan telah menurun kepada 10 kes atau 56.5% pada tahun 2008. Pada tahun 2009 bilangan jenayah meningkat kepada 24 kes atau 140%. Manakala pada tahun 2010 dan 2011 menurun kepada 16 dan 9 kes masing-masing seperti **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6

Statistik Jenayah Indeks Bandar Temerloh Di Kawasan Hot Spot Di Bandar Temerloh Bagi Tempoh 2007 Hingga 2011

Bil.	Lokasi	Bilangan Kes Jenayah Indeks				
		2007	2008	2009	2010	2011
1.	Bandar Lurah Semantan	12	6	6	4	2
2.	Bandar Seri Semantan (Terminal Bas Utama)	5	2	7	3	2
3.	Jalan Ahmad Shah	3	2	6	4	3
4.	Persimpangan Lampu Isyarat	1	-	-	1	-
5.	Jalan Haji Kassim Mentakab	2	-	5	4	2
Jumlah		23	10	24	16	9

Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh

- b. Statistik jenayah jalanan menunjukkan 2 kes pada tahun 2007 iaitu masing-masing satu di bandar Lurah Semantan dan di Terminal Bas Utama, Bandar Seri Semantan. Pada tahun 2009, statistik menunjukkan hanya satu kes jenayah dilaporkan. Bagaimanapun, pada tahun 2010 dan 2011 tiada kes jenayah jalanan yang dilaporkan seperti **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7
Statistik Jenayah Jalanan Bandar Di Kawasan Hot Spot Di Bandar Temerloh
Bagi Tempoh 2007 Hingga 2011

Bil.	Lokasi	Bilangan Kes Jenayah Indeks				
		2007	2008	2009	2010	2011
1.	Bandar Lurah Semantan	1	-	-	-	-
2.	Bandar Seri Semantan (Terminal Bas Utama)	1	-	1	-	-
3.	Jalan Ahmad Shah	-	-	-	-	-
4.	Persimpangan Lampu Isyarat	-	-	-	-	-
5.	Jalan Haji Kassim Mentakab	-	-	-	-	-
Jumlah		2	-	1	-	-


Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh

- c. Bagi bandar Temerloh, statistik jenayah indeks dan jenayah jalanan di kawasan *hot spot* menunjukkan trend menurun dari tahun 2007 hingga tahun 2011 seperti di **Carta 8.2**.

Carta 8.2

Penurunan Bilangan Kes Jenayah Indeks Dan Jenayah Jalanan Di Kawasan Hot Spot

Di Bandar Temerloh Bagi Tempoh 2007 Hingga 2011



Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh

- d. Walaupun pada keseluruhannya statistik jenayah indeks dan jenayah jalanan menunjukkan penurunan, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penurunan adalah disebabkan keberkesan penggunaan CCTV di bandar Temerloh kerana tiada pegawai yang ditugaskan untuk mengendali dan memantau CCTV di MPT. Selain itu, kesemua 5 skrin yang memaparkan rakaman CCTV di IPD Temerloh tidak berfungsi.

Pada pendapat Audit, pengurusan CCTV di MPT adalah tidak memuaskan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan keberkesanannya dalam usaha mengurangkan jenayah kerana tugas pemantauan CCTV tidak dilakukan dan kesemua skrin yang memaparkan rakaman CCTV di IPD Temerloh tidak berfungsi sepenuhnya.

8.4.8. Pemantauan

8.4.8.1. Jawatankuasa Program Bandar Selamat

Selaras dengan arahan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan Program Bandar Selamat secara keseluruhan, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 11 Mei 2010 telah mengarahkan PBT di Negeri Pahang supaya menubuhkan satu pasukan petugas yang terdiri daripada pegawai Jabatan Perancangan Bandar PBT yang akan bertindak sebagai urusetia program di samping penubuhan Jawatankuasa Program Bandar Selamat berkuatkuasa Januari 2011. Keahlian jawatankuasa ini dianggotai oleh PBT, PDRM, JPBD, Persatuan Penduduk dan agensi lain yang berkaitan. Jawatankuasa ini juga akan turut membincangkan status dan langkah pencegahan jenayah mengikut buku Program Bandar Selamat dan kekangan pelaksanaannya. Semakan Audit terhadap pelaksanaan mekanisme pemantauan pelaksanaan langkah pencegahan jenayah melalui CCTV mendapati Jawatankuasa Program Bandar Selamat MPK yang ditubuhkan pada Julai 2010 adalah tidak aktif. Pada tahun 2010, jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali sahaja. Manakala pada tahun 2011 tiada mesyuarat diadakan. Kesannya, laporan pelaksanaan Program Bandar Selamat sebagai agenda tetap perbincangan di mesyuarat bulanan Majlis Penuh tidak dilaporkan.


8.4.8.2. Pemantauan Oleh Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa

Berkuatkuasa Januari 2010, status jenayah dan pelaksanaan Program Bandar Selamat merupakan agenda tetap di mesyuarat bulanan Majlis Penuh. Bagi tujuan rekod serta pemantauan status jenayah dan pelaksanaan Program Bandar Selamat, cabutan minit mesyuarat bulanan tersebut perlu dikemukakan setiap bulan ke Ibu Pejabat Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan JPBD. Semakan Audit di Bahagian Perancangan MPK dan MPT mendapati arahan ini tidak dipatuhi. **Maklum balas daripada MPT bertarikh 10 Februari 2012** memaklumkan tindakan akan diambil untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan berkaitan pemantauan status jenayah dan pelaksanaan Program Bandar Selamat seperti yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pemantauan adalah tidak memuaskan kerana Jawatankuasa Program Bandar Selamat tidak mengadakan mesyuarat seperti yang telah ditetapkan.

8.4.9. Persepsi Orang Awam Terhadap Keberkesanan CCTV


8.4.9.1. Bagi menilai pencapaian dan impak pelaksanaan pemasangan CCTV, borang soal selidik diedarkan untuk mendapat maklum balas orang awam terhadap pemasangan CCTV di sekitar Bandar Kuantan dan Bandar Temerloh. Maklum balas ini digunakan untuk menilai sejauh mana kesedaran awam terhadap kewujudan CCTV, tujuan pemasangan CCTV dalam mencegah jenayah, perasaan selamat orang awam dan penambahbaikan CCTV. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam di Bandar Kuantan dan di Bandar Temerloh. Bagaimanapun, hanya 99 soal selidik iaitu 99% telah dikembalikan. Analisis terhadap maklum balas yang diterima mendapati seramai 73 orang awam atau 73.7% menyatakan pemasangan CCTV adalah berkesan dalam mencegah jenayah. Manakala 25 orang awam atau 25.3% pula menyatakan kurang berkesan dan seorang atau 1% mengatakan tidak berkesan dalam pencegahan jenayah di Bandar Kuantan dan Bandar Temerloh seperti di **Carta 8.3**.



8.4.9.2. Seramai 85 orang awam atau 85.9% menyatakan pemasangan CCTV membuatkan orang awam berasa lebih selamat apabila berada di bandar. Manakala seramai 14 orang awam atau 14.1% menyatakan tidak berasa selamat walaupun dengan pemasangan CCTV di lokasi yang disediakan oleh MPK dan MPT seperti di **Carta 8.4**.

Carta 8.4

CCTV Mewujudkan Perasaan Selamat Di Kalangan Orang Awam



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.4.9.3. Berdasarkan soal selidik tersebut, orang awam di Bandar Kuantan dan Bandar Temerloh mengemukakan pandangan seperti berikut:

- a. Menambah bilangan CCTV di sekitar Bandar Kuantan dan Bandar Temerloh.
- b. Memasang CCTV di kawasan yang gelap dan sunyi seperti di tempat letak kereta atau motor, belakang lorong kedai, kawasan perumahan dan kawasan sekolah.
- c. Memaklumkan atau menyebarkan fungsi CCTV kepada orang awam di sekitar Bandar Kuantan dan Bandar Temerloh.
- d. Memastikan CCTV berfungsi dengan sempurna dan beroperasi 24 jam.
- e. Menggunakan CCTV yang lebih berkualiti atau berteknologi tinggi untuk mengelakkan kesukaran sekiranya ingin melihat rakaman kejadian jenayah yang telah berlaku.
- f. Memastikan pihak berkuasa dapat bertindak dengan cepat dan pantas sekiranya berlaku kejadian jenayah.

Pada pendapat Audit, berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan didapati persepsi orang awam terhadap keberkesanan CCTV adalah memuaskan kerana mereka rasa selamat.

8.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan CCTV di MPK dan MPT perlu dipertingkatkan supaya objektif pelaksanaan pemasangan CCTV di kawasan PBT yang bertujuan membantu menurunkan kadar jenayah dapat dinilai keberkesanannya. Walaupun Program Bandar Selamat diakui menyumbang kepada penurunan kadar jenayah, beberapa aspek penting

seperti perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penyenggaraan perlu dipertingkatkan. Oleh itu, pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah berikut diambil oleh MPK, MPT dan juga PDRM:

- 8.5.1.** Memastikan CCTV di lokasi yang ditetapkan sentiasa berfungsi dengan baik. Bagi tujuan ini, pemantauan yang berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan sistem ini disenggara mengikut jadual yang ditetapkan dan sebarang aduan kerosakan dibaiki segera.
- 8.5.2.** Memastikan satu unit khas ditubuhkan untuk mengendali operasi CCTV di peringkat PBT dan PDRM.
- 8.5.3.** Memastikan satu ruang khas/Bilik Kawalan yang bersesuaian disediakan di MPT, IPD Kuantan dan IPD Temerloh.
- 8.5.4.** Memberikan latihan pengendalian peralatan dan sistem yang digunakan bagi meningkatkan kemahiran kakitangan dan pemindahan kepakaran teknologi daripada pembekal kepada kakitangan MPT, MPK dan PDRM.
- 8.5.5.** Menyediakan Manual Pengguna CCTV yang lebih terperinci khusus untuk PDRM dan PBT yang menjalankan tugas di Pusat Kawalan CCTV.
- 8.5.6.** Pelaporan Program Bandar Selamat perlu menggariskan keperluan penyediaan laporan statistik indeks jenayah berdasarkan lokasi CCTV yang ditempatkan selain melaporkan indeks jenayah secara menyeluruh.
- 8.5.7.** PDRM perlu mewujudkan data indeks jenayah di setiap lokasi CCTV bagi tujuan menilai keberkesanan CCTV.



BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

9. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Agenzi Kerajaan Negeri. Satu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 pindaan 2009 telah diwartakan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengaudit terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengaudit pengurusan syarikat Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd., Rumpun Timur Sdn. Bhd. dan Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd..

SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

10. SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PAHANG SDN. BHD.

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd. (SPIPSB) telah ditubuhkan pada 13 November 1998. SPIPSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pahang dengan modal dibenarkan dan berbayar sepenuhnya berjumlah RM10 juta. Tujuan utama penubuhan SPIPSB ialah menjadi pusat kecemerlangan ilmu dan keterampilan insan. Misi SPIPSB adalah beriltizam meningkatkan kualiti akademik yang mengintegrasikan ilmu Aqli (Akal) dan Naqli (Al-Quran dan Hadis) bagi melahirkan individu yang seimbang, berdaya saing dan bersahsiah melalui budaya pengurusan profesional dan persekitaran yang kondusif.

10.1.2. Aktiviti utama syarikat adalah menguruskan kolej pendidikan swasta yang dinamakan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS). KIPSAS menyediakan kursus-kursus pengajian bertaraf diploma dan profesional dalam pelbagai bidang pengajian. Pengurusan SPIPSB diterajui oleh 2 badan pengurus dikenali sebagai Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengurus. Lembaga Pengarah SPIPSB mempunyai 6 orang ahli dan dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Manakala, Lembaga Pengurus pula mempunyai 7 orang ahli dan dipengerusikan oleh Presiden KIPSAS.

10.1.3. SPIPSB mempunyai sebuah syarikat subsidiari iaitu Anjung KIPSAS Sdn. Bhd. (AKSB) yang menjalankan aktiviti pembekalan dan kontrak pembersihan. Aksb merupakan

syarikat milik penuh SPIPSB dengan modal dibenarkan dan berbayar sepenuhnya berjumlah RM100,000.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti syarikat dan kewangan serta tadbir urus korporat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 hingga 2010. Perbincangan, temu bual dan soal selidik juga diadakan dengan pegawai syarikat dan pelajar. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dibuat terhadap aset dan kemudahan yang disediakan.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2011 mendapati prestasi kewangan syarikat adalah tidak memuaskan kerana SPIPSB mengalami kerugian sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu pengurusan Kolej KIPSAS dan tadbir urus syarikat adalah memuaskan. Prestasi pencapaian akademik pelajar juga adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pengambilan pelajar masih di bawah sasaran.
- Tuggakan yuran yang semakin meningkat.
- Kos pentadbiran yang tinggi menyebabkan peningkatan pada jumlah perbelanjaan sehingga membawa kerugian kepada syarikat.
- Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

10.4.1. Prestasi Kewangan

10.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan beraudit mendapati SPIPSB mengalami kerugian sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Pada tahun 2008, kerugian sebelum cukai SPIPSB adalah berjumlah RM2.15 juta dan menurun kepada RM0.38 juta pada tahun 2009 dan meningkat

kembali menjadi RM0.75 juta pada tahun 2010 sehingga menjadikan kerugian terkumpul syarikat pada 31 Disember 2010 berjumlah RM4.02 juta. Analisis Audit seterusnya mendapati jumlah perbelanjaan syarikat yang tinggi dan meningkat pada setiap tahun berbanding pendapatan yang diterima adalah merupakan faktor yang menyebabkan syarikat mengalami kerugian berterusan. Jumlah perbelanjaan syarikat melebihi pendapatan pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah sebanyak 34.8%, 4.8% dan 9.5% masing-masing.

- b. Pendapatan utama SPIPSB adalah yuran pengajian dan geran daripada Kerajaan Negeri. Pendapatan syarikat pada tahun 2008 adalah berjumlah RM6.19 juta dan meningkat kepada RM7.96 juta pada tahun 2009 dan seterusnya menurun kepada RM7.94 juta pada tahun 2010. Analisis Audit mendapati peningkatan pendapatan sejumlah RM1.77 juta atau 28.6% pada tahun 2009 adalah disebabkan peningkatan ketara bagi pendapatan Yuran Pendaftaran Dan Pengajian pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 iaitu sejumlah RM2.18 juta atau 68.3%. Pihak Audit dimaklumkan peningkatan ketara pendapatan yuran ini adalah disebabkan perubahan pada sistem perakaunan SPIPSB daripada atas tunai kepada atas akruan. Semasa menggunakan sistem perakaunan atas tunai, yuran pendaftaran dan pengajian yang diambil kira adalah jumlah yuran yang diterima sahaja. Manakala, selepas menggunakan atas akruan jumlah yuran yang diambil kira adalah termasuk yuran terakru. Bagaimanapun, pada tahun 2010, pendapatan syarikat didapati menurun sejumlah RM0.02 juta atau 0.3%. Penurunan jumlah pendapatan ini adalah disebabkan penurunan pada pendapatan daripada Yuran Pendaftaran Dan Pengajian, Pelbagai Jualan, Keuntungan Simpanan Tetap Dan Hibah Bank dan Pelbagai Pendapatan sejumlah RM0.54 juta atau 9.7%, berbanding tahun sebelumnya seperti **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1

Analisis Penurunan Jumlah Pendapatan SPIPSB Bagi Tahun Kewangan 2010 Berbanding 2009

Butiran	Tahun		Penurunan (%)
	2009 (RM)	2010 (RM)	
Yuran Pendaftaran Dan Pengajian	5,365,699	4,957,950	-7.6
Pelbagai Jualan	53,653	3,865	-92.8
Keuntungan Simpanan Tetap dan Hibah Bank	48,380	8,662	-82.1
Pelbagai Pendapatan	60,822	19,215	-68.4
Jumlah	5,528,554	4,989,692	-9.7

Sumber: Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.

- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan SPIPSB pula mendapati peningkatan jumlah perbelanjaan pada tahun 2009 berbanding 2008 hanyalah RM5,564 atau 0.1% sahaja daripada keseluruhan perbelanjaan yang berjumlah RM8.34 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2010 perbelanjaan syarikat telah meningkat sejumlah RM0.35 juta atau 4.2% menjadi RM8.69 juta. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan SPIPSB pada tahun 2010 ini adalah peningkatan dalam Perbelanjaan Hari Konvokesyen iaitu sejumlah RM203,288 atau 184%.


Konvokesyen bagi pelajar tahun 2009 yang sepatutnya diadakan pada 4 Ogos 2009 ditangguhkan dan dibuat bersekali dengan konvokesyen pelajar tahun 2010. Keadaan ini berlaku kerana SPIPSB telah diberi notis perintah tutup premis selama 8 hari mulai 1 hingga 8 Ogos 2009 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kesan daripada penularan virus H1N1. Selain itu, peningkatan jumlah perbelanjaan ini juga adalah disebabkan peningkatan bagi perbelanjaan penyenggaraan kenderaan sejumlah RM39,878 atau 83%, sumbangan kebajikan pekerja sejumlah RM31,043 atau 41.9% dan bekalan am sejumlah RM46,591 atau 167.9%. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi SPIPSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 10.2, Carta 10.1** dan **Carta 10.2**.

Jadual 10.2
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi SPIPSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Utama:			
Yuran Pendaftaran dan Pengajian	3.19	5.36	4.96
Sumbangan Kerajaan Negeri	2.02	2.00	2.15
Perbelanjaan Operasi	2.91	2.97	3.07
Untung Kasar	2.30	4.39	4.04
Pendapatan Lain	0.98	0.60	0.83
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	5.43	5.37	5.62
Untung/Rugi Operasi	-2.15	-0.38	-0.75
Kos Kewangan	0.0006	0.004	0.0007
Untung/Rugi Sebelum Cukai	-2.15	-0.38	-0.75
Cukai	-	0.012	-
Untung/Rugi Bersih	-2.15	-0.39	-0.75
Untung/(Rugi) Terkumpul	-2.87	-3.26	-4.02


Sumber: Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.

Carta 10.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai
Dan Keuntungan/Kerugian Terkumpul SPIPSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.

Carta 10.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan SPIPSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.

10.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat dengan lebih jelas beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan SPIPSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3

Analisis Nisbah Kewangan SPIPSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun		
		2008	2009	2010
1.	Nisbah Semasa	8.24:1	8.87:1	3.70:1
2.	Margin Untung Bersih	(57%)	(7%)	(13%)
3.	Pulangan Atas Aset	(0.27):1	(0.05):1	(0.10):1
4.	Pulangan Atas Ekuiti	(0.22):1	(0.04):1	(0.08):1

Sumber: Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar kecairan SPIPSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah antara 3.70 hingga 8.87 kali. Nisbah Semasa yang lebih daripada 2 bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 menunjukkan SPIPSB berupaya untuk menanggung keseluruhan liabiliti semasanya. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati nisbah semasa yang tinggi tersebut adalah disebabkan jumlah penghutang perniagaan yang tinggi. Penyumbang tertinggi kepada jumlah penghutang ini adalah tunggakan yuran pelajar.

b. Margin Keuntungan

- i. Margin Keuntungan digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit terhadap margin keuntungan SPIPSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 menunjukkan SPIPSB mengalami kerugian pada kadar 57%, 7% dan 13% masing-masing. Margin keuntungan ini menunjukkan kecekapan syarikat dalam menjana keuntungan adalah lemah.
- ii. **Maklum balas daripada SPIPSB bertarikh 20 Mac 2012 menjelaskan, Laporan Kewangan menunjukkan SPIPSB telah mengalami kerugian sejak tahun 2006. Ia berlaku disebabkan oleh pengurangan geran pemberian**

Kerajaan Negeri dengan mendadak daripada RM3.5 juta kepada RM1.5 juta pada tahun 2006. Pengurangan ini berlaku sehingga tahun 2010. Sepanjang tempoh tersebut syarikat terpaksa menggunakan semua wang simpanan yang ada bagi menampung keseluruhan perbelanjaan yang terlibat. Pendapatan utama syarikat adalah bergantung kepada yuran pengajian dan beberapa sumber utama yang lain seperti sewaan kemudahan, pelbagai jualan, hibah dan keuntungan simpanan tetap.

c. Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati pada tahun 2008 hingga 2010 syarikat telah mengalami kerugian berjumlah 27 sen, 5 sen dan 10 sen masing-masing bagi setiap ringgit aset yang diguna. Nisbah ini menunjukkan SPIPSB kurang cekap menguruskan asetnya bagi menjana keuntungan.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Analisis Audit terhadap nisbah Pulangan Atas Ekuiti SPIPSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah kurang memuaskan. Bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 syarikat mengalami kerugian berjumlah 22 sen, 4 sen dan 8 sen masing-masing bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Keadaan ini menunjukkan SPIPSB tidak cekap menggunakan ekuitinya bagi menjana keuntungan kepada syarikat.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SPIPSB adalah tidak memuaskan. Syarikat mengalami kerugian sejak tahun 2007 sehingga kerugian terkumpul syarikat menjadi RM4.02 juta pada 31 Disember 2010. Sehubungan itu, SPIPSB perlu memantapkan operasinya dengan meningkatkan jumlah pendapatan bagi menampung perbelanjaan syarikat yang semakin meningkat.

10.4.2. Pengurusan Aktiviti


Aktiviti utama SPIPSB adalah menguruskan kolej KIPSAS. Sebagai sebuah kolej pendidikan swasta yang berasaskan agama Islam, KIPSAS telah melaksanakan program pendidikan dengan menawarkan program pengajian dalam pelbagai bidang bagi melahirkan graduan

cemerlang dalam bidang akademik dan agama. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama syarikat mendapati perkara seperti berikut:

10.4.2.1. Program Pengajian Yang Ditawarkan

- a. KIPSAS merupakan institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan program pengajian pada peringkat diploma dalam 3 sekolah iaitu Sekolah Pengajian Islam, Sekolah Teknologi Maklumat Dan Komunikasi serta Sekolah Pengajian Pengurusan. Dalam 3 sekolah berkenaan terdapat 13 program diploma yang ditawarkan di KIPSAS iaitu Diploma Bahasa Arab Dan Tamadun Islam, Bahasa Arab Komunikasi, Dakwah Dan Pengurusan, Pengajian Media Islam, Syariah Dan Undang-undang, Pengurusan Muamalat, Pembangunan Perisian (Internet Dan Multimedia), Teknologi Maklumat Dan Rangkaian, Perakaunan, Kewangan Dan Perbankan, Pengurusan Kewangan Islam, Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Pemasaran. KIPSAS turut menawarkan program pengajian profesional iaitu *Certified Accounting Technician* (CAT). Program CAT ini baru sahaja diperkenalkan oleh KIPSAS dan masih belum membuat pengambilan pelajar. Tempoh pengajian bagi CAT adalah selama 2 tahun iaitu 4 semester dengan yuran berjumlah RM14,900. Pada tahun 2011, KIPSAS giat berusaha untuk mengadakan program usahasama dengan beberapa universiti seperti USIM, UMT, USM dan Kolej Universiti Insaniah bagi menjalankan program ijazah mereka di KIPSAS dan dijangka satu program ijazah akan ditawarkan pada bulan September 2012.
- b. Sebagai pusat pengajian Islam, KIPSAS telah mewajibkan semua program diploma mempunyai subjek agama seperti Bahasa Arab, Tahfiz, Akidah Islam, Fiqh Ibadah, Halaqah dan Usrah. Ia adalah selaras dengan objektif SPIPSB untuk menjadi pusat kecemerlangan ilmu yang unggul di Negeri Pahang yang menggabungkan secara bersepadu antara ilmu agama dengan bidang ilmu yang lain.
- c. Kursus-kursus yang ditawarkan di KIPSAS telah mendapat pengiktirafan akreditasi sepenuhnya daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) kecuali bagi 4 program pengajian iaitu Diploma Bahasa Arab Komunikasi, Diploma Pengurusan Muamalat, Diploma Pengajian Media Islam dan CAT yang masih dalam proses untuk mendapat pengiktirafan akreditasi sepenuhnya.
- d. Semakan Audit mendapati pada 5 Disember 2011, jumlah pelajar di KIPSAS adalah seramai 1,041 orang. Pecahan bilangan pelajar mengikut Program Pengajian adalah seperti di **Carta 10.3**.

Carta 10.3
Pecahan Bilangan Pelajar KIPSAS Mengikut Program Pengajian Pada Disember 2011



Sumber: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

10.4.2.2. Sasaran Kemasukan Pelajar

- Analisis Audit terhadap bilangan pelajar KIPSAS mendapati berlaku peningkatan pada bilangan pelajar yang mendaftar pada tahun 2010 tetapi masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 16.6% hingga 23.8% bagi tempoh 2009 hingga 2011. KIPSAS perlu meningkatkan usaha bagi menarik lebih ramai pelajar agar bebanan kewangan SPIPSB dapat dikurangkan dan segala kemudahan dapat digunakan dengan semaksimumnya. Bilangan pelajar yang disasarkan dan mendaftar di KIPSAS pada tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Jumlah Pelajar Yang Disasarkan Dan Mendaftar Di KIPSAS Pada Tahun 2009 Hingga 2011

Bilangan Pelajar	Tahun		
	2009	2010	2011
Disasarkan	525	525	525
Mendaftar	407	438	400
Perbezaan	118	87	125
Tidak Mencapai Sasaran (%)	22.5	16.6	23.8

Sumber: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

- Semakan Audit terhadap penyertaan pelajar yang mengikuti pengajian di KIPSAS adalah seperti **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Pecahan Bilangan Pelajar Mengikut Program Pengajian
Di KIPSAS Pada 5 Disember 2011

Bil.	Program Pengajian	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
1.	Syariah Dan Undang-Undang	368	35.4
2.	Dakwah Dan Pengurusan	248	23.8
3.	Kewangan Islam	68	6.5
4.	Kewangan Dan Perbankan	65	6.2
5.	Internet Dan Multimedia	56	5.4
6.	Pengajian Perniagaan	53	5.1
7.	Perakaunan	52	5.0
8.	Bahasa Arab Dan Tamadun Islam	40	3.8
9.	Pengajian Media Islam	37	3.5
10.	Pengurusan Muamalat	24	2.3
11.	Pengurusan Pemasaran	15	1.4
12.	Bahasa Arab Komunikasi	8	0.8
13.	Teknologi Maklumat Dan Rangkaian	7	0.7
Jumlah		1,041	100.0

Sumber: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

- c. Analisis Audit mendapati program yang mempunyai kemasukan pelajar paling tinggi adalah Diploma Syariah Dan Undang-undang iaitu seramai 368 daripada 1,041 orang pelajar atau 35.4%, diikuti Diploma Dakwah Dan Pengurusan iaitu seramai 248 orang pelajar atau 23.8%. Manakala program yang paling kurang mendapat sambutan di KIPSAS adalah Diploma Teknologi Rangkaian iaitu seramai 7 orang pelajar atau 0.7% dan Diploma Bahasa Arab Komunikasi iaitu seramai 8 orang pelajar atau 0.8%.
- d. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009 hingga 2011, SPIPSB telah membelanjakan sejumlah RM487,877 untuk perbelanjaan promosi dalam pelbagai bentuk seperti menggantung *banner*, mengedar risalah dan Surat Tawaran Bersyarat, mengadakan pameran pendidikan, mengikut *roadshow* pendidikan anjuran pihak kerajaan dan swasta seperti MARA, Yayasan Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah, Essence Group Sdn. Bhd. dan Rozad Creative. Selain itu, pihak KIPSAS juga turut memberi ceramah kerjaya dan pendidikan di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak, Felda Wilayah Pantai Timur serta di Sekolah Agama Negeri Pahang, Johor, Kedah, Kelantan, dan Terengganu. KIPSAS turut mengadakan promosi melalui laman sesawang, akhbar, radio tempatan dan radio Sabah. Pelantikan wakil dalaman di kalangan pelajar dan kakitangan turut dibuat dengan memberi imbuhan RM100 kepada setiap wakil yang berdaftar di mana mereka perlu mendapatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar. Walaupun, SPIPSB giat menjalankan promosi namun bilangan pelajar yang disasar masih belum mampu dicapai sepenuhnya.
- e. **Maklum balas daripada SPIPSB bertarikh 20 Mac 2012 menjelaskan, setiap tahun KIPSAS telah melipat gandakan usaha promosi untuk mendapatkan pelajar yang lebih ramai, malah perbelanjaan bagi tujuan promosi juga meningkat setiap tahun. KIPSAS sememangnya perlu aktiviti promosi kerana pelajar merupakan sumber utama yang boleh membantu meningkatkan**

pendapatan KIPSAS dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, persaingan bagi mendapatkan pelajar ketika ini sangat sengit lebih-lebih lagi banyak IPT tanggungan kerajaan yang menawarkan program peringkat Diploma secara percuma seperti Kolej Komuniti dan Kolej Kemahiran MARA.

10.4.2.3. Prestasi Pelajar KIPSAS

- a. Kecemerlangan sesebuah kolej boleh diukur berdasarkan prestasi pencapaian akademik oleh pelajar. Semakan Audit terhadap bilangan pelajar yang mendaftar masuk, lulus dan tamat pengajian di KIPSAS bagi 3 sesi pengajian adalah seperti **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6

Perbandingan Antara Bilangan Pelajar Masuk, Lulus Dan Berhenti/Tangguh/*Extend*/Gagal Bagi 3 Sesi Pengajian

Sesi Pengajian	Bilangan Pelajar		
	Mendaftar	Lulus	Berhenti/Tangguh/ <i>Extend</i> /Gagal
2006 - 2009	538	376	162
2007 - 2010	524	265	259
2008 - 2011	417	243	174
Jumlah	1,479	884	595

Sumber: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

- b. Analisis Audit terhadap bilangan pelajar yang lulus dan tamat pengajian mengikut tempoh pengajian yang sepatutnya berbanding pelajar yang mendaftar bagi 3 sesi pengajian KIPSAS mendapati, secara keseluruhannya 60% daripada pelajar adalah lulus mengikut tempoh pengajian sebenar. Manakala, bakinya iaitu 40% adalah pelajar yang berada dalam kategori berhenti, tangguh, *extend* dan gagal. Keadaan ini menunjukkan lebih daripada 50% pelajar KIPSAS berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- c. Semakan Audit terhadap prestasi pencapaian pelajar berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) pada tahun 2009 dan 2010 pula adalah seperti **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7

Prestasi Pencapaian Pelajar KIPSAS Mengikut CGPA Pada Tahun 2009 Dan 2010

Sesi	Bil. Pelajar	CGPA							
		Kurang 2.00 Gagal		2.00-2.66 Lulus		2.67-3.66 Kepujian		≥ 3.67 Cemerlang	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Julai 2009	968	143	14.8	185	19.1	515	53.2	125	12.9
Disember 2009	764	106	13.9	212	27.7	369	48.3	77	10.1
Julai 2010	967	167	17.3	257	26.6	457	47.3	86	8.9
Disember 2010	980	111	11.3	195	19.9	439	44.8	235	24

Sumber: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

- d. Analisis Audit mendapati daripada 968 dan 764 pelajar yang menduduki peperiksaan bagi 2 sesi pengajian tahun 2009, 12.9% dan 10.1% pelajar memperoleh CGPA 3.67 dan ke atas. Manakala 53.2% dan 48.3% pelajar mendapat CGPA antara 2.67 hingga 3.66 serta 19.1% dan 27.7% pelajar mendapat CGPA antara 2.00 hingga 2.66. Selain itu, terdapat juga pelajar yang gagal iaitu pelajar yang memperoleh CGPA di bawah 2.00 sebanyak 14.8% dan 13.9%. Analisis Audit terhadap prestasi pencapaian pelajar bagi 2 sesi pengajian bagi tahun 2010 pula mendapati 8.9% dan 24% pelajar memperoleh CGPA 3.67 dan ke atas. Manakala sebanyak 47.3% dan 44.8% pelajar yang memperoleh CGPA antara 2.67 hingga 3.66 serta 26.6% dan 19.9% pelajar yang memperoleh CGPA antara 2.00 hingga 2.66. Pelajar yang gagal adalah sebanyak 17.3% dan 11.3% dengan memperoleh CGPA di bawah 2.00. Analisis ini menunjukkan prestasi pelajar KIPSAS berdasarkan CGPA bagi tahun 2009 dan 2010 adalah memuaskan kerana lebih 50% pelajar memperoleh CGPA sekurang-kurangnya 2.67 dan peratus pelajar yang gagal hanya antara 11.3% hingga 17.3% sahaja.

10.4.2.4. Kemudahan Dan Infrastruktur

- a. Kemudahan prasarana yang lengkap serta moden bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang bersesuaian dengan program yang diambil. adalah antara kriteria utama bagi sesebuah IPTS untuk menarik lebih ramai pelajar baru. Semakan Audit mendapati KIPSAS ada menyediakan kemudahan kepada pelajar bagi memudahkan proses pembelajaran seperti asrama penginapan, perpustakaan, makmal komputer, makmal bahasa, dewan/bilik kuliah/tutorial, kemudahan sukan dan Internet. Semakan lanjut terhadap kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

i. Asrama Penginapan

Semakan Audit mendapati hampir kesemua pelajar KIPSAS tinggal di asrama. KIPSAS menyediakan 3 blok asrama bagi pelajar perempuan iaitu Blok Sakinah, Blok Iffah dan Blok Mithaliah. Setiap blok boleh menempatkan sehingga 200 orang pelajar. Bagi pelajar lelaki pula, satu blok iaitu Blok Nazafah, satu bangunan apartmen 4 tingkat iaitu Kediaman Mahabbah dan satu bangunan *dorm* disediakan. Blok Nazafah memuatkan 200 orang pelajar, manakala apartmen di Kediaman Mahabbah boleh didiami oleh 10 orang pelajar. *Dorm* pula mempunyai 16 bilik yang mana setiap bilik didiami oleh 10 orang pelajar. Kadar yuran penginapan yang dikenakan kepada pelajar adalah RM600 bagi satu semester. Keadaan asrama pelajar adalah memuaskan seperti **Gambar 10.1** hingga **Gambar 10.4**.

Gambar 10.1
Kediaman Mahabbah (Apartmen 4 Tingkat)
Bagi Pelajar Lelaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.2
Bangunan Dorm
Bagi Pelajar Lelaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.3
Bilik Pelajar Wanita Di Blok Sakinah
Yang Menempatkan 4 Orang Pelajar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.4
Kemudahan Mesin Basuh Dan Air Mineral
Yang Terdapat Di Blok Sakinah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

ii. Dewan/Bilik Kuliah/Bilik Tutorial

Semakan Audit mendapati KIPSAS ada menyediakan sebuah Dewan Serbaguna yang boleh memuatkan 1,300 orang pada satu-satu masa. Selain digunakan oleh pelajar, dewan tersebut turut disewakan kepada pihak luar dengan kadar RM2,500 sehari. Di samping itu, KIPSAS turut menyediakan 2 buah Dewan Kuliah di bangunan lama dan 4 buah Dewan Kuliah di bangunan baru yang mula digunakan sejak April 2011. Kesemua dewan kuliah ini boleh menempatkan antara 100 hingga 150 orang pelajar. Lawatan Audit mendapati KIPSAS telah menyediakan bilik tutorial yang mencukupi bagi kemudahan pensyarah dan pelajarnya. Kesemua kemudahan ini berada dalam keadaan baik seperti **Gambar 10.5** hingga **Gambar 10.8**.

Gambar 10.5
Dewan Serbaguna KIPSAS Yang Turut Disewakan Kepada Pihak Luar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.6
Dewan Kuliah Yang Boleh Memuatkan 100 Hingga 150 Orang Pelajar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.7
Bilik Kuliah Yang Boleh Memuatkan 50 Hingga 70 Orang Pelajar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.8
Bilik Tutorial Yang Boleh Memuatkan 20 Hingga 30 Orang Pelajar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

iii. Perpustakaan, Makmal Komputer Dan Makmal Bahasa

Semakan Audit mendapati KIPSAS ada menyediakan sebuah perpustakaan yang berfungsi menyokong program pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Perpustakaan ini ditempatkan di blok bangunan baru yang digunakan mulai April 2011. Makmal Bahasa dan Makmal Komputer turut disediakan oleh KIPSAS khususnya bagi pelajar Sekolah Teknologi Maklumat dan Pengajian Bahasa Arab Dan Komunikasi. Semua kemudahan yang disediakan ini berada dalam keadaan baik dan membantu pelajar seperti **Gambar 10.9** hingga **Gambar 10.12**.

Gambar 10.9
Perpustakaan KIPSAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.10
Komputer Untuk Mengakses Sistem Di Perpustakaan Bagi Mencari Buku



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.11
Makmal Komputer Bagi Pelajar Sekolah Teknologi Maklumat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.12
Makmal Bahasa Bagi Pelajar Pengajian Bahasa Arab Dan Komunikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

iv. Kemudahan Sukan Dan Internet

Bagi membina sahsiah dan fizikal yang sihat di kalangan pelajar, beberapa kemudahan sukan dan rekreasi telah disediakan oleh KIPSAS. Semakan Audit mendapati kemudahan tersebut turut disediakan seperti **Gambar 10.13** dan **Gambar 10.14**. Selain itu, kemudahan Internet dengan menggunakan teknologi tanpa wayar turut disediakan oleh KIPSAS secara percuma yang boleh diakses oleh pelajar di semua tempat di dalam kawasan KIPSAS.

Gambar 10.13
Padang Bola KIPSAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 10.14
Gelanggang Sepak Takraw KIPSAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KIPSAS
Tarikh: 8 Disember 2011

10.4.2.5. Tunggakan Yuran Pelajar

- a. Setiap pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma di KIPSAS dikenakan yuran yang berbeza mengikut program yang diambil. Yuran yang dikenakan adalah antara RM14,510 hingga RM16,180 bagi program Diploma. Yuran ini juga adalah kompetitif jika dibandingkan dengan beberapa kolej swasta setaraf yang lain. Analisis Audit mendapati yuran merupakan penyumbang terbesar kepada keseluruhan pendapatan SPIPSB. Pada tahun 2009 dan 2010, pendapatan daripada Yuran Pendaftaran Dan Pengajian adalah berjumlah RM5.37 juta dan RM4.96 juta masing-masing.

- b. Sebagai sebuah IPTS yang memperoleh hasil daripada bayaran yuran pelajar, sistem kutipan yuran merupakan aspek utama yang perlu diberi perhatian. Semakan Audit mendapati baki yuran yang belum dikutip oleh SPIPSB pada 31 Disember 2009 dan 2010 adalah berjumlah RM2.24 juta dan RM3.56 juta masing-masing. Analisis Audit terhadap baki penghutang yuran pada 31 Disember 2010, mendapati tunggakan yuran yang melebihi tempoh 4 tahun adalah berjumlah RM0.1 juta. Manakala, tunggakan yuran bagi tempoh satu hingga 3 tahun adalah berjumlah RM1.75 juta. Semakan Audit juga mendapati pada tahun 2009, sejumlah RM0.24 juta baki tunggakan yuran pelajar dari tahun 1997 hingga 2003 telah dihapus kira selepas diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-39 pada 4 Disember 2009. Tunggakan yuran mengikut jenis program sehingga tahun 2010 adalah seperti Jadual 10.8.

Jadual 10.8**Tunggakan Yuran Mengikut Jenis Program Sehingga Akhir Tahun 2010**

Jenis Program/Diploma	Tunggakan Kurang 1 Tahun (RM)	Tunggakan 1 hingga 3 Tahun (RM)	Tunggakan Lebih 4 Tahun (RM)
Teknologi Maklumat	-	40,934	7,534
Internet Dan Multimedia	184,085	110,799	45,241
Bahasa Arab Tamadun Islam	54,000	76,808	465
Dakwah Pengurusan	368,830	470,100	11,406
Syariah Dan Undang-undang	515,306	742,923	9,280
Media Islam	70,415	-	-
Pengurusan Muamalat	50,280	-	-
Perakaunan	84,140	56,309	13,622
Pengajian Perniagaan	96,865	68,593	10,608
Kewangan Dan Perbankan	68,455	104,516	1,032
Pengurusan Pemasaran	46,063	30,360	-
Kewangan Islam	162,366	54,170	-
Jumlah	1,700,805	1,755,512	99,188

Sumber: Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.

- c. Pihak Audit mendapati faktor utama tunggakan yuran pelajar ini adalah disebabkan tiada polisi atau peraturan khusus berkaitan kutipan yuran tertunggak. Tambahan pula, sebahagian besar pelajar adalah berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Selain itu, yuran pengajian bagi pelajar yang gagal iaitu yang mendapat CGPA di bawah 2.00 yang tidak dibayar oleh penaja juga menjadi faktor kepada tunggakan yuran ini. Pihak Audit juga mendapati SPIPSB masih belum mengambil tindakan mahkamah memandangkan kos guaman yang tinggi. Bagaimanapun, SPIPSB telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menghantar notis tunggakan yuran kepada waris pelajar terbabit. **Maklum balas daripada SPIPSB bertarikh 20 Mac 2012** menjelaskan, hampir keseluruhan tunggakan yuran pelajar adalah merupakan tunggakan yuran bagi pelajar semasa atau pelajar yang masih menuntut di KIPSAS. Ia bermaksud tunggakan ini masih boleh dikutip daripada pelajar melalui penaja masing-masing seperti PTPTN, MARA dan Yayasan Pahang. Kebanyakan kes tunggakan ini terjadi disebabkan oleh pelajar yang gagal dalam peperiksaan, yang mana sekiranya pelajar gagal dalam peperiksaan, pinjaman mereka akan ditahan bagi semester berikutnya.

10.4.2.6. Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkelayakan merupakan modal insan terpenting dalam meningkatkan kecemerlangan sesebuah IPTS. Dasar Kerajaan yang menetapkan bahawa setiap pensyarah di IPTS dimestikan mempunyai kelayakan yang lebih tinggi daripada pelajar mereka iaitu sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda bagi program Diploma. Selain itu, nisbah pensyarah dengan pelajar juga perlu bersesuaian bagi menjamin kualiti pengajian yang ditawarkan dan hendaklah setara dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011, bilangan pensyarah KIPSAS adalah seramai 66 orang dan 30 orang daripadanya memiliki Ijazah

Sarjana, manakala selebihnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda. Analisis Audit mendapati sehingga Julai 2011, jumlah pelajar KIPSAS adalah seramai 988 orang dan nisbah seorang pensyarah berbanding pelajar adalah 1:15. Analisis ini menunjukkan nisbah antara pelajar dan pensyarah adalah menepati syarat yang ditetapkan oleh MQA.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti SPIPSB iaitu pengurusan KIPSAS telah dilaksanakan dengan baik. Program pengajian yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan pasaran semasa dan kadar yuran yang berpatutan. Prestasi pencapaian pelajar juga adalah baik. Bagaimanapun, tindakan segera perlu diambil bagi mengutip tunggakan yuran yang semakin meningkat.

10.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, SPIPSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia (pemakaianya telah dipersetujui semasa Persidangan Menteri-menteri Besar Dan Ketua-ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993) serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara lain kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah, had pembayaran elauan Ahli Lembaga Pengarah, pembayaran dividen, pembayaran bonus dan sebagainya. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SPIPSB mendapati perkara seperti berikut:

10.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

- a.** Garis Panduan Dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. Ia bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian syarikat serta dijadikan asas rujukan pegawai. SOP juga bertujuan menyokong pencapaian matlamat penubuhan syarikat kerana ia memberi penjelasan terhadap prosedur dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Garis panduan yang telah dikeluarkan itu hendaklah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Polisi serta prosedur syarikat yang telah diwujudkan hendaklah sentiasa disemak dan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan ia masih relevan diguna pakai. Setiap pekerja Syarikat hendaklah dimaklumkan akan kewujudan SOP dan diberi sesalinan bertujuan memastikan pematuhan terhadap perundangan, peraturan, standard dan polisi. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan syarikat melaksanakan dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang sempurna yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi menguruskan pendapatan dan perbelanjaan serta aset termasuk tunai, stok, pelaburan dan penghutang.
- b.** Semakan Audit mendapati SPIPSB ada menyediakan garis panduan berkaitan kewangan dan perakaunan yang dinamakan Perintah Dan Peraturan Kewangan

meliputi prosedur kewangan, prosedur perakaunan, prosedur perolehan dan prosedur kehilangan. Selain itu, SPIPSB juga ada menyediakan garis panduan berkaitan perkhidmatan yang dinamakan Perintah Dan Peraturan Perkhidmatan.

10.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat secara berkala mengikut ketetapan. Perenggan 52(ii) Memorandum Dan Artikel Penubuhan SPIPSB menghendaki Lembaga Pengarah bermesyuarat sekali bagi setiap 3 bulan dan tidak boleh melebihi tempoh 3 bulan dari tarikh mesyuarat terakhir. Semakan Audit mendapati bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah SPIPSB tidak mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2009 Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sebanyak 2 kali dan melebihi tempoh 3 bulan. Manakala pada tahun 2010 dan 2011 mesyuarat hanya diadakan sekali sahaja dalam tempoh setahun. Semakan lanjut Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah tersebut mendapati agenda yang dibincangkan ada mengambil kira perkara berkaitan laporan status kolej, laporan kewangan, hal berkaitan pelajar dan hal-hal lain berkaitan syarikat. **Maklum balas daripada SPIPSB bertarikh 20 Mac 2012 menjelaskan, mesyuarat tidak dapat diadakan seperti yang dijadualkan kerana kesukaran mendapatkan tarikh yang membolehkan semua ahli hadir pada tarikh yang ditetapkan.**

10.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan. Antara fungsinya adalah untuk memastikan keutuhan kawalan dalam syarikat, mengesan kelemahan pengurusan syarikat dan mengeluarkan garis panduan untuk pembetulan dan penambahbaikan. Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ini mestilah terdiri daripada pihak pengurusan dan ahli luar. Peranan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 antara lain adalah termasuk menyemak aktiviti Audit Dalam. Pihak Audit mendapati sehingga akhir tahun 2011, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam (UAD) belum lagi ditubuhkan. Oleh itu, SPIPSB belum pernah diaudit oleh mana-mana pihak termasuk oleh Audit Dalaman Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Pihak SPIPSB wajar mendapat khidmat juruaudit daripada UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

10.4.3.4. Pembayaran Bonus

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan

operasi yang munasabah sebelum cukai. Cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. Semakan Audit mendapati bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 SPIPSB tidak membuat sebarang pembayaran bonus kerana mengalami kerugian.

10.4.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 (Dasar Dan Garis Panduan Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Kerajaan) ada menetapkan mengenai pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat kepada Kerajaan/Agenzi Kerajaan sebagai pulangan kepada pelaburan. Pada tahun 2008, 2009 dan 2010 syarikat mengalami kerugian berjumlah RM2.15 juta, RM0.57 juta dan RM0.75 juta masing-masing. Sehubungan itu, tiada pembayaran dividen yang dibuat.

10.4.3.6. Pengurusan Syarikat Subsidiari

- a. SPIPSB memiliki sebuah syarikat subsidiari yang dinamakan Anjung KIPSAS Sdn. Bhd. (AKSB) yang ditubuhkan pada tahun 2006 dengan pelaburannya berjumlah RM100,000. Objektif utama penubuhan Aksb adalah bagi menjana keuntungan kepada syarikat melalui perniagaan serta dapat menyalurkan bantuan kewangan kepada SPIPSB. Selain itu, Aksb juga ditubuhkan bagi mewujudkan peluang pekerjaan khususnya kepada graduan lepasan KIPSAS.
- b. Aksb diterajui oleh 4 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Presiden KIPSAS. Semakan Audit mendapati kesemua Ahli Lembaga Pengarah Aksb adalah terdiri daripada pihak pengurusan SPIPSB dan tiada keanggotaan luar. Ahli Lembaga Pengarah Aksb telah dibayar elaut mesyuarat tahunan sejumlah RM1,000 bagi pengurus dan RM600 bagi ahli lain.
- c. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Aksb adalah pembersihan dan penyenggaraan kawasan, penyewaan premis, penganjuran kursus/latihan dan seminar, pendidikan awal kanak-kanak serta kedai runcit. Bagi tahun kewangan 2008 dan 2010, Aksb memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM91,174 dan RM181,645 masing-masing. Manakala bagi tahun kewangan 2009, Aksb mengalami kerugian sejumlah RM93,988. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada pembayaran dividen yang dibuat kepada SPIPSB pada tahun 2008 dan 2010 sebagai pulangan kepada pelaburan. **Maklum balas daripada SPIPSB bertarikh 20 Mac 2012 menjelaskan, Aksb akan mengusahakan pembayaran dividen kepada SPIPSB pada tahun 2012.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus syarikat telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, didapati tiada sebarang pulangan yang diperoleh melalui pelaburannya dalam syarikat subsidiari walaupun syarikat memperoleh keuntungan.

10.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif utama SPIPSB iaitu melahirkan modal insan yang mempunyai kecermerlangan ilmu dan keterampilan insan serta mengintegrasikan ilmu Aqli dan Naqli dapat dicapai, adalah disyorkan SPIPSB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

10.5.1. Mempertingkatkan usaha bagi menambah pendapatan syarikat daripada pelbagai sumber pendapatan.

10.5.2. Memperkemas sistem kutipan yuran bagi mengelak tunggakan yuran yang boleh membawa kerugian kepada syarikat.

10.5.3. Memantapkan pengurusan syarikat dan kolej dengan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengurus secara berkala seperti yang ditetapkan.

10.5.4. Memperhebat promosi terutama kepada pelajar tahun akhir persekolahan bagi mencapai sasaran pelajar yang ditetapkan seterusnya meningkatkan jumlah pendapatan syarikat.

10.5.5. Memantau perjalanan syarikat subsidiari bagi memastikan syarikat memperoleh keuntungan dan SPIPSB memperoleh pulangan balik daripada pelaburan yang dibuat.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

11. RUMPUN TIMUR SDN. BHD.

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Rumpun Timur Sdn. Bhd. (RTSB) adalah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang ditubuhkan pada 16 April 1998 dengan modal berbayar berjumlah RM100,000. Sehingga Disember 2011, modal dibenarkan RTSB berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM1.1 juta yang dimiliki sepenuhnya oleh PKNP. RTSB telah menceburkan diri di dalam sektor *agri-business* iaitu akuakultur, penternakan dan pertanian. RTSB juga berperanan sebagai syarikat pengurusan dan kesetiausahaan kepada PKNP dan syarikat subsidiari di bawahnya.

11.1.2. Objektif RTSB adalah untuk terlibat secara aktif dalam pengurusan dan operasi bidang komersial yang diceburi bukan setakat sebagai pengeluar tetapi turut melibatkan diri di dalam aktiviti berkaitan seperti pemprosesan, bekalan input dan pemasaran.

11.1.3. RTSB diterajui oleh 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pihak pengurusan PKNP manakala pengurusan syarikat ini adalah di bawah tanggungjawab Pengurus. RTSB mempunyai 3 buah syarikat subsidiari yang masih aktif iaitu RT-Biofarm Sdn. Bhd., PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd. dan RT Development & Engineering Sdn. Bhd..

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti syarikat dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2009 hingga 2011. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama serta tadbir urus korporat syarikat. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal serta lawatan turut dibuat terhadap aset, aktiviti syarikat dan kemudahan yang disediakan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya objektif penubuhan RTSB telah tercapai. Manakala prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti RTSB adalah memuaskan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Garis panduan dan prosedur kerja masih belum diperakui oleh Lembaga Pengarah.
- Cadangan pembayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar.
- Perolehan melebihi RM500,000 tidak dibuat secara tender.

11.4.1. Prestasi Kewangan

11.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan RTSB bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2010 mendapati prestasi kewangan RTSB adalah memuaskan di mana RTSB mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2008 berjumlah RM0.11 juta. Pada tahun 2009 dan 2010 RTSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.07 juta dan RM1.85 juta masing-masing, manakala keuntungan terkumpul RTSB pada 31 Disember 2010 berjumlah RM1.83 juta. RTSB mencatatkan kerugian kasar bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM0.14 juta pada tahun 2008, RM0.15 juta pada tahun 2009 dan RM0.10 juta pada tahun 2010. Walaupun pendapatan kendalian lain RTSB pada tahun 2008 berjumlah RM1.06 juta, RTSB masih mencatatkan kerugian sebelum cukai kerana tidak dapat menampung kerugian kasar dan lain-lain belanja kendalian. Pada tahun 2009 dan 2010 pula, RTSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai kerana memperoleh pendapatan kendalian lain yang lebih tinggi berbanding tahun 2008 berjumlah RM1.25 juta dan RM3.20 juta masing-masing.
- b. Pendapatan RTSB terdiri daripada 2 komponen iaitu pendapatan dan pendapatan kendalian lain. Pendapatan merangkumi hasil jualan ternakan seperti udang, ikan siakap dan ayam kampung. Pendapatan kendalian lain pula terdiri daripada dividen saham, faedah diterima, insentif udang, keuntungan daripada jualan saham, pendapatan caj pengurusan udang, sewa kolam, pendapatan usahasama, yuran pengurusan dan lain-lain pendapatan. Analisis Audit mendapati trend pendapatan RTSB bagi tempoh 3 tahun adalah menaik iaitu daripada RM1.57 juta pada tahun 2008 meningkat kepada RM1.89 juta dan RM3.67 juta masing-masing pada tahun 2009 dan 2010. Faktor peningkatan pada tahun 2009 adalah daripada pendapatan


operasi RTSB dan yuran pengurusan manakala pada tahun 2010 adalah daripada keuntungan jualan saham Kurnia Setia Berhad.

- c. Perbelanjaan RTSB pula terdiri daripada kos jualan, lain-lain belanja kendalian dan kos kewangan. Analisis Audit mendapati perbelanjaan RTSB pada tahun 2008 berjumlah RM1.68 juta, manakala pada tahun 2009 dan 2010 berjumlah RM1.82 juta masing-masing. Peningkatan jumlah perbelanjaan pada tahun 2009 adalah disebabkan peningkatan pada kos jualan iaitu daripada RM0.65 juta pada tahun 2008 kepada RM0.79 juta pada tahun 2009.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian RTSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 11.1**, **Carta 11.1** dan **Carta 11.2**.


Jadual 11.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian RTSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	0.51	0.64	0.47
Kos Jualan	0.65	0.79	0.57
Keuntungan/Kerugian Kasar	-0.14	-0.15	-0.10
Pendapatan Kendalian Lain	1.06	1.25	3.20
Lain-lain Belanja Kendalian	1.03	1.03	1.25
Keuntungan/Kerugian Dari Operasi	-0.11	0.07	1.85
Kos Kewangan	-	-	-
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	-0.11	0.07	1.85
Cukai	-	-	-
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	-0.11	0.07	1.85
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	-0.09	-0.02	1.83

Sumber: Penyata Kewangan RTSB



Sumber: RTSB



Sumber: RTSB

11.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan RTSB dengan lebih jelas, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan RTSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Analisis Nisbah Kewangan RTSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.74:1	0.77:1	1.01:1
Margin Keuntungan	-21.5%	10.5%	392.3%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.01:1	0:1	0.18:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-8.27:1	0.83:1	0.63:1

Sumber: Penyata Kewangan RTSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati kadar kecairan RTSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah antara 0.74 hingga 1.01 kali. Nisbah ini adalah di tahap sederhana kerana mencapai tahap 1:1. Kadar nisbah menunjukkan aset semasa RTSB hanya memadai untuk menampung liabiliti semasanya sahaja.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati pada tahun 2008, RTSB memperoleh margin kerugian pada kadar 21.5% berbanding pada tahun 2009 dan 2010 RTSB memperoleh margin keuntungan pada kadar 10.5% dan 392.3% masing-masing. Margin keuntungan RTSB pada tahun 2008 bernilai negatif disebabkan RTSB mengalami kerugian bersih. Berdasarkan kepada margin ini, dapat dirumuskan bahawa pulangan keuntungan RTSB adalah di tahap yang memuaskan dan semakin meningkat dari setahun ke setahun.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Nisbah pulangan ke atas aset diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah aset. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2008 adalah rendah dan berkedudukan negatif disebabkan RTSB mencatat kerugian selepas cukai pada tahun kewangan tersebut. Bagaimanapun, kadar pulangan semakin meningkat pada tahun 2009 dan 2010 iaitu daripada negatif satu sen pada tahun 2008 meningkat kepada 0 sen pada tahun 2009 dan 18 sen pada tahun 2010.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2008 adalah rendah iaitu negatif 8.27 sen disebabkan RTSB mencatatkan kerugian selepas cukai pada tahun kewangan tersebut. Pada tahun 2009, kadar pulangan meningkat kepada 83 sen dan menurun kepada 63 sen pada tahun 2010. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa pihak PKNP telah menyuntik modal sejumlah RM1 juta melalui RTSB kepada syarikat subsidiarinya iaitu RT-Biofarm Sdn. Bhd. yang memberi kesan ke atas nisbah pulangan ke atas ekuiti.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan RTSB adalah memuaskan. RTSB memperoleh keuntungan daripada pendapatan kendalian lain dan bukan daripada pendapatan operasinya. Analisis nisbah juga menunjukkan aset semasa RTSB hanya memadai untuk menampung liabiliti semasa dan RTSB kurang cekap menguruskan aset serta ekuitinya.

11.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama RTSB adalah sebagai syarikat pelaburan dan pegangan pelaburan PKNP di dalam sektor *agri-business* iaitu akuakultur, penternakan dan pertanian. Selain itu, RTSB juga terlibat dalam aktiviti berkaitan seperti pemprosesan, bekalan input, pemasaran dan pengurusan syarikat induk iaitu PKNP. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti utama mendapati perkara-perkara seperti berikut:

11.4.2.1. Projek Akuakultur/ Pernakan RTSB

- a. RTSB telah menjalankan 12 projek akuakultur dan perternakan pada tahun 2009 hingga 2011 di mana 10 projek telah disiapkan manakala 2 lagi masih dalam pelaksanaan. Status pelaksanaan projek adalah seperti **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3

Status Pelaksanaan Projek RTSB Pada Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Projek	Status
2009	Ternakan Udang Harimau Dan Udang Putih Di Sungai Miang	Siap
2010	Ternakan Udang Harimau Dan Udang Putih Di Sungai Miang	
2010	Usahasama Ternakan Udang Dengan SWL Farming Sdn. Bhd.	
2010	Usahasama Pembentahan Ikan Siakap Dengan Sungai Kakap Enterprise	
2010	Ayam Kampung	
2011	Ternakan Siakap	
2011	Ayam Kampung	
2011	Asuhan Benih Siakap Menggunakan Kaedah <i>Cheap Efficient Nursery Tanks System (CENTS)</i>	
2011	Ternakan Udang Putih	
2011	Ayam Pedaging	
2011	Pengeluaran Anak Puyuh dan Ternakan Puyuh Pedaging	Dalam pelaksanaan
2011	Burung Walit	

Sumber: RTSB

- b. Bagi 10 projek yang telah disiapkan, didapati kos projek dan pendapatan tertinggi direkodkan oleh RTSB adalah daripada Projek Ternakan Udang Harimau Dan Udang Putih Di Sungai Miang pada tahun 2009 masing-masing berjumlah RM791,453 dan RM635,492. Keuntungan tertinggi direkodkan adalah daripada Projek Ternakan Udang Putih pada tahun 2011 berjumlah RM95,523. Kerugian tertinggi pula adalah daripada Projek Ternakan Udang Harimau Dan Udang Putih Di Sungai Miang yang dilaksanakan pada tahun 2009 berjumlah RM155,961. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4

Projek Yang Telah Disiapkan Sehingga Tahun 2011

Bil.	Tahun	Projek	Kos Projek (RM)	Pendapatan (RM)	Keuntungan/ (Kerugian) (RM)
1.	2009	Ternakan Udang Harimau Dan Udang Putih Di Sungai Miang	791,453	635,492	(155,961)
2.	2010	Ternakan Udang Harimau Dan Udang Putih Di Sungai Miang	516,070	370,144	(145,926)
3.	2010	Usahasama Ternakan Udang Dengan SWL Farming Sdn. Bhd.	-	29,000	29,000
4.	2010	Usahasama Pembentahan Ikan Siakap Dengan Sungai Kakap Enterprise	20,650	42,009	21,359
5.	2010	Ayam Kampung	32,634	29,753	(2,881)
6.	2011	Ternakan Siakap	185,776	205,269	19,493
7.	2011	Ayam Kampung	82,238	29,849	(52,389)
8.	2011	Asuhan Benih Siakap Menggunakan Kaedah CENTS	39,514	-	(39,514)
9.	2011	Ternakan Udang Putih	99,131	194,654	95,523
10.	2011	Ayam Pedaging	506,974	521,665	14,691

Sumber: RTSB

- c. Bagi Projek Burung Walit, projek masih di peringkat pembinaan rumah burung dengan kos binaan sehingga Disember 2011 berjumlah RM0.14 juta.
- d. Manakala bagi Projek Pengeluaran Anak Puyuh Dan Ternakan Puyuh Pedaging pula, RTSB telah menjalankan usahasama dengan Jafah Enterprise. Sebagaimana surat tawaran usahasama operasi bertarikh 28 Januari 2011 daripada RTSB kepada Jafah Enterprise, RTSB akan menyumbangkan modal untuk menyiapkan segala keperluan dan kelengkapan bagi membolehkan pusat penetasan dan reban siap sepenuhnya. RTSB bersetuju menyumbangkan modal sejumlah RM0.3 juta bagi melengkapkan pusat penetasan tersebut termasuk sebahagian modal kerja operasi pertama dengan 10,000 ekor puyuh baka. Tarikh permulaan usahasama operasi bermula dari tarikh surat tawaran bagi tempoh 10 tahun. Sehingga Ogos 2011, RTSB telah menyalurkan kesemua modal tersebut melalui 6 kali pembayaran bagi membayai projek ini. Pihak RTSB juga telah melantik penyelaras projek bagi memantau projek ini pada 20 September 2011 hingga 31 Disember 2011. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa projek telah dijalankan secara percubaan pada bulan Mei 2011 namun telah berlaku masalah teknikal menyebabkan operasi penetasan hanya dimulakan pada 25 November 2011 dengan mengeramkan telur dalam inkubator selama 15 hari dan ditetas dalam *hatcher* selama 3 hari. Sehingga 27 Disember 2011, sejumlah 12,500 ekor anak puyuh telah ditetas. Projek ini baru mengeluarkan hasil dan belum begitu lancar. Pembahagian keuntungan antara kedua-dua pihak hanya akan dibuat setelah Akaun Operasi disediakan.**
- e. Lawatan Audit ke tapak projek di Pekan pada awal Oktober 2011 iaitu Projek Asuhan Benih Siakap Menggunakan Kaedah CENTS, Projek Ternakan Udang Putih dan Projek Ayam Pedaging mendapati pelaksanaan projek RTSB berjalan lancar kecuali bagi Projek Asuhan Benih Siakap Menggunakan Kaedah CENTS yang merupakan projek permulaan. Berdasarkan Laporan Diagnosa Kematian Ikan Di Ladang RTSB yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan bertarikh 31 Oktober 2011 menyatakan siasatan dan pemeriksaan makmal yang dijalankan mendapati benih siakap tersebut dijangkiti bakteria jenis *aeromonos sp (lesion)* serta rawatan yang dibuat dengan menggunakan *malachite green* juga tidak dibenarkan. Dianggarkan sejumlah 16,811 daripada 19,811 ekor benih ikan siakap yang dimasukkan telah mati dengan anggaran kerugian berjumlah RM24,756. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa kegagalan proses pemberian ikan siakap adalah disebabkan oleh stok air kolam yang digunakan telah tercemar.** Contoh keadaan projek adalah seperti Gambar 11.1 hingga Gambar 11.10.

Gambar 11.1
Cheap Efficient Nursery Tanks System



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Akuakultur Sungai Miang
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.3
Anak Udang Yang Berumur 17 Hari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Akuakultur Sungai Miang
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.5
Makanan Udang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Akuakultur Sungai Miang
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.2
Keadaan Dalam Kerek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Akuakultur Sungai Miang
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.4
Kolam Udang Seluas Satu Ekar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Akuakultur Sungai Miang
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.6
Pekerja Memberi Makanan Kepada Udang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Akuakultur Sungai Miang
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.7
Reban Ayam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 24, Jalan Pekan-Nenasi, Pekan
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.8
Keadaan Dalam Reban Ayam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 24, Jalan Pekan-Nenasi, Pekan
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.9
Anak Ayam Yang Berumur '0' Hari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 24, Jalan Pekan-Nenasi, Pekan
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 11.10
Keadaan Anak Ayam Di Dalam Reban



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 24, Jalan Pekan-Nenasi, Pekan
Tarikh: 6 Oktober 2011

- f. Pihak Audit mendapati stok barang bagi projek ternakan udang putih dan asuhan benih siakap di Sungai Miang, Pekan tidak disimpan dengan teratur. Selain itu, rekod stok input RTSB yang diselenggarakan tidak mempunyai tandatangan pegawai yang mengeluarkan dan menerima stok. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa pihak syarikat akan memastikan stok kegunaan operasi kolam disimpan dengan lebih tersusun dan mulai tahun 2012, seorang pegawai projek akan ditempatkan di tapak projek.** Keadaan stok adalah seperti **Gambar 11.11.**



**Gambar 11.11
Stok Kapur Yang Tidak Tersusun**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Akuakultur Sungai Miang
Tarikh: 6 Oktober 2011

- g. RTSB juga telah merancang 5 projek yang dikenal pasti berpotensi menjana keuntungan tambahan RTSB bagi tempoh 2011 hingga 2015 seperti **Jadual 11.5**.

**Jadual 11.5
Projek Yang Dikenal Pasti Bagi Tempoh 2011 Hingga 2015**

Bil.	Projek	Kos (RM juta)
1.	Pusat Penetasan Ikan Marin (Projek Milik PKNP Operasi Oleh RTSB)	1.20
2.	Projek Ayam Pedaging Fasa II (Pembesaran)	2.00
3.	Projek Puyuh Pedaging (Bera/Bentong) RTSB	0.50
4.	Projek Burung Walit	0.30
5.	Projek Kelapa Sawit/Pertanian/Ternakan dan Lain-lain	-

Sumber: RTSB

- h. RTSB ada membuat pemantauan projek dengan menempatkan pengurus dan penolong pengurus sepenuh masa di tapak projek bagi menyelaras dan memantau kerja yang dijalankan. Selain itu, status terkini projek juga perlu dilaporkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

11.4.2.2. Pengurus Dan Juruperunding

- a. Selain menjalankan aktiviti akuakultur, RTSB juga dilantik secara rasmi dan bertanggungjawab sepenuhnya bagi urusan Kuantan Beach Hotel Sdn. Bhd. (KBHSB) di mana pengurus RTSB dilantik sebagai pengarah KBHSB. Pada 28 April 2005, perjanjian jual beli Hyatt Regency Hotel, Telok Chempedak telah dibuat antara KBHSB dan Alam Venture Sdn. Bhd. (AVSB). Harga jualan berjumlah RM9.15 juta termasuk *owner shares profit* yang berjumlah RM215,385. Bayaran balik sepatutnya bermula pada bulan Februari 2006 dan berakhir bulan November 2006. Bagaimanapun, AVSB tidak membuat pembayaran sebagaimana ditetapkan. KBHSB telah membuat Jadual Bayaran Balik Jualan yang baru dan penyelesaian bayaran balik jualan sepatutnya berakhir pada Januari 2010. Didapati sehingga Mei 2011, AVSB masih belum membayar tunggakan bayaran balik jualan berjumlah RM7.43 juta. Notis peringatan telah dikeluarkan kepada AVSB tetapi tunggakan ini masih belum diselesaikan. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012**

menjelaskan bahawa pihak AVSB bersetuju untuk menyelesaikan tunggakan tersebut dengan menyelaraskan pembayaran yang akan dibuat oleh pihak Hyatt Regency Kuantan Resort bagi pihak AVSB sejumlah RM100,000 sebulan mulai Ogos 2011 sehingga Disember 2013.

- b. RTSB juga merupakan juruperunding di dalam urusan penjualan Hotel Samudera oleh Pascorp Holdings Sdn. Bhd. kepada Alpha Deluxe (M) Sdn. Bhd. dengan harga RM7.5 juta sebagaimana perjanjian jual beli yang dibuat pada 10 Mac 2010. Semakan Audit mendapati bayaran yuran juruperunding berjumlah RM2 juta hanya diterima sepenuhnya pada 7 Jun 2011, walaupun mengikut perjanjian juruperunding antara RTSB dan Alpha Deluxe (M) Sdn. Bhd., bayaran hendaklah dibuat pada 10 Jun 2010. Hal ini menyebabkan kelewatan bayaran yuran juruperunding selama 12 bulan. Merujuk Para 2 perjanjian juruperunding, sekiranya pembeli gagal membayar yuran juruperunding sebagaimana yang ditetapkan, pembeli akan dikenakan faedah sejumlah 8% setahun. Bagaimanapun, tiada sebarang bayaran tambahan berjumlah RM160,000 diterima daripada pembeli dan tiada tuntutan bayaran tambahan daripada RTSB kepada Alpha Deluxe (M) Sdn. Bhd. atas kelewatan tersebut. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa pihak RTSB tidak akan membuat sebarang tuntutan bayaran tambahan atas kelewatan tersebut kerana bayaran yuran juruperunding telah diterima sepenuhnya serta pihak pembeli telah membaik pulih dan menambahbaikkan bangunan Hotel Samudera.**

Pada pendapat Audit, pengurusan projek dan peranan RTSB sebagai pengurus dan juruperunding adalah memuaskan. RTSB juga telah merancang beberapa projek baru bagi memantapkan lagi kewangan syarikat.

11.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, RTSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Syarikat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat berkaitan Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia (pemakaianya telah dipersetujui semasa Persidangan Menteri-menteri Besar Dan Ketua-ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993) serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara lain kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta tanggungjawab mereka terhadap pengurusan syarikat, kaedah pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, penubuhan Unit Audit Dalam, Jawatankuasa Audit serta tanggungjawab masing-masing. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat RTSB mendapati perkara seperti berikut:

11.4.3.1. Lembaga Pengarah

a. Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah

Bagi meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik, syarikat digalakkan mewujudkan keseimbangan dalam keahlian Lembaga Pengarah. Sebahagian Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang dilantik perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan Kumpulan Syarikat tetapi dilantik atas kapakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu agar dapat memberi sumbangan kepada pengurusan syarikat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993. Semakan Audit mendapati ALP RTSB adalah seramai 3 orang dan keanggotaannya menepati kehendak Seksyen 122, Akta Syarikat 1965 dan perenggan 68 Memorandum Dan Artikel Penubuhan RTSB. Bagaimanapun, semua Ahli Lembaga Pengarah RTSB terdiri daripada pihak pengurusan PKNP sahaja. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa ALP yang dilantik adalah di kalangan pengurusan PKNP yang arif dengan hala tuju dan polisi PKNP serta mempunyai latar belakang dan kemahiran dalam bidang perniagaan, pelaburan dan kewangan.** ALP RTSB adalah seperti **Jadual 11.6.**

**Jadual 11.6
Ahli Lembaga Pengarah RTSB Pada Disember 2011**

Bil.	Gred	Umur (Tahun)	Jawatan
1.	JUSA C	60	Ketua Pegawai Eksekutif PKNP
2.	N54	54	Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan) PKNP
3.	N48	56	Pengurus Bahagian Pelaburan PKNP

Sumber: RTSB

b. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah RTSB tidak bermesyuarat secara berkala dan teratur. Pada tahun 2009, Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan manakala pada tahun 2010 dan 2011 telah diadakan hanya 2 kali. Sungguhpun begitu, didapati Mesyuarat Lembaga Pengarah digantikan dengan Resolusi Berkeliling Jemaah Pengarah iaitu sebanyak 6 kali pada tahun 2009, 12 kali pada tahun 2010 dan 5 kali pada tahun 2011. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah telah disedia dan difailkan dengan teratur serta keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa keputusan berkaitan perjalanan operasi syarikat dikawal selia oleh pihak pengurusan dan dilaporkan kepada Ahli Lembaga Pengarah (ALP). Kelulusan ALP kemudiannya diterjemahkan dalam**

bentuk Resolusi Berkeliling Jemaah Pengarah selari dengan peruntukan Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat.

11.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan bagi menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati RTSB tidak menuahkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam yang berperanan menjalankan pengauditan dan pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan serta menilai kawalan dalaman pengurusan kewangan RTSB. Bagaimanapun, Unit Audit Dalam PKNP ada menjalankan pengauditan dan pemeriksaan terhadap operasi syarikat pada tahun 2007. Manakala pada tahun 2008, susulan pemeriksaan Audit terhadap operasi RTSB, daftar harta tetap dan sistem perakaunan RTSB juga dijalankan. Pada tahun 2009 pula, susulan terhadap daftar harta tetap dan sistem perakaunan RTSB dijalankan bagi mendapatkan status tindakan RTSB terhadap teguran dan cadangan Audit yang diberikan.

11.4.3.3. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan serta prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkat produktiviti syarikat. Garis panduan dan prosedur kerja yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Didapati garis panduan dan prosedur kerja RTSB masih belum diperakui oleh ALP. **Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa pihak RTSB akan mendapatkan kelulusan, pengesahan dan perakuan ALP dengan sewajarnya.**

11.4.3.4. Pembayaran Dividen

Dividen merupakan pulangan yang perlu dibayar kepada pemegang saham selaras dengan hak dan keutamaan masing-masing dan akan diisyiharkan semasa Mesyuarat Agong Tahunan Lembaga Pengarah sesebuah syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan/Agenzi dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan sebagai pemegang saham tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati RTSB tidak mengisyiharkan pembayaran dividen kepada PKNP selaku

pemegang saham bagi keuntungan yang diperoleh pada tahun kewangan 2009 dan 2010.

Maklum balas daripada RTSB bertarikh 16 Januari 2012 menjelaskan bahawa pembayaran dividen tidak dibuat kerana RTSB akan menggunakan keuntungan yang ada sebagai modal pusingan bagi projek yang akan datang. Selain itu, juga didapati RTSB tidak menerima bayaran dividen daripada syarikat subsidiarinya kerana syarikat subsidiarinya mengalami kerugian dan masih belum mampu untuk membayar dividen.

11.4.3.5. Pembayaran Bonus/Imbuhan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar. Selain itu, pekeliling ini menetapkan bayaran bonus seharusnya tidak melebihi 2 bulan gaji kecuali secara keseluruhannya syarikat memperoleh keuntungan cemerlang yang mana ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berdasarkan kepada keuntungan operasi 3 tahun yang lalu, iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa. Semakan Audit mendapati imbuhan pada tahun 2009 dikira berdasarkan satu setengah bulan gaji bersekali elauan tetap berjumlah RM54,139 yang dibayar pada tahun 2010. Pada tahun 2010, RTSB memberikan bonus dan imbuhan yang bersamaan dengan 2 bulan gaji bersekali elauan tetap berjumlah RM79,475. Cadangan bayaran bonus dan imbuhan RTSB adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat dan tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar seperti kehendak Pekeliling tersebut.

11.4.3.6. Pelantikan Kontraktor Bagi Menjalankan Kerja-Kerja Mereka Bentuk Dan Membina Reban Ayam Terbuka Di Tapak Projek Ayam Pedaging Di KM 24, Jalan Pekan-Nenasi, Pekan

Mengikut kertas laporan sebut harga yang dibentang bertujuan untuk membincangkan laporan serta mendapat kelulusan Jemaah Pengarah RTSB bagi pelantikan kontraktor, sebanyak 7 syarikat telah mengemukakan sebut harga bagi membina 10 reban ayam terbuka. Justifikasi cadangan telah dibuat berdasarkan beberapa perkara termasuk penjimatan kos dan RTSB mencadangkan agar kontraktor IQ Services dilantik. Resolusi Berkeliling Jemaah Pengarah Bil. 10/2010 selari dengan Artikel 90 Tatacara Urusan RTSB bertarikh 29 Jun 2010, ALP telah bersetuju melantik kontraktor IQ Services bagi menjalankan kerja-kerja mereka bentuk dan membina reban ayam terbuka di tapak projek ayam pedaging milik RTSB. Tawaran harga adalah berjumlah RM1.3 juta. Menurut amalan terbaik, semua perolehan sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja yang bernilai lebih RM500,000 setahun hendaklah dipelawa secara tender. Pihak RTSB didapati tidak mengadakan proses tender sebaliknya mempelawa sebut harga. Penyerahan Kerja-kerja Pembinaan Reban telah dibuat melalui surat bertarikh 6

September 2011 dan bayaran yang telah dibuat oleh RTSB sehingga Disember 2011 adalah berjumlah RM1,235,000.

Pada pendapat Audit, beberapa aspek dalam tadbir urus korporat RTSB seperti Garis Panduan dan Prosedur Kerja, pembayaran dividen dan bonus serta kawalan perolehan perlu diberi perhatian dan penekanan bagi memantapkan lagi pengurusan syarikat. Selain itu, peraturan dan pekeliling Kerajaan berkaitan syarikat Kerajaan perlulah dipatuhi sewajarnya.

11.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif RTSB iaitu untuk terlibat secara aktif dalam pengurusan dan operasi bidang komersial yang diceburi bukan setakat sebagai pengeluar tetapi melibatkan diri di dalam aktiviti berkaitan seperti pemprosesan, bekalan input dan pemasaran dapat dicapai, adalah disyorkan RTSB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

11.5.1. Memantau dan menilai aspek pengurusan projek bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual.

11.5.2. Mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada syarikat serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi Negeri Pahang.

11.5.3. Memperkemas tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan seperti mewujudkan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan aset dan sebagainya serta mempertingkatkan pengurusan kewangan dan kawalan dalaman syarikat terutama dalam mengawal perbelanjaan dengan melaksanakan perbelanjaan secara lebih berhemat.

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

12. PUSAT RAWATAN KELUARGA MUIP SDN. BHD.

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd. (PRKMUIP) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Rawatan Keluarga Sdn. Bhd. telah diperbadankan serta beroperasi mulai 16 Februari 1990. Sehingga Disember 2011, modal dibenarkan syarikat adalah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM2.95 juta di mana Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) memiliki RM2.45 juta atau 83% daripada modal berbayar tersebut. Kegiatan utama PRKMUIP adalah mengurus serta mentadbir klinik bersalin dan klinik kesihatan. Terdahulu, syarikat beroperasi di Jalan Dato' Lim Hoe Lek, Kuantan dan kemudianya berpindah ke bangunan baru di Wisma MUIP, Jalan Gambut, Kuantan pada 3 Mei 2011 bagi memberi perkhidmatan yang lebih selesa kepada pelanggan. Pada 19 Oktober 2011, syarikat telah menukar nama kepada Hospital Pakar PRKMUIP Sdn. Bhd. (HPPSB) dan menawarkan perkhidmatan kepakaran daripada pelbagai disiplin kepada semua golongan, bangsa mahupun agama.

12.1.2. Objektif PRKMUIP adalah untuk menyediakan perkhidmatan perubatan yang bermutu tinggi; mencapai daya maju dan daya saing yang memberangsangkan; memupuk dan memajukan daya pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan yang dinamik; memajukan tenaga kerja yang bermotivasi dengan Etika Kerja Islam, cekap dan bersopan santun; dan berusaha setiap masa untuk melindungi kepentingan pemegang saham.

12.1.3. PRKMUIP diterajui oleh 4 orang Ahli Lembaga Pengarah di mana seorang daripadanya adalah wakil Kerajaan. PRKMUIP diketuai oleh Pengarah Medikal manakala operasi serta urusan harian syarikat dan syarikat subsidiari adalah di bawah tanggungjawab Pengurus Besar. PRKMUIP mempunyai 3 syarikat subsidiari iaitu Klinik Al Farabi Kuantan Sdn. Bhd. yang menjalankan perkhidmatan klinik kesihatan, Al Farabi OHS Services Sdn. Bhd. bagi klinik kesihatan pekerjaan dan Jujur Mahir Sdn. Bhd. yang menjalankan perniagaan am.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti syarikat dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2009 hingga 2011. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama serta tadbir urus korporat syarikat. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal serta lawatan turut dibuat terhadap aset, aktiviti syarikat dan kemudahan yang disediakan.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PRKMUIP adalah memuaskan. Bagaimanapun pembayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar.

12.4.1. Prestasi Kewangan

12.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan PRKMUIP bagi tempoh 2008 hingga 2010 mendapati trend keuntungan sebelum cukai adalah menurun iaitu daripada RM0.68 juta pada tahun 2008 kepada RM0.50 juta dan RM0.18 juta masing-masing pada tahun 2009 dan 2010, manakala keuntungan terkumpul syarikat pada 31 Disember 2010 berjumlah RM1.92 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah perbelanjaan (kos jualan, lain-lain belanja kendalian dan kos kewangan) yang tinggi iaitu sejumlah RM0.28 juta atau 6.8% pada tahun 2009 dan RM0.38 juta atau 8.6% pada tahun 2010 berbanding peningkatan dalam jumlah pendapatan (pendapatan dan pendapatan kendalian lain) sejumlah RM0.10 juta atau 2.1% pada tahun 2009 dan RM0.06 juta atau 1.2% pada tahun 2010. **Maklum balas daripada PRKMUIP bertarikh 29 Mac 2012 menyatakan bahawa penurunan keuntungan adalah disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan hospital baru yang bermula sejak tahun 2006 sehingga projek pembinaan siap pada tahun 2011 dan peningkatan perbelanjaan operasi.**
- b. Pendapatan PRKMUIP terdiri daripada 2 komponen iaitu pendapatan dan pendapatan kendalian lain. Pendapatan terdiri daripada perkhidmatan bersalin, pesakit luar, ujian makmal dan X-ray, dan lain-lain. Pendapatan kendalian lain pula terdiri daripada keuntungan daripada deposit tetap, sewa dan lain-lain pendapatan. Analisis Audit mendapati trend pendapatan PRKMUIP adalah menaik iaitu daripada RM4.80 juta pada tahun 2008 kepada RM4.90 juta pada tahun 2009 dan RM4.96 juta pada tahun 2010. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan


adalah hasil daripada perkhidmatan pesakit luar yang meningkat sejumlah RM0.04 juta pada tahun 2009 dan RM0.17 juta pada tahun 2010 serta perkhidmatan bersalin sejumlah RM0.17 juta pada tahun 2009.

- c. Perbelanjaan PRKMUIP pula terdiri daripada kos jualan, lain-lain belanja kendalian dan kos kewangan. Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan PRKMUIP pada tahun 2009 dan 2010 adalah menaik daripada RM4.12 juta pada tahun 2008 kepada RM4.40 juta pada tahun 2009 dan RM4.78 juta pada tahun 2010. Kos jualan pada tahun 2008 berjumlah RM1.06 juta meningkat kepada RM1.20 juta pada tahun 2009 dan 2010. Lain-lain belanja kendalian pula meningkat daripada RM3.02 juta pada tahun 2008 kepada RM3.17 juta pada tahun 2009 dan RM3.42 juta pada tahun 2010. Faktor peningkatan adalah daripada perbelanjaan gaji yang semakin meningkat.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 12.1, Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.


Jadual 12.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan PRKMUIP
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	4.49	4.71	4.81
Kos Jualan	1.06	1.20	1.20
Untung Kasar	3.43	3.51	3.61
Pendapatan Kendalian Lain	0.31	0.19	0.15
Lain-lain Belanja Kendalian	3.02	3.17	3.42
Keuntungan Dari Operasi	0.72	0.53	0.34
Kos Kewangan	0.04	0.03	0.16
Keuntungan Sebelum Cukai	0.68	0.50	0.18
Cukai	0.18	0.09	0.07
Keuntungan Selepas Cukai	0.50	0.41	0.11
Keuntungan Terkumpul	1.73	1.94	1.92

Sumber: Penyata Kewangan PRKMUIP



Sumber: PRKMUIP



Sumber: PRKMUIP

12.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat dengan lebih jelas, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Analisis Nisbah Kewangan PRKMUIP
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	7.04:1	3.15:1	1.75:1
Margin Keuntungan	11.2%	8.7%	2.5%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.07:1	0.05:1	0.01:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.08:1	0.06:1	0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan PRKMUIP

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati tahap kecairan PRKMUIP menurun dengan ketara daripada 7.04 kali pada tahun 2008 kepada 3.15 kali pada tahun 2009 dan 1.75 kali pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan dalam deposit tetap sejumlah RM3.42 juta pada tahun 2009 dan RM0.13 juta pada tahun 2010.

Walaupun tahap kecairan masih boleh menampung liabiliti semasa, PRKMUIP berkemungkinan menghadapi masalah untuk menampung keseluruhan liabiliti semasa sekiranya keadaan ini berterusan.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan PRKMUIP adalah menurun daripada 11.2% pada tahun 2008 kepada 8.7% pada tahun 2009 dan 2.5% pada tahun 2010. Berdasarkan kepada margin ini, dapat dirumuskan bahawa pulangan keuntungan PRKMUIP adalah menurun dari setahun ke setahun.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh oleh syarikat bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan syarikat semakin cekap menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati, kadar pulangan ke atas aset yang diperoleh PRKMUIP menurun daripada 7 sen pada tahun 2008 kepada 5 sen dan 1 sen masing-masing pada tahun 2009 dan 2010. Keadaan ini menunjukkan pulangan bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan adalah rendah dan menurun dari setahun ke setahun.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal syarikat yang dilaburkan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan syarikat semakin cekap menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti yang diperoleh PRKMUIP menurun dari setahun ke setahun daripada 8 sen pada tahun 2008 kepada 6 sen pada tahun 2009 dan 2 sen pada tahun 2010. Keadaan ini menunjukkan prestasi syarikat kurang memberi keuntungan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PRKMUIP adalah memuaskan. Bagaimanapun, keuntungan dan analisis nisbah syarikat menurun dari setahun ke setahun.

12.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama PRKMUIP adalah memberi perkhidmatan perubatan dengan menawarkan perkhidmatan kepada seluruh golongan, bangsa dan agama. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama syarikat mendapati perkara seperti berikut:

12.4.2.1. Perkhidmatan Yang Ditawarkan

PRKMUIP mengamalkan Etika Kerja Islam antaranya memulakan perkhidmatan dengan membaca ‘Bismillah’, ucapan salam antara pekerja dan pesakit serta seboleh-bolehnya pesakit wanita dirawat oleh doktor wanita. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan bersalin dan sakit puan; perkhidmatan ujian makmal dan pengimejan diagnostik (X-ray); perkhidmatan sokongan seperti fototerapi bagi rawatan demam kuning (*neo natal jaundice*), nurseri, bacaan azan dan iqamah, bertahniq (membelah mulut), mencuci uri dan berkhatan; perkhidmatan pesakit luar; perkhidmatan wad; perkhidmatan farmasi; PRKMUIP Kids Club; perkhidmatan doktor pakar dan kemudahan lain. Contoh perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti **Gambar 12.1** hingga **Gambar 12.4**.

Gambar 12.1
Perkhidmatan X-ray



Sumber: PRKMUIP
Lokasi: PRKMUIP

Gambar 12.2
Nurseri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRKMUIP
Tarikh: 14 Disember 2011

Gambar 12.3
Sudut PRKMUIP Kids Club



Sumber: PRKMUIP
Lokasi: PRKMUIP

Gambar 12.4
Bilik Perkongsian 2 Orang



Sumber: PRKMUIP
Lokasi: PRKMUIP

Pada pendapat Audit, perkhidmatan yang ditawarkan oleh PRKMUIP adalah baik kerana ia mempunyai pelbagai kemudahan untuk dinikmati oleh semua golongan, bangsa dan agama.

12.4.2.2. Pendapatan Aktiviti PRKMUIP

- a. Semakan Audit mendapati jumlah pendapatan PRKMUIP meningkat bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pendapatan pada tahun 2009 adalah RM4.71 juta meningkat kepada RM4.81 juta pada tahun 2010 dan RM5.65 juta pada tahun 2011. Pendapatan tertinggi adalah daripada hasil perkhidmatan pesakit luar dan diikuti perkhidmatan bersalin. Hasil terendah pula adalah daripada perkhidmatan ujian makmal dan X-ray.
- b. PRKMUIP menyediakan kemudahan perubatan secara kredit yang perlu dijelaskan dalam masa 60 hari dari tarikh bil dikeluarkan. Semakan Audit terhadap Laporan Pengumuran Penghutang bagi tempoh 2009 hingga 2011 mendapati kelewatan bayaran perkhidmatan oleh syarikat panel yang berdaftar berjumlah RM132,158 pada tahun 2009, manakala pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing berjumlah RM75,112 dan RM155,457. **Maklum balas daripada PRKMUIP bertarikh 29 Mac 2012 menyatakan bahawa pihak syarikat mengambil tindakan dengan membuat panggilan susulan; mengeluarkan notis tuntutan, notis peringatan dan amaran; membekukan akaun kredit; dan mengeluarkan notis mahkamah.**
- c. PRKMUIP ada menyediakan Rekod Kedatangan Pesakit bagi tujuan pemantauan. Ringkasan rekod kedatangan pesakit bagi tempoh 2008 hingga 2011 adalah seperti Jadual 12.3. **Maklum balas daripada PRKMUIP bertarikh 29 Mac 2012 menyatakan bahawa penurunan kedatangan pesakit adalah disebabkan oleh klinik pesakit luar yang tidak lagi beroperasi 24 jam serta pengasingan perkhidmatan klinik pesakit luar daripada PRKMUIP bermula tahun 2011.**

Jadual 12.3
Rekod Kedatangan Pesakit Bagi Tempoh 2008 Hingga 2011

Bil.	Tahun	Pesakit Luar	Kes Bersalin	Kes Medikal	Kes Lain	Jumlah Pesakit
1.	2008	89,106	851	-	344	90,301
2.	2009	86,518	909	-	264	87,691
3.	2010	83,389	882	-	231	84,502
4.	2011	69,397	1,068	8	368	70,841

Sumber: PRKMUIP

12.4.2.3. Maklum Balas Pelanggan

Lawatan secara berkala dan mengejut dijalankan oleh Pengurus dan pegawai yang diarahkan dari semasa ke semasa bagi menjamin keselesaan pelanggan di samping meningkatkan lagi prestasi syarikat. Pihak Audit mendapati PRKMUIP ada menyediakan Borang Kepuasan Pelanggan bagi membolehkan pesakit/pelanggan memberi pendapat terhadap perkhidmatan yang disediakan. Semakan Audit terhadap Laporan Borang Maklum Balas Bulanan mendapati aduan positif yang diterima adalah berkaitan bilik wad yang selesa serta kakitangan yang cekap, mesra dan prihatin. Aduan negatif yang diterima pula adalah berkaitan pesakit mengambil masa terlalu lama untuk berjumpa doktor, ruang menunggu yang sempit, kekurangan doktor dan kekurangan tempat meletak kenderaan. Bagaimanapun, PRKMUIP telah mengambil tindakan dengan melantik *visiting doctor* bagi mengatasi masalah kekurangan doktor dan tempoh masa menunggu yang lama untuk menerima rawatan.

12.4.2.4. Pemasaran/Promosi

Strategi pemasaran adalah penting bagi memajukan sesuatu syarikat yang mensasarkan keuntungan. Pihak Audit mendapati syarikat ada menubuhan Unit Pemasaran bagi mempromosi produk syarikat dengan menyedia risalah, laman web, laman sosial *facebook* dan seminar berkaitan aktiviti PRKMUIP. Selain itu, beberapa pakej perkhidmatan ditawarkan seperti pakej bersalin yang merangkumi pakej ibu, pakej bayi dan perkhidmatan lawatan jururawat ke rumah. Pakej ibu terdiri daripada penginapan, khidmat nasihat, makan dan minum, dan lain-lain. Sementara pakej bayi meliputi perkhidmatan suntikan, ujian saringan darah, bertahniq, berkhatan bagi bayi perempuan, album bayi dan hamper. Pakej perkhidmatan lawatan jururawat ke rumah pula diberi selepas ibu dan bayi keluar daripada hospital. Sebagai galakan untuk menarik pelanggan, promosi seperti pemberian diskon sejumlah 5% daripada harga yang dikenakan akan diberikan kepada pelanggan yang pernah bersalin di PRKMUIP.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti di PRKMUIP adalah memuaskan. Syarikat juga merancang untuk mempertingkat perkhidmatan kepakaran dari pelbagai disiplin kepada semua golongan, bangsa mahupun agama.

12.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh MUIP, PRKMUIP adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat, pembayaran dividen kepada Kerajaan, pembayaran bonus, penubuhan Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit, dan sebagainya. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat PRKMUIP adalah seperti berikut:

12.4.3.1. Pelantikan Pengerusi Dan Ketua Pegawai Eksekutif

Manual Transformasi GLC (*Government Linked Company*) – Buku Hijau tidak menggalakkan Pengerusi mempunyai kuasa eksekutif dan campur tangan dalam sistem operasi syarikat. Tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah ditentukan dengan jelas dan bertulis. Semakan Audit mendapati Timbalan Yang Dipertua MUIP dilantik sebagai Pengerusi sejak 1 Mei 2001 serta tidak terlibat dalam urusan operasi harian syarikat. Seorang pegawai perubatan dilantik sebagai Pengarah Eksekutif sejak 1 April 1996 dan bertanggungjawab untuk melaksanakan polisi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah serta menentukan objektif dan matlamat tahunan, kewangan, program dan pengurusan pentadbiran syarikat.

12.4.3.2. Lembaga Pengarah

a. Pelantikan dan Keanggotaan Lembaga Pengarah

Bagi meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik, syarikat digalakkan mewujudkan keseimbangan dalam keahlian Lembaga Pengarah. Sebahagian Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang dilantik perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan Kumpulan Syarikat tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu agar dapat memberi sumbangan kepada pengurusan syarikat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993. Seksyen 122, Akta Syarikat 1965 dan perenggan 63(b) Memorandum Dan Artikel Penubuhan syarikat menetapkan bilangan pengarah pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada 2 orang ahli dan tidak melebihi daripada 10 orang ahli. Semakan Audit mendapati ALP syarikat adalah seramai 4 orang dan komposisinya terdiri daripada Ahli Majlis MUIP serta pihak luar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat. Senarai ALP adalah seperti **Jadual 12.4**.

Jadual 12.4
Ahli Lembaga Pengarah PRKMUIP Pada 31 Disember 2011

Bil.	Jawatan	Umur (Tahun)	Pekerjaan
1.	Pengerusi	67	Timbalan Yang Dipertua MUIP
2.	Pengarah Eksekutif	52	Pegawai Perubatan
3.	Ahli	68	Ahli Perniagaan
4.	Ahli	50	Pegawai Perubatan

Sumber: PRKMUIP

b. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah PRKMUIP bermesyuarat secara berkala dan teratur iaitu sebanyak 12 kali setahun. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah juga telah disedia dan difaiklan dengan teratur serta keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik.

c. Manfaat Lembaga Pengarah

Perkara berkaitan manfaat yang layak diterima oleh Lembaga Pengarah ada dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Bahagian 1B) dan perenggan 70 Memorandum Dan Artikel Penubuhan syarikat. Antara perkara yang dinyatakan adalah manfaat yang diberi mestilah berkaitan dengan urusan syarikat, prestasi dan pencapaian syarikat serta peringkat pengalaman dan tanggungjawab seseorang pengarah. Semakan Audit mendapati ALP PRKMUIP menerima elaun pengarah dan ganjaran/imbuhan. Elaun pengarah merupakan elaun yang diberi kepada ALP yang menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah. Ganjaran/imbuhan dibayar sekali setahun kepada semua ALP sebagaimana yang diputuskan semasa Mesyuarat Agong Tahunan. Manfaat Lembaga Pengarah PRKMUIP pada tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti **Jadual 12.5**.

Jadual 12.5
Manfaat Lembaga Pengarah PRKMUIP

Bil.	Jawatan	Elaun Pengarah			Ganjaran/Imbuhan		
		2009 RM	2010 RM	2011 RM	2009 RM	2010 RM	2011 RM
1.	Pengerusi	4,200	4,200	4,200	8,000	8,000	8,000
2.	Pengarah Eksekutif	3,600	3,600	3,600	6,500	6,500	6,500
3.	Ahli	10,500	7,200	7,200	19,500	13,000	13,000
Jumlah		18,300	15,000	15,000	34,000	27,500	27,500

Sumber: PRKMUIP

12.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan dan menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Jawatankuasa yang ditubuhkan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 orang ahli dan maksimum 5 orang yang terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan pihak luar yang bukan daripada pengurusan syarikat. Fungsi utama jawatankuasa ini antaranya menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas serta mengkaji dan mengawasi rancangan korporat. Semakan Audit mendapati PRKMUIP tidak menujuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam yang berperanan menjalankan pengauditan dan pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan serta menilai kawalan dalaman pengurusan kewangan syarikat. Selain itu, MUIP sebagai Agensi Induk tidak menjalankan pengauditan terhadap operasi syarikat. **Maklum balas daripada PRKMUIP bertarikh 29 Mac 2012 menyatakan bahawa pihak syarikat bersetuju untuk mengadakan audit dalaman yang diwakili oleh pegawai MUIP.**

12.4.3.4. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan serta prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkat produktiviti syarikat. Garis panduan dan prosedur kerja yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Semakan Audit mendapati PRKMUIP ada menyediakan prosedur kerja sebagai rujukan bagi memudahkan pengurusan aktiviti syarikat.

12.4.3.5. Pembayaran Dividen

Dividen merupakan pulangan yang perlu dibayar kepada pemegang saham selaras dengan hak dan keutamaan serta diisyiharkan semasa Mesyuarat Agong Tahunan Lembaga Pengarah. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan/Agensi dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun kepada Kerajaan sebagai pemegang saham tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati PRKMUIP telah membayar dividen akhir kepada MUIP bagi tahun kewangan 2009 dan 2010 masing-masing pada kadar 8% dan 7% atas modal berbayar selepas ditolak cukai 25% berjumlah RM0.11 juta dan RM0.10 juta. Selain itu didapati PRKMUIP juga telah menerima dividen bagi tahun kewangan 2009 dan 2010 daripada syarikat subsidiarinya iaitu Jujur Mahir Sdn. Bhd. dan Klinik Al Farabi Kuantan Sdn. Bhd. pada kadar 3% atas modal berbayar syarikat masing-masing berjumlah RM9,690 dan RM7,875.

12.4.3.6. Pembayaran Bonus

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai yang munasabah. Cadangan bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar/Ketua Menteri. Selain itu, pekeliling ini menetapkan bayaran bonus seharusnya tidak melebihi 2 bulan gaji kecuali secara keseluruhannya syarikat memperoleh keuntungan cemerlang yang mana ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berdasarkan kepada keuntungan operasi 3 tahun yang lalu, iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa. Semakan Audit mendapati PRKMUIP telah memberikan insentif kewangan berbentuk bonus kepada kakitangannya bagi tahun 2009 dan 2010 pada kadar sebulan gaji berjumlah RM84,462 dan RM94,146 masing-masing sebagai langkah untuk mempertingkatkan produktiviti dan prestasi syarikat. Pihak Audit mendapati cadangan bayaran bonus telah disedia dan diluluskan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat PRKMUIP adalah memuaskan. Bagaimanapun, peraturan dan pekeliling Kerajaan berkaitan syarikat Kerajaan perlu dipatuhi sewajarnya.

12.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif PRKMUIP iaitu menyediakan perkhidmatan perubatan yang bermutu tinggi; mencapai daya maju dan daya saing yang memberangsangkan; memupuk dan memajukan daya pengurusan serta memajukan tenaga kerja yang bermotivasi dengan Etika Kerja Islam, cekap dan bersopan santun dapat dicapai, adalah disyorkan PRKMUIP mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

12.5.1. Menganalisis prestasi dan kedudukan kewangan bagi memastikan operasi syarikat memberi keuntungan yang optimum.

12.5.2. Mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan meningkatkan promosi serta memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada syarikat.

12.5.3. Memperkemas tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III

PERKARA AM

13. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- 13.1.** Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkit Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.
- 13.2.** Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.
- 13.3.** Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

14. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010, syor-syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan berterusan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor Audit. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapat setakat 30 April 2012, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap syor-syor dan perkara-perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010. Bagaimanapun, perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

14.1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Emolumen Anggota Perkhidmatan Awam Negeri

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/ Belum Selesai
1.	Imbuhan Tetap Perumahan Penjawat Awam yang menduduki Rumah Khas Jabatan dikenakan Bayaran Sewa Rumah dan masih dibayar Imbuhan Tetap Perumahan(ITP). Didapati 3 Penjawat Awam, Jabatan Bekalan Air Daerah Jerantut telah dibayar ITP sejumlah RM180 sebulan walaupun menduduki Rumah Khas Jabatan.	Tunggakan bayaran balik masih dalam proses kutipan kerana ketidakmampuan mereka dan akan membayar secara ansuran. Manakala bagi seorang penjawat awam (830402065687) tidak dapat dikutip kerana telah berhenti dari perkhidmatan.
2.	Elaun Bantuan Sara Hidup Penjawat awam menerima bayaran Elaun Bantuan Sara Hidup (EBSH) melebihi daripada kadar yang ditetapkan. Jabatan Bekalan Air Daerah Jerantut memaklumkan tindakan telah di ambil untuk mengeluarkan surat/pengiraan bayaran balik.	Tunggakan bayaran balik masih dalam proses kutipan kerana ketidakmampuan mereka dan akan membayar secara ansuran. Manakala bagi seorang penjawat awam (830402065687) tidak dapat dikutip kerana telah berhenti dari perkhidmatan.

14.2. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

- Projek Pembangunan Bandar Baru Seberang Jelai, Lipis

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/ Belum Selesai
1.	Pembangunan Oleh Perbadanan Yang Masih Belum Dilaksanakan Kawasan seluas 11.97 ekar yang terletak di seberang Sungai Perenggan yang juga termasuk dalam pembangunan Bandar Baru Seberang Jelai, Lipis. Sehingga akhir tahun 2010, kawasan tersebut masih belum dibangunkan oleh Perbadanan kerana masalah kos infrastruktur terlalu tinggi terutama yang melibatkan pembinaan jambatan melintasi sungai tersebut. Selain itu, bentuk muka bumi yang berbukit dan bercerun di kawasan berkenaan telah menjelaskan usaha Perbadanan untuk melaksanakan pembangunan di kawasan tersebut buat masa sekarang. Keadaan ini menyebabkan pembangunan Bandar Baru Seberang Jelai yang dilaksanakan oleh Perbadanan sejak 15 tahun yang lalu masih belum dapat disiapkan sepenuhnya seperti yang dirancang.	Perbadanan telah menjelaskan bahawa kawasan berkenaan mempunyai potensi yang besar untuk tujuan komersial dan dimajukan sebagai kawasan pelancongan atau pelancongan rekreasi. Perbadanan juga telah menerima beberapa cadangan pembangunan secara usahasama dari pihak swasta yang telah menyatakan minat untuk mengemukakan cadangan pembangunan mereka.
2.	Projek Siap, Lewat Diserah Dan Disewakan Pembinaan 30 unit kedai yang telah siap pada tahun 2004 lewat diserahkan kepada pembeli. Manakala pembinaan Kompleks R&R yang siap pada tahun 2006 lewat disewakan kepada Majlis Daerah Lipis. Kelewatan penyerahan ini adalah	Perbadanan menjelaskan punca kelewatan pengeluaran CFO adalah disebabkan masalah keperluan teknikal melibatkan Jabatan Bekalan Air (JBA), Jabatan

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/ Belum Selesai
	<p>disebabkan kedua-dua komponen projek tersebut lewat memperoleh kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO) daripada Majlis Daerah Lipis. Pihak Audit mendapati kelewatan mengeluarkan CFO 30 unit kedai selama 887 hari, manakala Kompleks R&R selama 999 hari.</p>	<p>Pengairan Dan saliran (JPS) dan Indah Water Konsortium (IWK). Perubahan perancangan dan syarat Jabatan Teknikal menyebabkan proses rayuan dan penyediaan infrastruktur berkenaan telah mengambil masa yang panjang dan memberi kesan kepada pengeluaran CFO Projek. Bagaimanapun, isu kelewatan penyerahan milik bangunan 30 unit kedai telah ditangani dengan baik oleh Perbadanan dan tiada seorang pembeli pun yang menuntut ganti rugi kelewatan berdasarkan perjanjian jual beli.</p>
3.	<p>Pembangunan Projek Usahasama</p> <p>Syarat Perjanjian Tidak Menjamin Kepentingan Perbadanan Sepenuhnya</p> <p>Wujud kelemahan dalam syarat perjanjian di mana perjanjian tidak mengandungi syarat-syarat yang boleh menjamin kepentingan Perbadanan malah lebih menguntungkan pihak Pemaju bardasarkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada peruntukan Pemaju dikenakan denda/penalty sekiranya gagal menyiapkan Projek. ii. Perjanjian tidak mengandungi Jadual Pelaksanaan Kerja. 	<p>Perbadanan menjelaskan bahawa perjanjian usahasama ini tidak menyebut secara spesifik akan bentuk denda atau penalty, tetapi tindakan penamatkan tersebut di bawah Klausus 10 perjanjian ini boleh dianggap sebagai suatu bentuk denda atau penalty yang boleh diambil oleh Perbadanan ke atas kegagalan yang disengajakan oleh Pemaju. Dalam kes ini, kegagalan menyiapkan Projek adalah di luar kawalan Pemaju. Perjanjian juga tidak menetapkan secara khusus Jadual Pelaksanaan Kerja tetapi pihak Perbadanan dan pemaju telah bersetuju berhubung dengan fasa pembangunan projek ini untuk dilaksanakan dalam 7 fasa sepertimana yang tersebut dalam perjanjian ini iaitu Klausus 1.1 dan 1.2. di mana <i>completion date</i> pembangunan tanah ini adalah dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani dan boleh dilanjutkan selama 2 tahun lagi jika diperlukan.</p>
4.	<p>Perbadanan Tidak Menerima Pulangan Yang Optimum Dengan Menamatkan Perjanjian Lebih Awal</p> <p>Pada bulan Disember 2009, Perbadanan dan Pemaju telah bersetuju untuk menamatkan perjanjian lebih awal iaitu tahun ke 5 (2008) dan tidak melanjutkannya bagi tempoh 2 tahun lagi sehingga 7 November 2010. Kedua-dua pihak juga bersetuju supaya Pemaju membuat panyelesaian penuh jaminan sumbangan sepertimana di bawah Klausus 3 perjanjian berjumlah RM4.35 juta termasuk bayaran tambahan berjumlah RM170,000 sebagai mengambil kira nilai faedah terhadap baki</p>	<p>Pihak Perbadanan menyedari tindakan menamatkan perjanjian ini dan menguatkuasa Klausus 3 perjanjian telah memberi kelebihan kepada pihak Pemaju. Oleh itu, untuk perjanjian projek-projek usahasama selepas ini, peruntukan tersebut telah dipinda di mana panyelesaian untuk keadaan seumpama ini adalah secara nilai</p>

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/ Belum Selesai
	<p>daripada jumlah penyelesaian penuh yang tidak diterima oleh Perbadanan. Sementara itu, mengikut perkiraan Audit sekiranya Perbadanan melanjutkan tempoh perjanjian sehingga 7 tahun (November 2010) maka Perbadanan akan menerima tambahan pulangan dianggarkan berjumlah RM4.03 juta lebih daripada apa yang sebenar diterima semasa perjanjian ditamatkan.</p>	<p>tanah dan pembangunan semasa bagi menentukan jumlah penyelesaian bagi menjaga kepentingan Perbadanan.</p>

14.3. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI

- Pengurusan Bantuan Bencana

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/ Belum Selesai
1.	<p>Perolehan Bekalan Bantuan Bencana Tidak Mematuhi Prosedur:</p> <p>Perolehan Bekalan Bantuan Bencana Tidak Mematuhi Prosedur</p> <p>Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas invois diterima daripada pembekal.</p> <p>Pembelian Terus Bagi Item Yang Melebihi RM50,000</p> <p>Berlaku pembelian secara terus dan bukannya secara sebut harga di PKMD Rompin yang melibatkan perolehan bekalan pengkalaman hadapan untuk Pulau Tioman pada tahun 2008, 2009 dan 2010.</p> <p>Berlaku Pecah Kecil Dalam Proses Perolehan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada tarikh dicatatkan di Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan pada tahun 2008. • Manakala pada tahun 2009 dan 2010, semua Pesanan Kerajaan dikeluarkan pada tarikh yang sama iaitu pada 22 Disember 2009 dan 1 Disember 2010. 	<p>Jabatan menjelaskan pembelian dibuat secara terus disebabkan perolehan dibuat daripada pembekal yang biasa berurusan dengan PKMD.</p> <p>Jabatan akan membuat perbincangan dengan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang bagi membincangkan masalah ini.</p>
2.	<p>Pengurusan Bekalan Bantuan Bencana: Tempat Penyimpanan Bekalan Tidak Sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempat simpanan stok bekalan yang sempit dan ruang pengudaraan yang tidak sempurna mengakibatkan kotak bekalan makanan yang mengandungi minyak masak telah berkulat. • Bekalan makanan tidak dapat disusun dengan teratur. • Tempat penyimpanan yang tidak sesuai mengakibatkan bekalan makanan dirosakkan oleh serangga seperti semut. 	<p>Jabatan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tempat penyimpanan yang kondusif dari segi pengudaraan dan sistem aturan yang sistematik. Bagaimanapun, Jabatan akan mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak yang bertauliah bagi mengatasi masalah ini.</p>

14.4. JABATAN KERJA RAYA

- Penyenggaraan Jalan Negeri

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
1.	<p>Peruntukan Penyenggaraan Jalan: Kerja Penyenggaraan Jalan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tertangguh</p> <p>Keruntuhan tebing di Taman Pertama, Lipis dan Rumah Rehat Tanjung Lipis masih belum disenggara dan kawasan keruntuhan tebing berkenaan telah diliputi semak samun.</p>	Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi membaiki cerun runtuh oleh pihak PBT di Taman Pertama dan Rumah Rehat Tanjung Lipis adalah besar (RM2.5 juta). Ia tidak dapat dilaksanakan di bawah kerja-kerja penyenggaraan jalan biasa Peruntukan Wang Amanah Jalan Negeri tetapi perlu dilaksanakan sebagai projek pembaikan. Peruntukan perlu dipohon daripada sumber-sumber lain sama ada dari Kerajaan Persekutuan Atau Kerajaan Negeri.
2.	<p>Kenderaan Dan Jentera Tidak Digunakan Untuk Tempoh Yang Lama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat 7 buah kenderaan dan jentera milik JKR Daerah Lipis telah lama tidak digunakan iaitu antara 8 hingga 25 bulan. • Beberapa kenderaan dan jentera telah rosak akibat lama tidak digunakan dan di tempatkan di Bengkel JKR Daerah Lipis. 	Pemandu jentera perlu mempunyai lesen khas untuk membawa jentera berat. Perjawatan bagi pemandu jentera masih tidak dapat disi sehingga sekarang. Permohonan pengisian jawatan telah dikemukakan kepada JPA tetapi tidak diluluskan. Bagaimanapun, jentera-jentera tersebut telah dipindahkan ke JKR Mekanikal Negeri.

14.5. MAJLIS SUKAN PAHANG

- Program Pembangunan Sukan

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
1.	<p>Pusat Latihan Sukan Tidak Disenggara</p> <p>Majlis mempunyai 32 pusat latihan sukan di seluruh Negeri Pahang yang dikendalikan sendiri oleh Majlis Sukan dan juga bersama persatuan sukan seperti Dewan Gimnasium SUKPA Kuantan, Kolam Renang Majlis Perbandaran Kuantan, Pusat Perahu Layar Balok dan Pusat Kecemerlangan Angkat Berat Rompin. Lawatan Audit pada bulan November 2010 di Gimnasium SUKPA Kuantan mendapati ia berada dalam keadaan yang tidak memuaskan.</p>	Majlis menjelaskan pihaknya telah mengambil tindakan seperti memohon peruntukan bagi pembaikan bangunan kepada Kementerian Belia Dan Sukan, Pejabat Pembangunan Negeri Pahang dan Kementerian Kewangan Malaysia. Selain itu, tindakan pembaikan bangunan gimnasium sedang dijalankan sebagai persediaan SUKMA 2012 di Negeri Pahang di bawah pengawasan pihak Jabatan Kerja Raya.

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
2.	<p>Peralatan Sukan Tidak Disenggara</p> <p>Lawatan Audit pada 11 November 2010 ke di Gimnasium SUKPA Kuantan dan Pusat Kecemerlangan Angkat Berat Rompin pada bulan November 2010 mendapati peralatan sukan berada dalam keadaan yang tidak disenggara dengan memuaskan dan peralatan sukan tidak dijaga serta diurus dengan sempurna. Bagaimanapun, pada masa lawatan Audit peralatan tersebut masih lagi digunakan oleh atlet untuk menjalani latihan</p>	Majlis menjelaskan pihaknya telah mengambil tindakan bagi menggantikan dan membaik pulih peralatan di Gimnasium SUKPA, Kuantan dan Pusat Kecemerlangan Angkat Berat Rompin. Peralatan gimnastik yang berkarat dan tali hampir putus tidak digunakan lagi oleh atlet demi keselamatan mereka. Selain itu, peralatan yang terbiar dan rosak telah disisihkan untuk tujuan pelupusan.
3.	<p>Asrama Tidak Disenggara</p> <p>Pada tahun 2010, Majlis telah menyediakan kemudahan penginapan kepada 130 atlet di 3 lokasi iaitu 56 orang di Kuantan, 29 orang di Rompin dan 45 orang di Temerloh. Lawatan Audit pada bulan November 2010 ke asrama Majlis Sukan Kuantan dan asrama Rompin mendapati bilik asrama perempuan dan asrama lelaki berada dalam keadaan yang tidak selesa. Pihak Audit juga mendapati kelengkapan asrama seperti almari, pintu bilik asrama, pintu tandas asrama, siling tandas dan asrama serta keadaan tandas dan bilik air berada dalam keadaan yang rosak dan kotor. Selain itu, lawatan Audit ke asrama Majlis Sukan Kuantan dan asrama Majlis Sukan Rompin mendapati soket dan kabel elektrik berada dalam keadaan tidak selamat dan boleh mengakibatkan kemalangan kepada atlet sekiranya tidak dibaiki dengan segera. Manakala di sekitar luar bangunan asrama Majlis Sukan Kuantan telah berlaku kebocoran paip air sejak tahun 2008 tanpa dibuat sebarang pembaikan dan ini menyebabkan pembaziran air.</p>	Asrama SUKPA di Kuantan diserahkan di bawah kawalan Majlis selepas SUKMA tahun 1996 tanpa Sijil Menduduki Bangunan (CF) dan pelan bangunan. Ini menyulitkan kerja-kerja pembaikan sekiranya berlaku kerosakan terutama dari segi struktur. Selain itu, Majlis ada melaksanakan kerja pembaikan kecil secara berterusan bagi menyelenggara asrama. Manakala bagi masalah kebocoran air di bawah tanah di asrama SUKPA, pihak Majlis menjelaskan perkara ini masih dalam tindakan Majlis bersama Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang mencari punca berlakunya masalah kebocoran ini.

14.6. PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH

- Pengurusan Tukar Syarat Tanah

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
1.	<p>Premium Tambahan Tukar Syarat Tanah Tidak Dijelaskan Setelah Permohonan Diluluskan</p> <p>Semakan ke atas 139 sampel daripada 679 fail permohonan tukar syarat bagi tempoh 2008 hingga 2010 mendapati kedudukan premium yang tidak dibayar berjumlah RM0.33 juta. Analisis Audit terhadap sampel fail tersebut mendapati 41 permohonan yang telah diluluskan tidak menjelaskan premium tambahan bagi 3 jenis tukar syarat berkenaan. Antara sebab premium tersebut tidak dijelaskan kerana pemohon tidak mampu membayar premium sehingga luput tempoh yang</p>	Pejabat menjelaskan bahawa Notis 7G yang disampaikan kepada pemohon telah dinyatakan dalam tempoh bayaran yang perlu dijelaskan. Selain itu, tiada peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara dan Kaedah Tanah Pahang yang membolehkan Pentadbir Tanah perlu menghantar notis berikutnya. Manakala pemohon

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
	ditetapkan dan pemohon telah meninggal dunia. Pemeriksaan Audit juga mendapati satu kes permohonan tukar syarat daripada pertanian kepada bangunan telah diluluskan pada tahun 2007 melibatkan bayaran premium tambahan berjumlah RM75,570 termasuk denda pelanggaran syarat berjumlah RM53,130. Sehingga Februari 2010 kes ini masih belum selesai kerana pemilik tidak mampu membayar premium tambahan dan telah mengemukakan 4 kali rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pengurangan bayaran. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 4 November 2010 mendapati pemilik masih menjalankan perniagaan di atas premium tanah tersebut.	perlu menjelaskan 30% premium tambahan sebelum membuat permohonan baru bagi permohonan yang telah luput tempoh bayaran.
2.	Penguatkuasaan Terhadap Pelanggaran Penggunaan Syarat Tanah Tidak Dijalankan Sepenuhnya Semakan Audit mendapati tugas penguatkuasaan dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Dan Hasil melalui 2 pasukan rondaan yang ditubuhkan dan telah menyediakan laporan hasil rondaan. Bagaimanapun, laporan tersebut mendapati rondaan lebih tertumpu kepada kegiatan pengeluaran pasir, penerokaan haram tanah kerajaan, rondaan batu-batan dan permit serta lesen. Lawatan Audit pada Februari 2011 ke 30 lot tanah yang dipilih mendapati pemilik bagi 13 lot tanah telah melanggar syarat penggunaan tanah dan tiada sebarang tindakan yang diambil oleh Pejabat. Akibat daripada pelanggaran syarat penggunaan tanah tersebut, Kerajaan Negeri mengalami kekurangan hasil kutipan premium tukar syarat tanah yang dianggarkan berjumlah RM1.14 juta. Analisis Audit mendapati sebahagian besar pelanggaran syarat penggunaan tanah ini membabitkan perusahaan kilang papan yang diuruskan oleh syarikat yang sama. Maklumat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati bahawa syarikat ini telah beroperasi sejak tahun 1968.	Pejabat menjelaskan bahawa tumpuan kerja penguatkuasaan lebih diutamakan kepada aduan dan permohonan permit semasa. Manakala penguatkuasaan terhadap pelanggaran penggunaan syarat tanah tidak dijalankan sepenuhnya kerana perlu dilaksanakan secara berhati-hati mengikut undang-undang Kanun Tanah Negara. Selain itu, kekurangan pegawai, kenderaan dan tiada sistem <i>follow up</i> fail serta pertukaran pegawai juga telah menyebabkan kekangan dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan.

14.7. PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

- IKIP Education Sdn. Bhd.

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
1.	Prestasi Kewangan - Analisis Trend Dan Nisbah Prestasi kewangan IKIP adalah kurang memuaskan. Syarikat telah mengalami kerugian pada tahun 2008 dan 2009 disebabkan perbelanjaan syarikat naik secara mendadak pada tahun 2008.	IKIP masih mengalami kerugian pada tahun kewangan 2010 dan 2011 sejumlah RM5.1 juta dan RM522,000 masing-masing.

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
2.	<p>Prestasi Aktiviti – Pencapaian Sasaran Pengambilan Pelajar</p> <p>Bilangan pelajar IKIP masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 17.2% hingga 26.4% bagi tempoh 2008 hingga 2010.</p>	<p>Bilangan pelajar yang mendaftar pada tahun 2011 juga masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu hanya mencapai sebanyak 62.3% sahaja.</p>

14.8. PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

- LKPP Property Sdn. Bhd.

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Belum Selesai
1.	<p>Pengurusan Aktiviti Projek Hartanah</p> <p>Pengurusan hartanah LPSB adalah baik. Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 4 projek masih dalam pelaksanaan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Projek Pembangunan Bercampur Bandar Baru Kuantan Puteri Fasa 1(B); • Projek Pembangunan Paya Pulai Fasa II, Temerloh; • Pusat Komersial Bandar Muadzam Shah, Mukim Bebar, Rompin; • Tapak Parcel A, Bandar Baru Kuantan Puteri, Kuantan. <p>Selain itu, bagi Projek Pembangunan Bandar Baru Kuantan Puteri Fasa1(B) sebanyak 5 Arahan Perubahan Kerja telah dikeluarkan kepada 2 kontraktor yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2011.</p>	<p>Status bagi Projek Pembangunan Bercampur Bandar Baru Kuantan Puteri Fasa 1(B), Paya Pulai Fasa II dan Pusat Komersial Bandar Muadzam Shah adalah siap manakala Projek Tapak Parcel A Bandar Baru Kuantan Puteri bagi Fasa 1 (173 unit) dijangka siap pada Ogos 2012.</p> <p>Lima Arahan Perubahan Kerja yang dikeluarkan merupakan kerja-kerja tambahan sebagaimana disyaratkan oleh pihak berkuasa. Pembinaan telah siap dan dalam proses pengeluaran CFO oleh MPK.</p>
2.	<p>Tadbir Urus Korporat</p> <p>Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam</p> <p>Sehingga akhir tahun 2010, jawatankuasa ini masih belum ditubuhkan dan Unit Audit Dalam Lembaga tidak pernah menjalankan pengauditan ke atas LPSB.</p>	<p>Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan kerana saiz syarikat yang kecil. Unit Audit Dalam Lembaga masih tidak menjalankan pengauditan ke atas LPSB.</p>

15. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri pada tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 12 Disember 2011.

16. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

16.1. Bagi tempoh April 2011 hingga 30 April 2012, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 dan 2010 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Bagi maksud tersebut Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 4 kali iaitu masing-masing satu kali bagi Laporan tahun 2009 dan 3 kali bagi Laporan tahun 2010 dengan meminta Pegawai Pengawal hadir bagi memberi penjelasan kepada Jawatankuasa terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan berkenaan. Kedudukan perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat bagi tempoh berkenaan adalah seperti **Jadual 16.1.**

Jadual 16.1

**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Pahang
Bagi Tempoh April 2011 Hingga 30 April 2012**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	18/8/2011	i. PKNP Minerals Industries Sdn. Bhd. ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang iii. LKPP Padi Sdn. Bhd. iv. LKPP Corporation Sdn. Bhd.	Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 i. Pengurusan Syarikat ii. Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Pahang iii. Pengurusan Syarikat iv. Pengurusan Syarikat
2.	25/11/2011	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Pahang	Memorandum Awal Pegawai Kewangan Negeri Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara 2010
3.	23/2/2012	i. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang iii. Majlis Sukan Pahang	Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 i. Projek Pembangunan Bandar Baru Seberang Jelai ii. Penyenggaraan Jalan Negeri iii. Program Pembangunan Sukan

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
4.	24/4/2012	i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang ii. Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh iii. Majlis Perbandaran Temerloh iv. IKIP Education Sdn. Bhd. v. LKPP Property Sdn. Bhd.	Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 i. Pengurusan Bantuan Bencana ii. Pengurusan Tukar Syarat Tanah iii. Pengurusan Projek Landskap iv. Pengurusan Syarikat v. Pengurusan Syarikat

Sumber: Jabatan Audit Negara

16.2. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, selain daripada membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Jawatankuasa juga perlu membuat lawatan ke tapak projek dan juga boleh membuat semakan terhadap perkara-perkara lain yang penting selain daripada Laporan Ketua Audit Negara. Di samping itu, Jawatankuasa juga perlu memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan sewajarnya oleh Ketua Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak mematuhi prosedur yang telah ditetapkan, kelemahan dalam perancangan, kurangnya latihan kepada pegawai terlibat, kurang penyeliaan dan pemantauan, kelemahan pengurusan projek dan penyenggaraan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif program/aktiviti serta imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit. Namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan berkaitan syarikat, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya**

5 Jun 2012

